

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGAL KEDUA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 11 November 2014 (Selasa)

**Masa** : 9.30 Pagi

**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/ Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Membaca "Doa."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Tiga pilih satulah. Pinang Tunggal sila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

*Bismilahirramanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.* Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat ADUN-ADUN, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil ketua jabatan, pihak akhbar, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa syukur kepada Allah s.w.t. sekali lagi berkesempatan untuk turut sama memberi pendapat, pandangan dan buah fikiran di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan Usul Anggaran Pembangunan 2015 yang mana telah pun dicadangkan, diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan saya mengambil kesempatan ini juga untuk berucap banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas kesempatan pagi ini memberikan ruang ini kepada saya dalam mengambil bahagian.

Yang pertama apa yang saya nak sebut ialah bersangkutan paut dalam bidang tugas saya telah diamanahkan oleh rakyat kepada saya atas nama wakil rakyat yang mempengerusikan Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Bumiputera Pulau Pinang. Saya nak merujuk kepada soalan bertulis yang dikemukakan oleh saya kepada Ahli-ahli EXCO yang berkenaan iaitu bersangkutan paut dengan apakah perancangan dan bantuan-bantuan khusus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memajukan industri inap desa atau pun ... (dengan izin) *homestay* terutamanya di kawasan Seberang Perai. Saya mendapat jawapan yang agak ringkas nampak jelas tidak ada apa-apa bantuan yang diberikan atau pun yang disalurkan kepada pengusaha-pengusaha *homestay* di Negeri Pulau Pinang ini. Suka saya sebut pengusaha *homestay* ini ada lebih kurang 10 buah yang didaftarkan dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di Pulau Pinang. Saya merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri terutama EXCO yang bertanggungjawab dalam bab-bab pelancongan ini supaya turut sama memberi ruang, memberi kesempatan, memberi bantuan dan sebagainya kepada pengusaha-pengusaha *homestay*, khususnya Bumiputera di Pulau Pinang ini. Itu isu yang pertama.

Yang kedua, saya juga mengemukakan soalan bertulis untuk bertanyakan berapakah misi pelancongan yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan, sejak tahun 2010, 2011, 2012, 2013 sehingga tahun 2014 ini. Juga saya dibekalkan dengan laporan yang agak lengkap tentang delegasi yang diketuai oleh Yang Berhormat EXCO Pembangunan Pelancongan Negeri. Tetapi saya dapat lihat juga ada beberapa EXCO yang terlibat di dalam delegasi ini yang sering kali turut sama menyertai misi pelancongan ini. Suka saya sebut Yang Berhormat Bagan, Bagan Jermal, Bagan Jermal saya tahu Yang Berhormat Bagan Jermal dia mempengerusikan Kerja Raya dan sebagainya tetapi saya lihat empat (4) kali lawatan yang disertai oleh Yang Berhormat Bagan Jermal turut sama dalam delegasi pelancongan ini. Saya kena bersangka baik dalam hal ini dan dalam masa yang sama juga, saya lihat Yang Berhormat Batu Maung juga ada turut sama dalam lawatan ke Dubai dan saya juga kena bersangka baik dalam EXCO-EXCO ini mengikuti delegasi yang diketuai oleh EXCO Pembangunan Pelancongan ini.

Untuk isu seterusnya saya juga bertanyakan berapa kos setiap misi pelancongan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat EXCO Pelancongan, dan juga *Penang Global Tourism*. Saya cuma dijawab dengan jawapan bahawasanya beserta dengan kos sekali, kosnya dijawab ada di lampiran "A" akan tetapi malangnya lampiran "A" tidak bersama-sama dalam jawapan yang dikemukakan kepada saya. Jadi adakah oleh kerana saya bertanya mengenai kos maka tidak ada jawapan maka kalau boleh saya mintalah kepada EXCO yang berkenaan di dalam Dewan yang mulia ini supaya mengemukakan lampiran kepada saya sepertimana yang telah pun saya telah sebutkan. Ini menggambarkan bahawasanya kecekapan yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan Negeri jelas nampak kehampaan pihak saya.

Suka juga saya bertanya dalam bab pelancongan ini apabila diberi jawapan kepada saya dengan sebegitu banyak lawatan-lawatan ke luar negara, dengan delegasi-delegasi yang berbeza sudah tentulah bagi pemikiran saya akan ada banyak produk-produk pelancongan yang boleh diwujudkan oleh jawatankuasa ini, akan tetapi di mana yang sedia kita maklum, dapat kita lihat dengan mata kepala kita sendiri, tidak ada pun produk-produk baru di negeri kita, sedangkan negeri kita Negeri Pulau Pinang ini merupakan negeri yang begitu ramai kehadiran pelancongnya. Jumlah pelancong kalau domestiknya 2.6 juta orang, yang membelanjakan anggaran perbelanjaannya RM564.00 seorang dan juga pelancong daripada luar negara yang berjumlah lebih kurang 2.0 juta orang. Dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM2,545.00 seorang. Jadi yang saya nak mempersoalkan dan kita semua dapat lihat di manakah usaha-usaha Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri fokus kepada pelancongan ini menyediakan produk-produk baru fokus kepada pelancongan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada apa yang telah pun disuarakan oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan Usul Anggaran Pembangunan 2015 ini suka juga saya menyebut bahawasanya Kerajaan Negeri telah berupaya meneruskan pelbagai program pembangunan dan kebajikan rakyat di mana sejak dimulakan program bantuan sosial rakyat lebih daripada RM190 juta dibelanjakan, saya ucapkan berbilang terima kasih dalam bab ini, akan tetapi suka saya menyebut

bahawasanya Kerajaan Persekutuan pun ada memberi banyak perbelanjaan fokus kepada rakyat contohnya BR1M, akan tetapi perkara ini dikutuk, disebut pelbagai perkara oleh Pihak Pembangkang terutamanya daripada Pakatan Rakyat yang mengatakan bahawasanya negara akan mufliis dan sebagainya, jadi maksudnya apa yang saya nak sebut di sini seolah-olah cakap tidak serupa bikin.

Suka juga saya menyebut dari segi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan seperti mana yang telah disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu tentang konsep 3T iaitu *Talent, Technology, Tolerance* yang mana ini mampu untuk meningkatkan keupayaan sesebuah masyarakat yang berkemampuan dan berkemahiran tinggi bagi mengekalkan modal insan yang cemerlang dalam kelompok yang kreatif dan berdaya maju, tetapi apa yang saya nak sebutkan di sini bagaimana kita nak membina bakat rakyat tempatan, bagaimana kita nak mempertingkatkan perkhidmatan atau pun kualiti perkhidmatan rakyat kita sedangkan banyak pakar perunding di negeri kita ini dilantik dan diberi ruang, peluang kepada warganegara daripada luar seperti Subana daripada Singapura untuk projek BPO dan PITP juga melantik perunding daripada luar.

YB. Dato' Speaker, dalam menyediakan persekitaran kondusif bagi pelaburan luar, Y.A.B. Ketua Menteri ada menyebut bahawasanya MIDA memainkan banyak peranan, itu saya akui dan saya menyokong penuh akan saranan ini, akan tetapi fenomena ini bukan perkara baru telah berlaku semasa BN lagi bukan sebab C.A.T, Sabah dan Sarawak tiada C.A.T. pun catat pelaburan yang tertinggi di Malaysia ini. YB. Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat ada menyebut Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif melalui Invest Penang, Penang SME Centre sebagai pemangkin SME baru dan Perkampungan IKS Pulau Pinang di Batu Kawan, saya nak tanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri berapakah unit-unit SME yang belum terjual? Adakah InvestPenang adakan kajian yang terperinci atau pun buat *study* terlebih dahulu tentang permintaan atau pun tentang keperluan pasaran yang sebenar-benarnya.

YB. Dato' Speaker, antara isu lain yang ingin saya sebut Y.A.B. Ketua Menteri juga ada menyebut di dalam pembentangan perbekalan 2012 ini bersangkutan paut dengan projek ternakan ikan dalam sangkar. Projek ternakan ikan dalam sangkar ini sepertimana yang telah pun disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri seolah-olah dia sahaja yang memberi fokus, tumpuan tetapi hakikatnya projek ternakan ikan dalam sangkar ini bermula daripada tahun 2001 lagi sehingga kini hampir 14 tahun dah projek ini beroperasi. Terdapat 400 unit sangkar, 150 unit diusahakan oleh pengusaha peladang dan 250 unit lagi oleh Pertubuhan Peladang Negeri. Pertubuhan Peladang Negeri bertindak sebagai badan pengurusan kepada projek usahawan ini. Ini semua sudah tentulah kita tahu dan kita sedia maklum semua ini di bawah Kerajaan Persekutuan malah baru-baru ini ada bencana yang melanda pengusaha-pengusaha ternakan ikan dalam sangkar ini, Kerajaan Persekutuan juga tampil dan memberi bantuan kepada mereka-mereka yang terlibat dengan bencana ini.

Untuk seterusnya YB. Dato' Speaker, isu keselamatan Y.A.B. Ketua Menteri ada menyebut dari segi penyediaan beberapa unit CCTV, 130 unit dengan nilainya RM98 juta, MPPP menyediakan 202 unit dengan RM14.4 juta dengan harapan

semua ini dapat menurunkan indeks jenayah di negeri ini akan tetapi Y.A.B. Ketua Menteri tidak langsung menyebut bahawasanya peranan tugas dan tanggungjawab anggota keselamatan, pasukan Polis yang berusaha pagi petang, siang malam, subuh senja menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka untuk turut sama membantu menjaga keselamatan di negeri kita ini.

Akhirnya, YB. Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang di mana telah disebut Y.A.B. Ketua Menteri mendapat anugerah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam kategori pengurusan akan tetapi suka juga saya menyebut dan memberi ringitan kepada Jabatan Veterinar supaya memanfaatkan anugerah ini supaya turut sama, turun ke kawasan, fokus saya kepada Kampung Selamat, kawasan yang banyak pemeliharaan khinzir, kandang-kandang khinzir di situ yang baunya masih orang kata apa, masih bau busuknya itu keterlaluan memanfaatkan anugerah ini dengan turun ke bawah dan terus menunaikan tugas dan tanggungjawab bagi memastikan rakyat kita terutama di kawasan saya di Kampung Selamat ini yang bau busuk daripada penternakan khinzir ini dapat diatasi.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta penjelasan, Yang Berhormat Pinang Tunggal. Cakap tentang Kampung Selamat kita bimbang takut tak selamat kerana baru ini terdapat satu kes JE, ada pelajar sekolah di situ melibatkan kawasan Yang Berhormat dan kita semua bimbang tentang takut ianya merebak, *Alhamdulillah* dapat dibendung, tetapi saya rasa oleh sebab banyak sekali ladang-ladang babi di sana, jadi di sini macam mana kita nak pastikan bahawa ternakan ini dikawal dengan baik mengikut garis panduan yang ditetapkan DOD 50 dan ianya tidak menyebabkan masalah pencemaran bukan sahaja bau seperti mana Yang Berhormat sebut tadi, bau sahaja, tetapi pencemaran-pencemaran lain terutama pengaliran keluar kumbahan pencemaran kepada air. kepada Sungai Kereh dan sebagainya dan ini adalah satu kebimbangan bukan sahaja untuk kawasan sekeliling tetapi untuk seluruh Negeri Pulau Pinang kerana Negeri Pulau Pinang mendapat bekalan air daripada tempat Sungai Dua, PBA di Sungai Dua, jadi minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, saya harap EXCO yang bertanggungjawab boleh jawablah. Jadi saya setuju sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Telok Ayer Tawar betul, ada seorang pelajar, anak-anak pelajar sekolah di kawasan saya di Kampung Selamat terlibat dengan JE baru-baru ini, sedih sungguh tengok kesihatan dia tetapi *alhamdulillah* berkat muafakat kita semua tiga (3) hari lepas kita sudah dapat membuat satu majlis meraikan dia sihat kembali, kesyukuran kerana dia sihat, tetapi tak macam biasalah. Jadi saya berharap sangat kepada Jabatan Veterinar ini untuk tampil dan menguruskan sepertimana yang saya telah sebutkan. Jadi YB. Dato' Speaker.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Minta laluan, terima kasih Dato' Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pinang Tunggal sama ada pemeliharaan khinzir atau babi di Kampung Selamat dilaksanakan secara haram atau pun tidak? Sekiranya Yang Berhormat Pinang Tunggal dapat menjawab, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih Yang Berhormat Penaga itu pun EXCO jawablah tetapi bagi kita umat Islam babi itu haram, itu yang saya boleh sebutkan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Maksud saya, minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan sedikit.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya bagi sahabat saya dulu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Sedarkah dalam Dewan yang mulia ini, bahawa penternakan khinzir adalah satu daripada sumber makanan untuk rakyat Malaysia khususnya orang yang bukan Islam. Ladang-ladang sana adakah mereka wujud baru sekarang atau sudah lama wujud di sana? Kedua, dalam Dewan yang mulia ini kami telah lihat Ketua Pembangkang bagi satu gambaran bahawanya kerana khinzir baru ada JE, saya nak tanya satu soalan kepada Ahli Yang Berhormat Pinang Tunggal jikanya di Malaysia kami haramkan makan khinzir, apakah terjadi kepada sumber makanan? Di mana kalau daging lembu kami kena import, jikanya daging kambing kami kena import, jikanya kami ambil kira daging ayam daripada dulunya nenek moyang kalau bela ayam kena 75 hari sekarang baru 28 hari dan begitu banyak kimia-kimia *steroid* dalam makanan mereka dan akibat pada hari ini persoalan kesihatan timbul orang Cina tak payah makan babi tak apa, tapi kalau kami semua makan daging lembu, apakah akan terjadi kepada golongan yang miskin, khususnya daripada orang Bumiputera apakah terjadi, kami tak makan daging babi, kami makan ayam, kami makan kambing, kami makan lembu adakah harga tak melambung? Ambil kira, jikanya kami bela lembu berapa lama boleh dapat seekor lembu, dua (2) tahun? Jika kami bela kambing 1 tahun hanya empat (4), jika empat (4) ekor ternakan khinzir, satu (1) tahun sekurang-kurangnya boleh dapat 30 ekor berbanding *republic as queue, we must respect one another, if you right we alright...*(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

ini adalah satu sensitif isu saya minta hormatlah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Bukan laluan kepada saya. Itu kata saya percaya, kawan saya daripada Pinang Tunggal tak ada niat, dia bagus, dia haknya terbuka, tetapi janganlah orang tepi nak cucuk api tak bagi macam ini pun ada, tak patut, terima kasih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta laluan Pinang Tunggal.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Jikalau saya EXCO saya jawab, tetapi saya bukan EXCO, bagi EXCO jawablah...(ketawa)....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta laluan, sikit saja, saya kena perbetulkan fakta yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal. Dua (2) fakta yang perlu saya perbetulkan tadi saya *google* cepat-cepat dapat ladang khinzir Pulau Pinang bebas JE daripada rakyat *post*, Julai 4, 2014. Ladang ternakan khinzir di Pulau Pinang disahkan bebas daripada wabak JE setelah ujian serta pemantauan, itu *first point*. *Point* kedua saya *google* adalah JE adalah sejenis penyakit melalui gigitan antara lain khinzir, burung liar juga dan lain-lain binatang, burung liar dan lain-lain binatang, tupai juga, ada banyak *medium*, kucing, anjing itu semua, janganlah tak ada pengetahuan, *google*, guna *google five seconds* boleh dapat maklumat dan janganlah putar belit di sini. Janganlah putar bulit di sini, janganlah berpanjangan *statement* tersebut tadi kita sahkan tak ada JE di rakyat *post* dan bukan medium itu, so jangan guna isu ini untuk meraih apa untuk publisiti politik....(gangguan).



**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Yang Berhormat Air Itam, saya nampak Yang Berhormat Air Itam jawab macam dia duk rasa macam dia EXCO lagi, dulu dia EXCO tapi sekarang dia bukan EXCO dah...(gangguan), tapi walau macam mana pun....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Apabila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya rasa Yang Berhormat Air Itam ini .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Apabila kita pergi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Air Itam ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Kalau Pinang Tunggal kata silap. Kita kena kata silap.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Bukan, dengar kata saya dulu, maksud saya Yang Berhormat Air Itam, saya menceritakan di awal tadi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Veterinar kerana mendapat anugerah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, itu yang saya sebut selepas itu saya sambung dengan ialah memanfaatkan dengan anugerah yang ada itu untuk sempurnakan apa yang rakyat saya alami di Kampung Selamat dengan keadaan sampai hari ini baunya, saya tak sebutkan babi, saya sebut khinzir nampak bagi sedap, bagi nampak lembut sikit, betul tak saya sebut Yang Berhormat Sungai Puyu, saya tak sebut pun babi, saya sebut khinzir, nampak lembut lagi, Sungai Puyu mengakui. Cuma itu sahaja yang saya sebut. Saya tak sebut pun pasal JE, yang JE Ketua Pembangkang, dia Ketua Pembangkang sebut oleh kerana dia rasa bertanggungjawab, oleh kerana dia mewakili rakyat juga di kawasan cucu kawan dia kena JE okey. So jadi itu sahaja saya Yang Berhormat Itam ini tertinggal di belakang lagi teringin nak jawab walaupun ada *google*, dia *google* ke lain. Saya rasa cukuplah Dato' Speaker...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Selepas....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Kawan baik.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Kawan baik boleh-boleh, bukan baru baik tapi dah lama baik....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Saya ada dengar celahan dari YB. Telok Ayer Tawar kata Sungai Dua *treatment plant* ada cuma guna pakai air dari Sungai Kerek atau sumber dari Kampung Selamat, jangan buat tuduhan sebegini kerana Sungai Dua, *treatment plant* langsung tak ambil air dari Sungai Kerek atau ada *contamination* dari Kampung Selamat. Kita ambil air dari Sungai Muda 85%, yang lain sumber-sumber di Pulau Pinang ke lain-lain tempat. Jadi jangan kata macam ini, nanti akan menimbulkan satu kerisauan di kalangan pihak-pihak muslimin muslimat, jangan buat macam itu, kalau tak percaya kita boleh ambil *sample* mutu air itu, untuk diuji jangan buat tohmahan seperti ini, terima kasih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Pinang Tunggal bagi?

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Bagi, bagi.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih Dato' Speaker, saya nak sentuh sedikit tentang khinzir, benda ini sensitif tetapi perkara ini bukanlah perkara baru, tapi saya bukan nak tunjuk, tapi nak perbetul, tapi kenyataan YB. Sungai Puyu kata, andai kata kita melarang orang Cina dan orang yang bukan Islam memakan babi, khinzir tidak timbul isu tersebut, tidak, Ketua Pembangkang pun tidak mengatakan bahawa melarang orang yang bukan Islam untuk memakan khinzir tidak, cuma soalan daripada Ketua Pembangkang tadi, sama ada ladang-ladang ternakan dibina, diurus dan diselenggarakan mengikut peraturan dan piawaian yang dibenarkan supaya tidak berlakunya limpahan atau pun kumbahan dan sebagainya itu satu.

Yang kedua saya ingin nyatakan di sini bila kita bercakap tentang JE benda pertama yang orang nampak dan dihebah-hebahkan adalah khinzir, ebola orang akan cakap pasal monyet, kalau di Mekah apa Mascovi, mereka merujuk kepada unta itu sahaja, tetapi bukanlah benda itu datang daripada sumber ini sahaja, tetapi sumber utama tetapi sebagai rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, kaum dan agama kita tidak akan menyuruh orang Hindu memakan daging lembu, kita tidak melarang orang Cina memakan daging khinzir, kita tidak melarangnya, kita menghormati satu sama lain dan saya harap Dewan ini kita tidak berbahas kepada satu isu yang memberi gambaran yang tidak baik kepada rakyat di luar. Sekian, terima kasih...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Minta laluan, saya ada soalan berkenaan dengan isu yang dibangkitkan tadi pasal *homestay*....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya dengar jauh sangat ini.

**,Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Satu saja, sedikit saja, sedikit sebab tadi saya tak nak ganggu perjalanan ucapan itu....(ketawa), okey. Ini soalan kepada Yang Berhormat Pinang Tunggal, sebab sijil *homestay* dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan kepada rumah-rumah kampung, Bumiputera dan juga India, Jadi saya persoalannya di sini, untuk mendapatkan sijil *homestay* syarat-syaratnya agak ketat, dia mesti mempunyai persekitaran yang baik, mempunyai Dewan dan macam-macam dari jawapan yang saya terima dari soalan berkenaan peruntukan yang diterima oleh Pejabat Daerah untuk infrastruktur asas dan awam, Pejabat Daerah tidak menerima peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Jadi saya nak memohon jika Pinang Tunggal boleh membantu memberi jawapan ke, apa ke, boleh tak kawan-kawan kita dari BN melobi atau pun memohon daripada Kerajaan Persekutuan untuk memberi peruntukan untuk infrastruktur asas untuk jalan-jalan, mengtarkan jalan-jalan dan sebagainya, parit-parit supaya *homestay* ini dapat, sebab sekarang Kerajaan Pusat tidak lagi memberi, apa yang

saya diberitahulah oleh Kementerian Pelancongan, dia tidak lagi memberi dana yang RM10,000 kepada rumah-rumah *homestay*. Jadi saya nak mohon agar sebab peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri tidak mencukupi memang sebab dana dari *income* pendapatan daripada Kerajaan Negeri *example* cukai dari Kerajaan Negeri disalurkan kepada Kerajaan Pusat. Jadi okey, tetapi apa yang saya diberitahu ialah sejak 2008, MPSP dan juga Pejabat Daerah tidak lagi menerima dana-dana daripada Kerajaan Pusat, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah-sudah, sudah pergi jauh.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Yang Berhormat Penanti tadi dia minta tolong, sekarang pukul 10.00 pagi, pukul 10.00, jadi saya nak bagitahu Yang Berhormat Penanti minta pukul 10.00, pukul 9.00 saya tolong dah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan sikit, kawan lama, selamat pagi Yang Berhormat Bertam, selamat pagi, jangan lagi lena apabila saya mengatakan saya ada kata jikalau, jikalau perkataan itu jikalau juga *emphasize* oleh Pinang Tunggal jika tidak faham bahasa, Bahasa Malaysia jikalau *what if this happened*, faham tak, saya tak buat apa tuduhan kerana dari otak negatif, hati negatif cakap pun negatif, saya berdoalah bahawa *be more positive what if*, jikalau tak ada macam ini. Apakah akan terjadi kepada rakyat *what if*, selamat pagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih, *what if* jikalau, saya dah berjanji dengan YB. Dato' Speaker, 15 minit saja, nak jadi budak baik kononnyalah tapi ada gangguan saya minta maaf, mohon menyokong, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, jangan merajuk ini abang saya ini, dia merajuk pula dah. Saya bangun juga untuk turut serta berbahas dalam Ucapan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang pada 07 November. Saya pertamanya ingin membawa perhatian Dewan kepada laporan ucapan bajet yang telah disediakan saya merujuk kepada muka tiga untuk makluman Dewan ini Kumpulan Wang Disatukan telah mencecah RM1.29

bilion pada tahun berakhir Disember 2013. Saya ingin menyatakan bahawasanya Kerajaan BN pada tahun 2008 telah pun meletakkan platform yang baik untuk membolehkan Kerajaan Negeri mencapai ke tahap ini. Apa yang saya harapkan adalah satu simpanan yang banyak ini, kita tidak perlu bermegah-megah, gunakanlah sebaik mungkin untuk projek-projek pembangunan rakyat dan kesejahteraan rakyat yang akan saya bentangkan nanti dan saya juga minta supaya Y.A.B. Ketua Menteri supaya memberi juga peruntukan kepada kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional di Negeri Pulau Pinang ini.

Seterusnya di muka surat empat, disebut para pertama di mana sejak dimulakan program bantuan sosial rakyat pada tahun 2008, lebih daripada RM192.98 juta hasil negeri telah diagihkan secara langsung, secara wang tunai kepada rakyat. Jadi saya nak minta kepada Y.A.B. Ketua Menteri mohon diberi pecahan perbelanjaan ini. Saya juga ingin merujuk kepada wang yang banyak ini kepada insiden atau kejadian di mana beberapa gerai telah pun dirobuhkan. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat EXCO tolong berikan nama-nama gerai dan bilangan gerai yang telah dirobuhkan dan kalau boleh gunakan peruntukan lebihan wang banyak RM1.29 bilion ini untuk membina semula jumlah yang sama gerai-gerai yang telah diberikan dirobuhkan. Walhal ada yang telah dibina atas tanah yang tak sah dan sebagainya diganti semula kerana ini merupakan keperluan mereka-mereka yang begitu sangat kecil yang berniaga tepi jalan dan inilah sebenarnya apa yang dikatakan sebagai AES (Agenda Ekonomi Saksama) jika ia direalisasikan.

Saya ingin merujuk juga kepada muka surat enam (6), Kerajaan Negeri akan berusaha membawa Sistem Pendidikan Vokasional Negara Jerman dalam bentuk asal ke Pulau Pinang, saya nak minta penjelasan daripada Pejabat EXCO cara pelaksanaan yang dikatakan dalam bentuk asal ini kerana Pulau Pinang dan Jerman ada banyak yang tak sama jadi mungkin Y.A.B. Ketua Menteri boleh menjelaskan sistem pendidikan dalam bentuk asal ke Pulau Pinang ini, saya memerlukan penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Muka surat sembilan (9). Saya mengucapkan tahniah kepada MIDA kerana telah pun berjaya menolong membawa industri berjumlah RM4.6 bilion projek pembuatan ke Negeri Pulau Pinang ini so tahniah kepada MIDA dan Kerajaan Pusat dan khusus kepada Tok Pa yang telah bertungkus lumus membantu Pulau Pinang, walaupun sering dituduh yang Kerajaan Pusat tak membantu Pulau Pinang.

Muka surat dua belas (12), demi mengekalkan keistimewaan makanan penjaja yang enak, Kerajaan Negeri memutuskan untuk melarang pekerja asing dari menjadi tukang masak. Soalan saya. Bagaimanakah pula keadaannya kalau tukang masak asing itu lebih bagus daripada tukang masak tempatan? Adakah mereka ini juga akan dilarang padahal kedatangan masyarakat luar juga ke Pulau Pinang ini, sebenarnya mereka juga mahu makan makanan lain selain daripada makanan asli di Pulau Pinang ini. Muka surat tiga belas (13), para sembilan belas (19) Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM6.16 juta untuk sektor pertanian di Pulau Pinang, tumpuan pada masa ini ialah projek-projek yang tidak memerlukan saiz tanah yang luas tetapi mempunyai nilai tambah atau pun *value added* yang tinggi seperti tanaman herba, rempah ratus, roselle dan cendawan.

Saya nak tahu daripada EXCO di manakah kawasan-kawasan yang telah pun dimaksudkan itu dan saya difahamkan RFP untuk Taman Herba telah pun dibuat, saya difahamkan *no takers*, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Muka surat empat belas (14), sambungan daripada muka surat tiga belas (13), seramai 30 orang penerima telah dipilih untuk tahun ini bagi mendapatkan bantuan mikrokredit sebanyak RM5,000 saya rasa seorang ini untuk meningkatkan aktiviti, memperkembangkan program pertanian mereka, saya ingin mohon penjelasan apakah kriteria pemberian yang telah pun dilaksanakan. Begitu juga di muka surat lima belas (15), para yang di atas sekali pembinaan tukun-tukun tiruan di tiga (3) tapak iaitu Perairan Bukit Aman, Pulau Kendi dan Pulau Rimau.

Soalan saya. Adakah kedua-dua ini Pulau Kendi dan Pulau Rimau berada dalam Zon Industri Akuakultur setakat ini? Muka surat yang sama para 24, disebut Kerajaan Negeri akan membina sebuah pusat pembelajaran di semua daerah bagi menggalakkan pembelajaran berterusan di pelbagai peringkat umur. Tolong berikan *detail* projek dan pelaksanaannya. Begitu juga seterusnya, di SPT di atas tanah, menggalakkan pembelajaran berterusan pelbagai peringkat umur, satu pusat pembelajaran di Daerah Seberang Perai Tengah atas tanah seluas empat (4) ekar akan dibina pada tahun depan. Saya nak tahu siapa bina, bila nak tender, bila nak dibina dan benarkah projek ini adalah projek syarikat dan bukan projek Kerajaan Negeri.

Muka surat seterusnya, muka surat 17 para 27 seiring dengan perkembangan dunia tanpa sepadan pada masa ini Kerajaan Negeri bercadang meminta *High Speed Broadband* dipasang yang akan dikendalikan menerusi mekanisme satu henti oleh Yang Berhormat Padang Kota sebagai menambah lagi *hotspot WiFi* percuma di seluruh Negeri Pulau Pinang bla...bla..bla. Saya nak minta penjelasan daripada EXCO tentang pelaksanaannya kerana banyak *Telco Tower* telah diruntuhkan. Antena di atas bangunan telah diruntuhkan. Ada sedikit *complain*, mesti diambil tindakan diruntuhkan. Saya minta penjelasan EXCO tentang pelaksanaan Program *High Speed Broadband* ini.

Muka surat yang sama 17, tentang program perumahan untuk rakyat telah banyak diperdebatkan dan saya cuma minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, saya melihat dan dimaklumkan bahawa banyak projek JKP dan PERDA yang meminta sama ada kebenaran merancang, pelan bangunan termasuk juga sijil menduduki telah terpaksa melalui tempoh masa yang panjang. Ada yang sampai setahun, ada yang difahamkan ada dua (2) tahun. So, kalau mekanisme ini tidak ditetapkan, dibiarkan berlanjutan saya rasa keputusan akan dilambatkan. So, mohon supaya kalau ada piagam pelanggan 60 hari untuk meluluskan, saya mohon supaya diluluskan pada kadar segera supaya boleh kita meneruskan agenda kita yang sama-sama hendak membina rumah kos rendah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang ini. Muka surat 20.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minta laluan sekejap, *jus on this issue*, saya tidak mahu ulangi apa yang telah dinyatakan semalam. Tetapi mungkin kerana perdebatan yang begitu hebat dari Jumaat lalu, tiba-tiba apabila saya balik ke pejabat pada petang semalam, saya

terima satu surat dari Dato' Zainal Abidin yang menyatakan dia setuju untuk jumpa saya. Jadi kita tak payah bincang di sini, nanti dia ada beri tarikh-tarikh dan saya akan jawab dengan dia dengan tarikh lapang saya. Jadi kita akan bincang di situ, kita tak perlu berlarutan di sini lagi. Untuk makluman semua Dewan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan, terima kasih. Saya tertarik sebab Ahli Datok Keramat menyebut tentang kenyataan semalam. Dalam akhbar *The Star* ada dilaporkan Ahli Datok Keramat menyenaraikan rumah-rumah yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dan dalam senarai itu, termasuk Projek Chempedak, Taman Chempedak. Taman Chempedak ini adalah di kawasan Padang Chempedak di Parlimen Tasek Gelugor kawasan saya. Jadi saya terkejut juga kerana telah disenaraikan sebagai projek yang dibina oleh Kerajaan Negeri kerana setahu saya projek itu dibina semasa saya jadi EXCO dulu lagi. Dia mungkin disiapkan 2008, tetapi sebenarnya adalah disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih soalan daripada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Soalan daripada Telok Ayer Tawar ialah sejak 2008. Jadi itulah jawapan kitalah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Jadi saya mengesahkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Apabila kita ambil alih Kerajaan, kita ambil alih semua tanggungjawab tersebut. *So that in answer to your question. I think more importantly* dengan Dato' Zainal saya beri jaminanlah, saya akan bincang dengan dia tentang isu-isu yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Baguslah, baguslah. Biduk berlalu kiambang bertaut yang penting masyarakat Pulau Pinang diutamakan, dapat rumah dan saya sahkan bahawasanya memang projek di Seberang Perai itu memang dibuat sebelum itu kerana saya sebagai Juru Perunding Ukur Bahan, saya tahu projek itu.

Dato' Speaker diteruskan lagi, muka surat 20 tentang Sistem PITTs ini (*Penang Intelligent Traffic and Transport System*) ini disebutkan bahawa pelaksanaan ini terbahagi pada dua fasa, iaitu fasa pertama bermula pada bulan Ogos hingga November 2014, maknanya telah berjalanlah sekarang ini. Saya rasa fasa kedua akan bermula bulan Februari hingga April 2015. Saya nak tahu berapakah jumlah kos projek itu? Begitu juga dengan Projek HOHO, *Penang Hop*

*On Hop Off.* Jadi saya nak tahu Projek HOHO ini adalah projek inisiatif Kerajaan Negeri yang di *base* sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri ataupun inisiatif swasta. Kalau swasta saya nak tahu apakah bentuk pulangan yang diberikan kepada syarikat tersebut.

Begitu juga dengan seterusnya meningkatkan infrastruktur dan kemudahan asas panjang lebar disebutkan, saya ingin menyentuh sedikit sahaja tentang satu projek yang telah pun lama dibuat iaitu Projek PORR. Projek PORR ini projek lama yang dibuat pada zaman pemerintahan BN lagi, telah pun ada dia punya kajian-kajian yang dibuat atau ada *alignment* yang dibuat kalau tak salah saya dalam SI pun dah ada dah, kenapa sistem penguraian yang dicadangkan oleh PORR ini tidak diguna pakai. Mengapa perlu kita cara yang lain pada hal *officer* yang sama jugak, UPEN yang sama juga MPPP yang sama juga, mereka boleh membuat penjelasan dan mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh mengguna pakai cadangan-cadangan atau pun idea-idea yang telah pun dilontarkan dari masukkan dalam PORR tersebut. Jadi kenapa PORR ini ditolak oleh Kerajaan Negeri adakah semata-mata kerana ia telah pun dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Begitu juga disebut tentang projek yang ini mungkin Sungai Acheh akan sebut lagi projek membina jambatan baru merentasi sungai di atas laluan P.169 Kampung Tanjung Berembang, SPS. Saya nak tahu adakah ini melibatkan pengambilan tanah dan bagaimana atau apakah yang telah dibuat ke atas oleh penduduk-penduduk setempat.

Seterusnya para 36 disebut juga berkenaan dengan kemudahan awam untuk rakyat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan melaksanakan projek pembinaan pasar awam dan penjaja di Batu Feringghi dan saya mendapat maklum bahawasanya di Kepala Batas, Pasar Awam Kepala Batas juga tanah telah pun di *acquire* selesai semuanya, tujuannya adalah untuk membina *parking*, kenapa sampai ke hari ni tidak dibina mungkin Bertam tahu. Kenapa tidak dibina? Padahal tanah dah diambil dah, tak ada duit, nanti sila jelaskan kenapa tak ada duit, boros. Nanti sila jelaskan nanti, apabila saya masuk dalam MPSP punya kewangan nanti. So, saya mengharaplah cari duit atau ambillah sedikit daripada *one of the billion* itu untuk kita buat pasar. Janganlah kerana ianya terletak di kawasan Bertam, ADUN BN tak mahu dilaksanakan. Saya minta ini disegerakan kerana ada keperluan mendesak di kawasan itu.

Begitu juga fasa perenggan 37, bagi kemudahan awam Seberang Perai Kerajaan Negeri melalui MPSP akan memperbaiki dewan Haji Ahmad Badawi di Bagan yang diserang oleh anai-anai dengan anggaran kos RM1 Juta bagi menggantikan bumbungnya. Peruntukan yang cukup sedikit dan apabila saya halusi penyata kewangan soalan timbul adakah kerana MPSP juga hari ini menghadapi kekangan kewangan. Akan saya halusi nanti. Begitu juga dengan perenggan seterusnya, di samping itu MPSP juga telah memohon pembiayaan RM13.6 juta di bawah RMKe-11 untuk melaksanakan projek pembinaan dewan serba guna di bandar PERDA dan menaik taraf Kompleks Sukan Bertam. So, sekali lagi peruntukan baik disimpan tetapi kita masih lagi mengharap daripada pihak lain padahal kita mampu untuk menguruskannya pihak sendiri, kerana kita ada kuasa untuk berbelanja kalau kita mahu.



Muka surat yang 23 perenggan 41, Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan kejohanan sukan bertaraf antarabangsa seperti Kejohanan Sukan Skuasy Wanita dunia 2014 dan juga beberapa sukan Angkat Berat Komanwel yang berjaya menarik penyertaan peserta antarabangsa seperti Penang International Triathlon & Duathlon 2014. Saya nak tanya Kerajaan Negeri berapakah perbelanjaan yang telah dibuat ke atas penganjuran program-program ini? Saya difahamkan juga ianya ditaja oleh pihak swasta dan mungkin betul, mungkin tidak, EXCO boleh mengesahkan. Saya minta berapakah jumlah kos keseluruhan penganjuran program-program itu. Dan kalau fasa perenggan 42 di muka surat 24 untuk mempromosikan rakyat di kalangan rakyat, selain daripada peruntukan yang disediakan untuk membina baru menaik taraf serta menyelenggara kompleks dan kemudahan sukan Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM6.84 juta dalam tahun 2015. Ada duit pulak. Kenapa tak gunakan duit itu, untuk buat Kompleks Sukan Bertam. Betul tak Bertam.

Seterusnya disebut juga dalam muka 24 pada masa ini Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk membuka Pusat Dialisis di Daerah Seberang Perai Utara yang akan dibuka di kawasan Masjid Al-Taqwa, Bertam, saya tak pasti 12 buah mesin. Saya pernah berjumpa dengan koperasi kariah di sini, saya tahu mereka sekarang ini masih lagi mengutip duit untuk membina masih lagi mencari sumber kewangan. Jadi sebagai projek ini bukan projek Kerajaan Negeri ini adalah projek swasta yang dibuat oleh Kariah Masjid Al-Taqwa itu dan saya tahu berapakah banyak sumbangan yang telah pun diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menjayakan usaha yang mulia ini?

Begitu juga muka surat 25 bersambung muka surat 26 tentang Kerajaan Negeri bersedia untuk membelanjakan RM1 juta bagi memasang sebanyak 137 alatan *mosquito magnet* di seluruh Negeri Pulau Pinang demi menjaga kesihatan dan keselamatan rakyat Pulau Pinang. Isu nyamuk, nyamuk Culex ke, nyamuk Aedes ke dan isu ini sebenarnya adalah isu yang menyeluruh. Kerajaan Pusat telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi taklimat, membuat kempen dan sebagainya untuk memastikan yang kebersihan terjaga. Apakah pula peranan Kerajaan Negeri untuk memastikan yang keseluruhan Negeri Pulau Pinang ini bersih dan adakah dengan menyediakan 137 *mosquito magnet* ini boleh menyelesaikan dan kalau boleh ianya harus diberi secara menyeluruh meliputi banyak tempat. Kerana *mosquito* apa ini eades ni tidak berlaku di tempat yang sama dia akan berulang-ulang di tempat yang lain. Nanti Yang Berhormat EXCO boleh menggulungnya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Beri laluan sikit sahaja.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Nanti gulung la nanti.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tentang peranan Kerajaan Pusat yang disebut tadi. Boleh minta laluan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Nanti-nanti.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Semalam tak dapat, macam susah sangat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak ada don't worry you ada masa lagi untuk berhujah. Tak apa, adik kena hormat abang tak apa. Nanti ayahanda marah. Muka surat 28 tentang, ini bermakna di seluruh Negeri Pulau Pinang akan mempunyai 664 unit *cable CCTV* keseluruhannya pada tahun 2012. Saya nak tanya EXCO bagaimanakah kaedah untuk mengenal pasti kawasan CCTV dan apakah kriteria dan pemilihan tempat? Sebab saya tengok di Balik Pulau tak nampak pun.

Seterusnya muka surat 29, peruntukan tahun depan untuk Hal Ehwal Agama Islam adalah sebanyak 57.88 juta. Mana EXCO tu pi dah, tadi dia ada. Kita perhatikan dia punya peruntukan yang banyak. Tapi bila saya lihat, peruntukan mengurus bukan peruntukan pembangunan sahaja. Mengurus yang banyak. So, ini bermakna sepatutnya nak tunjuk bahawa saya melibatkan banyak duit untuk umat Islam, pecahkan supaya kita lihat, bagaimana sumbangan fizikal yang diberikan Kerajaan Negeri untuk membangunkan agama Islam.

Muka surat 30, disebut ini, Jabatan Kewangan Negeri dan PDC memperolehi tahap prestasi pengurusan kewangan yang sangat baik bagi 6 tahun berturut-turut dari tahun 2008 hingga 2013. Saya rasa Ketua Pembangkang setuju dengan saya, bahawasanya semasa Yang Berhormat pernah menjadi EXCO, kita telah pun meletakkan asas yang baik pada pengurusan kewangan sehingga membolehkan mereka meneruskan kesinambungan pentadbiran sampailah ke hari ini.

Seterusnya muka surat 32 disebut tentang JKK kenaikan ini akan melibatkan pertambahan sebanyak RM0.46 juta atau pun RM460,000 sahaja. Susulan ini untuk pembiayaan pengurusan 294 JKKK bagi tahun 2015, kali ini akan memperuntukkan sebanyak RM6.36 juta. Saya nak minta penjelasan daripada EXCO berapakah JKKK yang telah ditubuhkan dan yang bermesyuarat setiap bulan. Berapa JKK yang mempunyai keahlian penuh seramai 15 orang dan difahamkan ada JKK yang hanya ada pengerusi dan setiausaha sahaja dan JKK dan AJK yang tidak lebih daripada 10 orang. Mohon penjelasan daripada YB. EXCO.

Begitu juga yang muka surat 35 mungkin ini *typo error* perenggan 67. Tujuan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 ada untuk mendapat kuasa berkanun bagi merekod Kerajaan membuat bekalan bagi 2015, yang ini yang betulnya saya pasti lah adakah merujuk kepada 2015 ataupun ini adalah yang sebenarnya, tapi saya rasa dia merujuk kepada Rang Undang-undang Perbekalan 2015, mungkin *typo error* lah saya rasa. Dan begitulah antara teguran saya YB. Dato' Speaker, tentang ucapan bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan saya minta penjelasan.

Seterusnya saya sentuh sedikit tentang Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai berakhir 31 Disember 2013. Saya melihat laporan ini laporan, muka surat nombor satu (1) dan nombor dua (2) saya melihat jumlah pendapatan MPSP bagi tahun 2013 adalah RM199,811,771. Perbelanjaan pula adalah dimasukkan dalam perbelanjaan mengurus sebanyak RM176 juta dicampur dengan perbelanjaan bangunan RM2.4 juta keseluruhan perbelanjaan adalah RM197,092,228 lebih bersih tahun semasa adalah RM2,742,543. Ini seperti dalam penyata pendapatan bagi tahun berakhir Disember 31 MPSP.

YB. Dato' Speaker, ini menunjukkan bahawasanya kalau tahun 2012 lebih tahun semasa adalah RM4 juta 2013 lebih semasa adalah 2.742 juta. Sikit sangat, persoalannya saya difahamkan pada awal bulan Jun ataupun pertengahan bulan Jun terdapat perbehentian keseluruhan pekerja-pekerja kontrak memungut sampah dan untuk beroperasi MPSP terpaksa mengambil pekerja sekitar dalam 2,000 orang kalau dikali dengan gaji mereka saya ia lebih kurang berjumlah dalam RM15 juta lebih. So bagaimanakah Kerajaan Negeri ataupun MPSP hendak menampung perbelanjaan ini dengan lebih pendapatan cuma RM2.72 juta sahaja. Bagaimana, saya minta penjelasan nanti. Sebab ini akan berlaku tahun depan, adakah masalah ini pihak MPSP dan Kerajaan Negeri akan menaikkan cukai tafsiran yang akan melibatkan pendapatan keseluruhan penduduk semata-mata hendak menampung perbelanjaan.

Saya nak ingatkan bahawasanya kepada Kerajaan Negeri tujuh (7) tahun bermewah-mewah dah habis tujuh (7) tahun menyalahkan orang lain dah habis carta berikut adalah tujuh tahun yang penuh rintangan dan saya ingatkan dengan ikhlas bahawasanya kesilapan pengurusan kewangan sama ada MPSP ataupun MPPP atau Kerajaan Negeri sendiri akan mengakibatkan akibat yang cukup buruk kepada Negeri Pulau Pinang ini. Saya berharap mendapat penjelasan daripada YB. EXCO. Banyak lagi.

Saya nak terus kepada soalan-soalan bertulis yang telah pun diberikan saya pun bermula sahabat baik kepada Ketua Pembangkang, iaitu Sungai Puyu. Jikalau, tapi ini fakta, soalan saya nombor dua tentang kutipan 20 sen beg plastik diberikan jawapan dan saya ingin merujuk kepada jawapan yang EXCO bagi, perenggan satu dua tiga, disebut setakat ini semua *supermarket-supermarket department store* kebanyakan *chain store* seperti 7 eleven dan KFC di Pulau Pinang telah pun mengambil bahagian dalam kempen ini secara sukarela dan telah pun menyerahkan wang kutipan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sedang mengesan dan menyiasat syarikat yang mengutip 20 sen tetapi tidak menyerahkannya kepada Kerajaan Negeri. Itu jawapan diberikan. So ini bermakna sefahaman saya tidak ada peraturan atau undang-undang yang memperuntukkan bahawasanya Kerajaan Negeri boleh mengutip dan mereka perlu membayar sebab ini sukarela. Betul YB. sukarela.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya bagilah yang ini.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Kalau nak penjelasan kena penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Nak panjang nanti masa penggulungan. Sebab saya ada banyak lagi ni.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Nanti. Iaitu kata apabila mereka telah disyaratkan untuk bayar, pada mulanya kami menggunakan kesedaran, langkah kedua adalah pendidikan, langkah ketiga adalah perubahan, dan langkah empat adalah amaran, langkah lima adalah tindakan. Memang saya telah kenal pasti ada satu syarikat yang tidak bayar, dia mula-mula bayar selepas itu apa terjadi Kerajaan Pusat nak ikut. Saya telah kata *we did not copy it right, we do not copy right, but please copy it right*, bila Kerajaan Pusat nak buat dia tengok Kerajaan Negeri tujuh (7) hari satu minggu Kerajaan Pusat juga nak ikut satu hari satu minggu hari Sabtu. Kami ada sistem untuk mengutip kewangan dan salur kepada Bendahari Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Pusat dia sombong dia tidak mahu tengok macam mana Pulau Pinang buat, dia kata *you* kutip, *you* suka hati nak bagi yang mana dan ini memang kalau nak nama, saya bagi nama, saya rasa selepas siasat tesco kerana mereka telah kata kami Ibu Pejabat di Kuala Lumpur, kalau Ibu Pejabat di Kuala Lumpur, kalau Kerajaan Pusat buat keputusan macam ini, kami ikut Kerajaan Pusat kerana di Pulau Pinang hanya ada cawangan-cawangan sahaja, siapa yang sabotaj program ini, Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat sabotaj program ini di Pulau Pinang. Dulu dia ada bayar, sekarang dia tak mahu bayar, dia kata kalau Kerajaan Pusat buat macam ini kami ikut Kerajaan Pusatlah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Silakan. Ketua Pembangkang saya kena bagi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Pulau Betong. Saya cukup minat dengan kawan baik saya ini, memang untuk pengetahuan Ahli Dewan kami dulu kawan baik. Dulu, .masih sekarang pun kawan baik. Jangan cakap macam itu, jangan merajuk saya cukup kagum dengan Sungai Puyu kerana cukup idealistik dan mempunyai idea yang cukup bernas, pernah sekali dulu YB. Sungai Puyu cerita ada ladang di New Zealand dia jemput saya pergi sama terima kasih lah. Ada lagi ker ladang itu?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Apakah sangkut.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Okey.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya punya bapa bukan *you* punya bapa. Saya punya nenek, bukan *you* punya nenek, saya punya nenek moyang bukan *you* punya nenek moyang.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Janganlah emosi.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Mengapa nak soal dan saya *private life*?

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya gembira dapat kawan baik Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Memang Sungai Puyu dan Telok Ayer Tawar dekat dengan laut. Bila dekat dengan laut ada batu, apa dia cakap memang ada udang disebalik batu....(ketawa).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kalau tak duduk belakang batu, udang nak duduk di mana? Jadi bercakap tentang kempen, memelihara alam sekitar, sepertimana perumahan juga Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri nampak macam berlumba-lumba untuk mengambil tindakan memelihara alam sekitar dan satu daripada usahanya ialah mengurangkan penggunaan beg plastik dan untuk menggalakan penggunaan beg-beg dan cara cara pembungkusan yang *eco friendly* ...(dengan izin). Janganlah menyatakan bahawa Kerajaan Pusat nak sabotaj Kerajaan Negeri sebab idea dan kaedah ini adalah global, bukan sahaja Kerajaan Negeri Pulau Pinang saja buat seluruh dunia sekarang berusaha untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar. Jadi benda macam ini kalau kata Tesco disebutkan tadi, tidak mahu beri peruntukkan ini berundinglah balik dengan Tesco ataupun janganlah menyatakan bahawa Kerajaan Pusat nak sabotaj. ni saya rasa tuduhan yang melulu kalau boleh Sungai Puyu pikir baik-baik sama ada ia sesuai digunakan perkataan itu atau tidak.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya kena bagi penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Cukuplah. Saya tak beri. Yang Berhormat, saya tak bagi. *Is my floor*.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

*I respect your floor. But you got respect yourself don't run away from the issue.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat *you have time to you explain later on.*

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

*You kalau nak lari diri saya.....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya nak tahu daripada EXCO.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah. Sambungkan Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Nanti. Yang tu *you* boleh *explain* lagi ya. Ada sedar, ada didik, ada ubah, amaran dan tindakan. Nanti masa penggulungan *explain* kepada saya sekarang ini kita peringkat mana? Pada lima fasa ini peringkat mana sekarang ini dan bagaimanakah kita nak pastikan bahawasanya semua syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang turut serta memberi apa ini apa juga sokongan kepada program di bawah oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Dato' Speaker saya terus kepada soalan bertulis saya berapakah jumlah hasil Kerajaan Negeri dari hasil tukar syarat kegunaan tanah sejak 2008, berikan tahun, berikan formula-formula yang dipakai dan justifikasi formula itu. Jadi sebut jumlah hasil Kerajaan Negeri daripada premium tambahan tukar syarat bagi tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti di lampiran "A". Saya minta EXCO lampiran "A" tidak diserahkan kepada saya maka saya tak boleh berbahas tentang isu ini. Minta kalau boleh disegerakan pemberian sebelum pergulungan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Saya bertanya juga ini isu daripada YB. Sungai Puyu juga tentang berapakah jumlah miskin bandar dan pandangan purata mereka dikedua-dua Majlis Perbandaran apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu mereka dan apakah perancangan dan tindakan masa kini untuk mengeluarkan mereka dari kancas ini. Jawapan telah pun diberikan cuma saya nak penjelasan dalam fasa dalam perenggan yang pertama oleh itu Kerajaan Negeri tidak mempunyai data khusus kepada jumlah miskin bandar dan pendapatan maaf itu penjelasan iaitu disebut program miskin bandar diuruskan oleh kedua-dua Majlis Perbandaran sehingga 2008. Selepas PRU yang Kedua Belas pada tahun 2008 urusan berkaitan miskin bandar telah pun diuruskan oleh ICU sendiri oleh itu Kerajaan Negeri tidak mempunyai data khusus kepada jumlah miskin bandar dan pendapatan. Jadi jawapan YB. Sungai Puyu.

Saya berpendapat YB. Sungai Puyu, EXCO, data diperlukan untuk perancangan dan perancangan diperlukan untuk mencari penyelesaian. Kalau 2008 sampai ke hari ini Yang Berhormat EXCO tidak mendapat angka itu tetapi Yang Berhormat nak menyelesaikan masalah bagaimana so janganlah meletakkan ini kepada ICU lagi kalau boleh Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang beroperasi di bandar mereka boleh berperanan untuk mencari jumlah ataupun data-data tentang orang yang miskin ini supaya dapat membantu apa jua program yang terlibat olehnya.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan, kerana jika nak baca jawapan saya mengapa tidak baca *the last paragraph* di mana saya telah mengatakan bahawa semuanya telah dibawa dalam program AES. Perkara ini kalau nak baca, baca sampai habis *don't pick and choose* dan di sini akui tak?...(gangguan)

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey saya baca sampai habis, Yang Berhormat saya baca sampai habis, saya baca sampai habis. Bagi puas hati okey.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Bukan, saya nak bagi tahu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tak mahu pusing-pusing, biar saya baca sampai habis.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya tak mahu jadi isu ini beban untuk Pulau Betong....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bukan beban...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Tidur tak lena juga sekarang tak mahu tunggu buat lagi dua tiga hari, malam, tidur tak lena (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terus sambung Pulau Betong, kurangkan gangguan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Walau bagaimanapun jumlah penerima bantuan kewangan bulanan bantuan am dan peruntukan Kerajaan Negeri melalui pihak Kerajaan Tempatan, PBT adalah 5,179 bagi MPPP, 5,109 bagi MPSP. Adakah mereka ini semua dikategorikan sebagai miskin bandar?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta jalan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bagi yang ini.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Di sini saya hendak bagi tahu Dewan yang mulia ini, bila kerja amal ia kena datang dari hati, hatinya kena suci tidak boleh kata main politik kerja amal, sedarkah bahawanya pada dulunya e-kasih, Pejabat-pejabat Daerah ada access untuk dapat e-kasih tetapi selepas 2008 apabila Pakatan Rakyat jadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang semua Pejabat Daerah, pegawai-pegawai yang ada katalaluan untuk access e-kasih semua telah dibatalkan. Kedua, kami telah mengumumkan bahawa bila kami basmi miskin tegar, Kerajaan Pusat pakai 400 lebih selepas itu apabila telah lepas kami semua telah pinda kepada AES (Agenda Ekonomi Saksama), kami bukan menjaga orang di bandar kami jaga orang di kampung juga.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey cukup Yang Berhormat saya faham.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Faham dah? Terima kasih malam ini boleh tidur dengan lena.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya faham, boleh tidur dengan lena, cuma berikan kepada angka ini berapakah jumlah miskin bandar Yang Berhormat jawab nanti, cukup.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Lagi tak mau faham, saya kata keseluruhan di sini Kerajaan PR....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey, kalau macam itu, Yang Berhormat mengatakan bahawa 5,179 di kawasan MPSP, dan 5,109 di kawasan MPPP semuanya miskin....(gangguan).



**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kalau, iaitu kata sesiapa Kerajaan Pusat menggunakan berapa RM770.00. Kerajaan Negeri pakai RM790.00 supaya lindungi semua orang ...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup Sungai Puyu, Pulau Betong, *go the next*.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kawan saya, *do your homework before you speak*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Jadi kawan lepas ini. Seterusnya tentang justifikasi perobohan pasar Balik Pulau ini yang dijawab oleh Yang Berhormat Padang Kota. Di sebut bangunan pasar lama juga dikenal pasti sebagai bangunan warisan, berdasarkan justifikasi di atas pasar awam terus dirobuhkan untuk dijadikan tapak tempat keperluan letak kereta. Yang Berhormat Padang Kota, bangunan itu, berusia 100 tahun dan lebih, apabila dirobuhkan tiga (3) hari selepas itu, pintu gerbang dibiarkan dalam tiga (3) hari disebut 1,914 so 100 tahun, kalau bangunan yang berusia 100 tahun ini pusat ekonomi di Balik Pulau tidak diiktiraf sebagai bangunan warisan bangunan apa lagi yang tinggal di Balik Pulau. Itu adalah bangunan yang tertua di Balik Pulau kenapa dirobuhkan dan disebut pula jawapan kepada saya, MPPP, MPSP tidak menerima sebarang bantahan rasmi daripada ADUN Pulau Betong tentang isu ini, dalam Dewan yang lepas pun saya dah tanya, dalam Dewan ini, pc dah buat tapi bila sebut kata saya tak hantar surat, saya agak marah kerana saya ada hantar surat saya ada *call* MPPP, Yang Dipertua minta supaya tolong jangan roboh. Selepas tiga (3) hari apa dia kata, dia telefon saya balik, dia kata tolong saya dapatkan penjelasan, kenalpasti kenapa dirobuhkan selepas 3 hari selepas itu dirobuhkan habis semua, ranap.

Yang Berhormat Padang Kota, itu sejarah Balik Pulau, saya tak faham kenapa Ahli Majlis rakus sangat. Saya difahamkan ada Ahli Majlis yang beria-ria sangat suruh robohkan kerana ini disuarakan oleh wakil-wakil rakyat Barisan Nasional, tolak saya tak apa, tapi rakyat juga minta, supaya jangan dirobuhkan. Saya bagi cadangan dulu supaya kekalkan bangunan asal roboh yang depan untuk *parking*, boleh buat tapi habis dirobuhkan. YB. Dato' Speaker saya rasa ini tak boleh dilaksanakan, sebab itu saya kata bangunan warisan kalau dah ada elemen warisan 2009 perlu dilaksanakan supaya jangan ada lagi bangunan-bangunan sebegini dirobuhkan. Kalau 100 tahun bukan warisan, 100 tahun bukan bangunan sejarah, bangunan apa yang bersejarah Yang Berhormat Sungai Acheh. Ini satu tindakan yang amat tidak betul dan amat yang tidak tepat dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Saya juga ingin merujuk kepada isu-isu parkir Padang Kota, saya rasa YDP Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mendapat surat bantahan daripada penduduk, peniaga-peniaga pasar awam di Balik Pulau, mereka minta supaya kalau boleh sistem kutipan parking itu dimansuhkan kerana pendapatan mereka kecualli

Sabtu Ahad, hari-hari lain memang tak ramai orang. Yang Berhormat Padang Kota boleh turun sendiri lihat bagaimana pergerakan-pergerakan di situ dan kalau boleh mereka minta supaya dimansuhkan, tapi saya difahamkan yang sampai ke hari ini belum lagi dimansuhkan semua dah ada. So saya minta MPPP, dan EXCO supaya tidak dikenakan, dan kalau boleh buatlah promosi majukan pasar awam Balik Pulau ini.

YB. Dato' Speaker, ini isu kerja kontrak ramai kawan-kawan saya merungut terutama Timur Laut kurang kerja, projek tak ada dan menyebabkan ada yang gulung tikar dan hampir gulung tikar so kalau boleh minta lah projek daripada *federal* dan juga kepada *state*, so saya minta pihak *state* berlaku adil dalam pemberian projek kepada kontraktor-kontraktor, sebagai contoh apabila dilaksanakan projek merobohkan Kancil *Car Park* satu kontraktor dapat, kemudian membina semula dia juga dapat, saya buat kajian atas bukit sikit, di Bukit Bendera dia dapat, ataupun syarikat yang dinaungi dia dapat, Astaka Bukit Bendera juga dia dapat, Dataran Bukit Bendera juga dia dapat, menaikkan jalan Masjid Negeri Pakej 4A juga dia dapat, so orang sama dapat-dapat, so saya ingat kalau boleh berlaku adillah dan dia juga dapat projek membuat kalau tak salah says projek yang berkaitan dengan pejabat DAP. Saya minta berlaku adillah kepada semua pihak supaya semua orang dapat mencari makan di Pulau Pinang lebih-lebih lagi kontraktor yang bergantung harap untuk kerja-kerja kontrak yang diberikan kepada mereka.

Seterusnya ini berkenaan isu agama, Yang Berhormat Batu Maung dan dalam akhbar Sinar 25 Oktober disebut Masjid Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas, menerima masjid terbaik, manakala surau AEON Mall, Bukit Mertajam terpilih sebagai penarafan lima (5) bintang, surau awam, surau Batu Feringghi, surau Hotel Sunway Seberang Jaya dan surau Hospital Seberang Jaya, surau-surau ini telah mendapat pengiktirafan lima (5) bintang, bagus tapi mereka ini adalah surau-surau yang dibina pusat komersial dan mereka mempunyai pengunjung yang ramai dan mereka perlu menjaga surau ini untuk memastikan pengunjung dan *shopping* di situ dapat menggunakan kemudahan surau yang baik. Cuma saya nak minta Yang Berhormat tolong tengok yang macam ini, kes-kes yang macam ini banyak..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih Pulau Betong, bercakap tentang surau Dato' Yang di-Pertua, saya nak tanya sama ada Majlis Agama Islam ada mengaudit surau-surau di bangunan-bangunan, ada yang kita dapati setengah hotel menyediakan surau nun jauh dibawah *underground*, sebelah *parking lot*. Kemudian setengah hotel saya boleh sebut juga pasang khemah saja, dan semua orang boleh nampak orang sembahyang jadi apa hal dengan wanita yang nak sembahyang....(gangguan). Saya tak habis lagi, sekejap, saya juga diminta lihat surau di dalam Dewan ini, lelaki perempuan guna laluan yang sama lepas berwudhu ini tidak sesuai kalau boleh juga lihat kemudahan Dato' Speaker yang *syariah compliance* yang sesuai lah untuk kegunaan orang Islam. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Minta laluan sikit, kerana sahabat saya Yang Berhormat Datok Keramat dapat laluan, saya rasa saya tak faham, saya kadang tak faham pihak pembangkang ini, dia orang tak baca paper ke? Tapi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pulau Betong kerana telah *quote* apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Saya nak tanya Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong tadi yang kata penarafan lima (5) bintang, empat (4) bintang dan sebagainya itulah usaha kita, kalau kita buat ini, kita boleh dengan secara tidak langsung, establishment ini mempertingkatkan taraf tempat-tempat sembahyang, tadi pun, tadi pun Yang Berhormat Pinang Tunggal tadi kata saya pergi Dubai dengan EXCO Pelancongan tak tahu ka? Kita dah dua (2) kali mengeluarkan *tourism, Muslim tourist guide*, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Batu Maung saya ada banyak lagi, cukuplah, cukuplah. Saya nak menambah dengan hujah saya ini, kalau benar telah membuat penarafan lima (5) bintang dan disebabkan ada rungutan dan ada juga surau-surau terperosok jauh dan tidak sesuai, So saya minta Yang Berhormat Batu Maung kalau boleh tolong beri, kalau ada penarafan semua telahpun diaudit, tolong dibentangkan kepada kami surau-surau yang telah diaudit itu. Cuma saya nak minta kepada Yang Berhormat Batu Maung cuma melihat surau Taman Titi Heights, surau dibina seperti stor di Balik Pulau.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Taman?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Surau Taman Titi Heights di Balik Pulau. Ini tak salah saya keluasan 15x18 kaki, *very small* dan saya tak pasti sama ada digunakan, sebab masa saya pergi itu dikunci, saya minta kalau boleh EXCO tolong pastikan kesemua surau yang dibina di taman perumahan itu dibina dengan sesuai dengan keadaan yang sesuai dengan selesa supaya boleh digunakan oleh masyarakat setempat.

Ini JE lagi, JE dan denggi, saya nak simpulkan macam ini lah, JE memang berlaku, Sungai Puyu ada. JE memang berlaku dalam sekitar pada bulan Julai 2004 ada kenyataan akhbar yang dibuat oleh EXCO Pertanian, saya dah himpun semua sekalilah, saya nak simpulkan perbincangan tadi ini kepada cadangan saya. Satu kita mengetahui bahawasannya wabak JE dibawa oleh nyamuk *culex*, dari kandang babi dan juga binatang-binatang lain seperti yang disebutkan tadi, tapi kebanyakannya dari kandang babi. Yang kedua berlakunya pencemaran bau dan pencemaran sungai di mana masyarakat sengsara. Saya bercakap bukan sahaja di Kampung Selamat tetapi di Balik Pulau juga terpaksa menghidu di situ, padahal tuan punya ladang itu tidak berada di situ, yang terasa teruk bau dia adalah masyarakat Melayu yang tinggal di sekitar situ dan kita juga ketiganya bahawasannya penternak babi perlu dipertahankan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Puyu

itu tadi. So kita tak mahu berlakunya wabak JE kita tak mahu berlakunya pencemaran bau hingga menjejaskan kesejahteraan hidup dan kita juga tak mahu menidakan hak usahawan-usahawan penternak khinzir ini untuk beroperasi. Maka saya mencadangkannya saya rasa orang boleh terima yang ini. Gunakan sebahagian daripada duit yang banyak bilion itu untuk menyelesaikan atau membina satu tempat menternak babi tertutup. Bina yang ini, gunakan duit itu bina yang ini sebab nikmatnya bukan saja untuk usahawan tetapi, saya rasa kesemua orang yang tinggal di sekeliling kandang babi, kandang khinzir hari ini akan merasanya dalam masa jangka panjang. Jika tidak diselesaikan, sampai bila-bila pun kita akan terus ber *debate* dalam Dewan ini. So, saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri duduk sama-sama Pantai Jerejak, Perai, Batu Maung dan juga Seberang Jaya, untuk melihat perkara ini.

Selepas kita selesaikan masalah penternakan khinzir, kita buat pula penternakan tertutup untuk ayam. Sebab ini perlu baru ini di Balik Pulau setelah sekian lama tak berlaku tiba-tiba hari ini berlaku serangan lalat yang begitu banyak sekali kerana apa ada kandang ayam di situ yang diperbesarkan tak salah saya. Habis ada kata ketam saya dia buat mee ketam, lalat lebih banyak daripada mee dia. Di sekolah, para pelajar tak dapat belajar dengan sempurna. Kedai-kedai makan penuh dengan lalat. So saya minta pendekatan ini, gunakan duit RM1.6 bilion ini tidak perlu bermegah-megah mengatakan kami telah menghimpun satu (1) *over billion* tapi gunakan lebih manfaat dan saya rasa kesemua orang di Kampung Selamat, kesemua orang di Balik Pulau mahu itu. Di Balik Pulau sahaja ada lebih kurang 30,000 ekor lebih babi di situ. Ramai dan kebetulan terdapat di kawasan-kawasan orang Melayu, begitu juga di Kampung Selamat. So saya rasa perlu ada pendekatan serius dan komprehensif Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau tidak sampai bila-bila pun saya rasa masalah pencemaran bau, masalah penternakan khinzir dan juga masalah lalat dan sebagainya tak dapat diselesaikan. So mintalah pihak EXCO yang bertanggungjawab untuk memberi perhatian serius kepada perkara ini.

Isu perumahan, ini saya rasa ini mungkin Pengkalan Kota, MPPP atau pun Datok Keramat, saya tak pasti. Saya ada menyuarakan dalam penggal lepas tentang projek perumahan di Taman Pinang Village, Sungai Pinang. Saya dah bersuara dalam penggal lepas tetapi nampaknya tidak ada tindakan. Hari ini saya hendak *elaborate* sikit. Sewaktu sebelum projek ini dibina, pemaju telah berjumpa dengan orang kampung, telah berjumpa dengan kehadiran bersama wakil MPPP dan juga Pejabat Daerah. Sebab di situ melibatkan jalan masuk kampung sedia ada. Mereka kata okey kami akan tutup jalan ini akan buat jalan sementara di belakang. Bila projek siap, orang kampung boleh menggunakan jalan dalam taman ini untuk sampai ke belakang. Dipersetujui maka projek pun bermula, buat.

Malangnya, selepas saya bersuara penggal lepas, saya terpaksa bawa sekali lagi sampai ke hari ini tempat itu dijadikan kawasan berpagar tidak dibenarkan untuk orang lalu. Kalau ikut jalan pelan yang saya dapat ini, memang ada laluan dekat belakang. Apakah laluan ini hanya dibenarkan digunakan oleh pemaju akan datang. Apakah orang kampung tidak boleh menggunakannya. Kenapa kawasan ini dijadikan sebagai kawasan *gated community*. Dipasang pagar dan *hoarding* yang tinggi. Wakil daripada Pejabat Daerah, saya boleh sebut nama dia jika perlu ada di situ, dan mengaku memang ada perjanjian dibuat. Tapi kenapa tak dilaksanakan. Ini

satu contoh Yang Berhormat EXCO dan ini berlaku di tempat-tempat lain lagi. Lelutnya lidah mereka memujuk orang kampung untuk buat laluan bila siap ini hak kami tak boleh masuk. So saya minta sama ada Datok Keramat, Padang Kota bahkan EXCO Perhubungan Masyarakat Pantai Jerejak juga melihat senario ini kerana ini sebenarnya mengganggu ketenteraman masyarakat di kawasan-kawasan yang terlibat.

Saya juga nak *highlight* tentang satu lagi isu yang saya rasa perlu ditangani segera. Apabila SPC meluluskan pembangunan di tengah-tengah kampung, *poked land* di tengah-tengah kampung, mereka telah membenarkan pemajuan dibuat dengan meninggikan aras tanah melebihi daripada kawasan sekitarnya. Ada yang empat (4) kaki, ada lima (5) kaki, ada yang separuh rumah. Ini mengakibatkan apabila terjadinya hujan lebat, banjir kawasan yang dulunya tak banjir hari ini banjir. Kerana apa, kawasan pembangunan baru itu telah menyekat perjalanan air keluar dari kawasan tersebut. Ini banyak berlaku di Balik Pulau yang saya tahu, saya Parlimen sama juga. So kalau boleh, kalau telah pun dikatakan telah ada *drainage master plan* untuk Barat Daya saya nak lihat yang itu, dan bagaimana itu boleh menyelesaikan masalah. Kerana saya nampak hari ini disebabkan *development* dibuat secara berkelompok satu, satu, satu ia telah menjejaskan perjalanan air dan mengakibatkan banjir yang teruk kawasan-kawasan tertentu. Saya tak larat nak selesai dah masalah ini. Saya minta Pihak Berkuasa Negeri, MPPP, MPSP dan juga SPC apabila meluluskan lihat dulu pada pelan saliran penyaluran air di kawasan tersebut.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih Dato' Speaker. Saya rasa masalah ini berkait rapat dengan Pelan Struktur Kerajaan Tempatan dan Pelan Tempatan (*Local Plan*) yang mana kita dimaklumkan Pelan Tempatan (*Local Plan*) untuk MPPP ini sampai sekarang belum digazet dan dilaksanakan. Ini menyebabkan kuasa SPC ni untuk meluluskan projek-projek terutama sekali projek bertingkat di kawasan kampung, di kawasan kediaman yang rendah, tidak dapat diselaraskan dengan keperluan penyuraian jalan, parit dan sebagainya kemudahan asas yang menyebabkan masalah kepada penduduk. Saya rasa memang ada syarat di dalam Majlis Perbandaran. Kalau nak buat penambakan tanah kena ada buat parit juga. Jadi ini masalah penguatkuasaan pula ini, selain daripada masalah perancangan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Ketua Pembangkang. Saya tambah lagi inilah akibatnya apabila ada *local plan* yang telah pun sedia tidak digazetkan, 2008. begitu juga dengan RSN. Jadi saya rasa masyarakat tak tahu sebenarnya apa yang berlaku. Sebab itu saya minta kalau boleh RSN di buat *revision* dengan kadar segera. *Local plan* juga dibuat, digazetkan dengan segera supaya semua orang tahu, apakah yang sepatutnya digunapakai untuk meluluskan pemajuan-pemajuan dalam kawasan tertentu itu dan juga yang merisaukan saya juga ialah apabila aras tanah itu ditinggikan sekaki, dua (2) kaki, empat (4) kaki, lima (5) kaki dan sebagainya ianya melibatkan penambakan tanah merah. Ini dia ambil dari mana. Tentunya melibatkan pemotongan bukit-bukit. Kalau kita cerita tentang bukit gondol, saya rasa perlu ada,

daripada dulu saya sebut, perlu ada satu area yang dikenalpasti sebagai *boral pit* hanya kawasan ini sahajalah yang boleh diambil untuk ambil tanah dan ditabur tempat-tempat lain. Tidak boleh dibiarkan sewenang-wenangnya. Pastikan pemaju perlu tahu di mana tanah yang boleh diambil, di mana tanah yang tidak boleh diambil. Sebab kita tidak dapat menahan pembangunan, ia berlaku berterusan dan kita di tempat sebab kita pun tidak dapat *control* semua kecuali pihak berkuasa sahaja. Gunalah MPPP, gunalah Pejabat Daerah untuk memastikan yang benda ini terlaksana. Kalau tidak habis bukit-bukit yang terdapat di Pulau Pinang ditebuk dan ianya akan mengakibatkan bermacam-macam masalah kemudian hari yang akan berlaku.

Begitu juga dengan isu perumahan saya mendapati apabila ada perumahan baru mereka akan buat pelebaran jalan di depan. Daripada mungkin jalan biasa kepada 44 kaki atau 60 kaki jalan, tetapi pelebaran jalan ini dia tak berterusan dia separuh, separuh, separuh, separuh. Hanya di depan kawasan perumahan sahaja. Ini mengakibatkan jalan itu 40 kaki, 60 kaki, 100 kaki begitu, tak berterusan. Akibatnya apa dia, akibatnya penyaliran air tidak dapat dilakukan, kemalangan berlaku. Lebih-lebih lagi waktu malam. So gunakanlah peruntukan yang ada itu sebenarnya menyediakan prasarana untuk semua sekali. Buat jalan utama contohnya jalan Balik Pulau itu besarkan supaya setiap pembangunan akan datang dah ada dah. Siapa yang datang kemudian pun *there is the road*, pakai jalan itu sebagai jalan masuk. Jangan buat sikit, sikit, sikit, sikit. Gunakan duit yang ada dalam Kerajaan Negeri dulu untuk buat jalan pastu *claim* balik kepada pemaju. Apabila mereka masuk kawasan itu, kalau tidak saya rasa rosak sistem trafik kita akan rosak akan menyebabkan kemalangan dan sebagainya. So, ini benda-benda yang menyeluruh yang perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan yang kesejahteraan hidup masyarakat akan terjamin. Penat juga ini.

Seterusnya, soalan saya juga berkenaan dengan nama-nama Pengerusi, Naib Pengerusi dan sebagainya Perbadanan Bukit Bendera, InvestPenang dan Penang Institute. Saya cuma nak sentuh tentang Bukit Bendera sahaja yang lain mungkin orang boleh sentuh. Perbadanan Bukit Bendera mempunyai 85 orang staf dan *total overhead* sebanyak RM666,442.93. Ini jawapan yang diberikan kepada saya, terima kasih. Saya ada nama-nama yang mana Pengerusinya, Pengarahnya pekerja saya ada semua, terima kasih.

Dalam sidang yang lepas, saya ada menyebut tentang *Contract for Service* yang digunakan dalam Perbadanan Bukit Bendera, *Contract for Service*. Ini bermakna seorang itu diambil atas kepakarannya. Persoalannya apakah kepakaran itu betul-betul dia pakar dalam bidang itu. Apabila dia pakar, bermakna kita bayar gaji yang tinggi daripada yang sepatutnya. Daripada senarai perjawatan yang saya ada dan juga daripada carta organisasi yang saya ada ini saya ingin bertanya apakah mungkin seorang yang berkelulusan SPM menjawat jawatan N44 dan N48 yang bergaji RM5,000 lebih dan RM6,000 lebih. *Contract for service* yang pegawai tidak pernah bekerja Kerajaan dan tiba-tiba hari ini diberi tangga gaji N44 dengan gaji lebih dari RM5,000 dan seorang lagi N48 gaji lebih daripada RM6,000. Bolehkah ini dilaksanakan dengan hanya kelulusan SPM. Ini akan *demoralized* pekerja-pekerja lain yang telah pun bersusah payah mendapat ijazah dan sebagainya. Saya rasa ini harus diperbetulkan.

Begitu juga saya mendapat jawapan Pengurus Besar JUSA C. Saya juga difahamkan bahawa dia juga adalah Konsultan mendapat dua (2) gaji sebagai Pengurus Besar dan juga sebagai Konsultan. Adakah ini boleh berlaku YB. Dato' Speaker. Minta dikaji, disiasat dan dibentangkan dan saya sebagai Ahli PAC saya akan minta supaya Bagan Dalam selaku Pengerusi PAC menjemput Perbadanan Bukit Bendera untuk kita lihat apa yang berlaku dalam Perbadanan ini. Begitu juga saya difahamkan kereta api baru, keretapi *spare part* digunakan adalah *spare part* bukan *original*. Dia ambil daripada negara China. Ini minta pengesahan betul tak betul. Kalau ini betul bermakna kita menjejaskan keselamatan penumpang dan juga *life* atau pun jangka hayat kereta api itu. So ini perkara serius saya minta sama ada esok punya jawapan atau pun PAC memanggil untuk mendengar kes ini. Saya rasa ini tidak perlu dibiarkan berterusan. Begitu juga apabila saya melihat, saya panggil pak cik google, kita pun google juga. Gambar google 2010, 2014, nampak tak ini tak ada apa kosong, sini telah pun ada, *encroachment* ada satu lagi, nampak sikit saja sini sekarang dah luas. Ada lagi, nampak perbezaan dia yang cukup ketara.

Persoalan saya yang saya tarik perhatian adalah kenapa perkara ini dibiarkan berlaku. Kawasan ini bukannya besar sangat pun. Tak besar mana pun. Ini berlaku di sekitar kawasan itu sahaja di atas Bukit Bendera. Kenapa dibiarkan berlaku dan bagaimana boleh berlaku. Apabila saya semak kembali saya mendapati bahawasanya selepas kita meluluskan Enakmen Bukit Bendera Tahun 2009 diluluskan sampai ke hari ini Perbadanan Bukit Bendera masih lagi belum gazet kawasan Pentadbiran dia. Bagaimana mentadbir sebuah Perbadanan yang di *enact* kan yang diperundangkan oleh Dewan ini tanpa ada kawasan Pentadbiran dia. Kenapa tak dibuat 2009 sampai ke hari ini. Susah sangat ke YB. Dato' Speaker untuk buat menggazetkan kawasan di pentadbiran dia, atau ada sebab lain. Kerana tidak ada gazet inilah menyebabkan pemilik tanah individu yang mungkin asli dia punya masuk ke kawasan Kerajaan Negeri tanpa ada tindakan-tindakan diambil

Kalau tindakan diambil contohnya *encroachment* saya hendak tahu di manakah *area lot* manakah yang melibatkan denda dan sebagainya, disebabkan ada *encroachment* atau pun pencerobohan tanah Kerajaan. Kalau ada berikan kepada saya, tapi ini satu benda yang tidak dapat saya terima, bersusah payah kita membentangkan, *debate* untuk enakmen ini tapi pelaksanaannya tidak dibuat. So ini yang berlaku kepada Bukit Bendera YB. Dato' Speaker dan juga tidak hairan disebabkan ada kepincangan pentadbirannya *contract for service* nya, tidak ada pengurusan kepada yang elok maka apabila kita baca laporan audit negara yang dibuat bagi tahun akhir Disember 2013, apa kata dia? Saya tengok pun saya terkejut. Kalau kita boleh berbangga Pulau Pinang ini mempunyai sistem pengauditan yang baik dan sebagainya, cuba kita lihat.

Saya hendak baca semua supaya orang faham apa yang berlaku pada Bukit Bendera. Ini pandangan Ketua Audit Negara. "Pihak audit tidak dapat membuat pengesahan mengenai baki bagi dua akaun Maybank Bhd. pada Disember 2013 kerana pengesahan bank tidak dikemukakan." Susahkah hendak mendapatkan daripada bank ini? Dua. "Pihak perbadanan tidak mematuhi piawaian perakaunan dan pekeliling yang berkuatkuasa dalam aset tetap." Apa ini. "Pihak Perbadanan tidak memenuhi piawaian-iawaian perakaunan dan pekeliling-pekelling yang berkuatkuasa dalam mengikut aset tetap." Ini kepincangan dia tidak mengambil

penjawat yang boleh menjalankan tanggungjawab dia. Terdapat kesilapan dalam merekod aset tetap yang menjejaskan nilainya terhadap penyata kewangan lalu. Satu, terdapat transaksi yang sepatutnya direkodkan sebagai belanja tetapi direkodkan sebagai aset tetap, *simple* yang sepatutnya belanja tetapi direkodkan aset tetap.

Dua, pihak Perbadanan hanya mengambil kira beberapa item dalam invois sebagai aset tetap selebihnya dinyatakan sebagai perbelanjaan. Walau pun item-item tersebut merupakan sebahagian daripada aset tetap tersebut. Tiga, terdapat transaksi yang sepatutnya direkodkan sebagai kos operasi tetapi direkodkan sebagai aset tetap. Ini akauntan mana buat ini? Perbadanan merekodkan aset tetap berdasarkan jumlah kesemua jumlah invois yang merangkumi pelbagai item, hal ini akan menyukarkan pihak perbadanan untuk mengenal pasti setiap item bagi aset tetap tersebut. Terdapat kategori perisian komputer dimasukkan dalam perkakasan komputer. Terdapat perabot kelengkapan pejabat dan alatan pejabat dimasukkan dalam kategori pengubahsuaian alatan pejabat. Ini *simple thing* tidak sepatutnya berlaku.

Susut nilai ke atas peralatan dan pengubahsuaian pejabat terlebih nyata dalam Penyata Kewangan. Susut nilai ditetapkan adalah sebanyak 10% tetapi Perbadanan mengenakan 20%. Tiada dokumen sokongan bagi cagaran air berjumlah RM160.00. Terdapat perbelanjaan terakru berjumlah RM500.00 yang tidak dapat dikenal pasti dalam senarai pemiutang, terdapat perbelanjaan kos operasi diakaunkan sebagai perbelanjaan mengurus. Terdapat urusan yang tidak mempunyai dokumen sokongan, urusan yang tidak mempunyai sokongan iaitu kos operasi bagi alatan penyelenggaraan berjumlah RM346,000. Kos operasi bagi kerja penyelenggaraan berjumlah RM105,000. Perbelanjaan hadiah dan cenderahati berjumlah RM9,400.00. Perbelanjaan pentadbiran bagi perkhidmatan kerja HR berjumlah RM24,000. Perbelanjaan perkhidmatan persatuan berjumlah RM67,000 dan banyak lagi. Tidak larat hendak baca banyak sangat satu muka surat dua muka surat. Dua muka surat penuh. YB. Dato' Speaker, saya hendak simpulkan bahawasanya Perbadanan Bukit Bendera telah tidak ditadbir dengan baik. Daripada perkara sekecilnya sampai perkara sebesar-besarnya seperti menggazetkan *area*.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan Pulau Betong. Dato' Speaker, terima kasih. Siapa yang mempengerusikan Badan Pengurusan Jawatankuasa Bukit Bendera ini Yang Berhormat? Kalau Perbadanan Bukit Bendera pun tidak boleh hendak diurus dengan baik macam mana hendak urus perkara yang lagi besar?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya merujuk kepada jawapan diberikan pengerusi Perbadanan Bukit Bendera adalah Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng yang mendapat elaun setiap kali mesyuarat.

YB. Dato' Speaker, saya langsung tidak nampak isu CAT di sini. CAT yang dilaungkan oleh Kerajaan Negeri di atas Perbadanan dalam Dewan ini oleh negeri yang di sokong oleh semua *backbencher* telah tidak dijalankan ditadbir dengan baik.



Jauh lagi jauh sekali daripada CAT yang dilaungkan. Kalau benar ini berlaku Pengerusi saya minta supaya kesemua daripada Pengerusi sampai ke bawah termasuk wakil-wakil Kerajaan Pusat digantikan dengan kadar segera supaya masalah berterusan tidak berlaku kepada Perbadanan Bukit Bendera ini. Dato' Speaker seterusnya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Banyak lagi?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Banyak lagi. Rehat. Ikut hendak bagi air sedikit. Berkenaan KOMTAR adalah ikon kepada negeri ini. Saya hendak merujuk kepada beberapa keratan akhbar KOMTAR *redevelopment*. Pada 30 Oktober 2013 dalam *starproperty.my* menulis *Only World Group won open tender to rejuvenate Penang's KOMTAR. This coring the shine two went icon* disebutkan juga *level 59 and 60 as well as 64 and 65 will be refurbished into international-class sky dining restaurants including an out door dining area will also include the construction of two external high speed observation bubble elevators* ataupun *bubble lift*. Saya dapat menggambarkan Dato' Speaker, bahawasanya bila siap nanti KOMTAR ini ada sebuah bangunan yang cantik *iconic* dan memang ia ikon kepada Pulau Pinang ini dan ramai orang yang datang ke Pulau Pinang hendak duduk hendak tengok bergambar berlatar belakang kepada KOMTAR yang cukup elok.

Saya juga melihat dari *angle* yang lain Dato' Speaker, bangunan yang cantik ini yang telah direka bentuk oleh seorang arkitek yang tersohor saya sebut namanya Dato' Seri Lim Chong Keat. Dia telah mereka bentuk bangunan ini begitu cantik sekali. Soalan saya, adakah pengubahsuaian bangunan ini telah pun dirujuk kepada arkitek asal yang masih lagi aktif? Saya difahamkan tidak. Daripada segi perunding kita ada *ethics* yang perlu kita laksanakan kita hormat orang. Saya rasa pemaju harus berjumpa arkitek lama ini, arkitek asal ini untuk melihat pandangannya. Tentu dia tahu bahawasanya bangunan ini boleh atau tidak boleh ditambah dan sebagainya. Takut nanti kalau silap tambah ia akan mengakibatkan perkara-perkara yang diluar dugaan berlaku. Contohnya apabila dimajukan bangunan yang atas sekali tingkat 60 dibuat satu kawasan untuk restoran. Apa terjadi kepada helipad itu sebab tinggi 60 tingkat dia mesti ada *helipad* kalau tidak ada *helipad* apa akan berlaku jika terbakar dan sebagainya. Adakah perkara-perkara ini telah pun dirujuk, diambil perhatian. Begitu juga dengan *dome*. *Geodesic Dome* itu adalah satu *dome* yang ada *award* hari ini saya difahamkan telah pun diubah suai saya tidak pasti mengapa saya tidak masuk lagi, tetapi saya difahamkan telah pun diubah suai bangunan itu dan ini juga tidak merujuk kepada arkitek asal. Oleh itu, apa yang saya hendak sebutkan ini adalah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Oh minta, okey. Boleh-boleh.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya salah satu *director* daripada *Penang Tech Dome* yang cuba mengubahsuai *dome* tersebut. Untuk makluman, kami telah berjumpa dengan Dato' Seri Lim Chong Keat dan sedang mendapat penyelarasan bagaimana *dome* serta kawasan luar harus dirancang tetapi sebagai penjelasan tambahan sebenarnya biasanya arkitek apabila mereka sudah habis kerja, sudah *sign off* bangunan telah pun didirikan mereka sebenarnya tidak patut ada hak, dia patut ada hak lagi ke atas kerja-kerja susulan yang akan dibuat tersebut. Namun saya menghormati usaha Dato' Seri Lim Chong Keat dan kejayaannya dan identiti KOMTAR sebagai satu warisan penting dalam Pulau Pinang maka perhatian yang sewajarnya telah diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Kalau telah berjumpa saya ucap tahniah dan syabas. Saya berharap agar pandangan boleh diambil kira, tapi itu *Geodesic Dome how about* KOMTAR. Walaupun benar apabila kita sudah habis kerja. Saya pun sebagai Juru Perunding juga, bila kita habis kerja, kita serahkan bangunan itu, memang milik tuan bangunan, tetapi untuk bangunan ikon Negeri Pulau Pinang dibuat pada masa itu ini adalah tertinggi pada masa itu dan cukup canggih, so tidak salah sebenarnya untuk kita mendengar pandangan orang yang telah membinanya sebab dia masih hidup, masih aktif lagi. Kalau dia meninggal tidak apa.

Apabila saya lihat kepada pergerakan ini yang *delay* dan sebagainya patut disiapkan. Saya juga mendapati bahawasanya syarikat ini juga iaitu *Only World Group* juga adalah pemilik projek yang sama dengan *Wet World Wild (WWW)*. Saya ada gambarnya. Gambar ini semua orang boleh tengok. Ini gambar ditangani *Wet World Wild (WWW)* orang yang sama dan ini tangani *roof* bumbung di atas bumbung itu. Ketua Menteri pun ada di sini dan juga pemilik *contractor* itu pemilik *Wet World Wild (WWW)* dan juga pemilik yang sama juga adalah *Only World Group*. Apa kerisauan saya? Satu (1), masa dia melancarkan taman air ini dalam *youtube* dia cuba sebut bahawasanya projeknya berjumlah RM3 juta tetapi disambut oleh Y.A.B. Ketua Menteri dia kata RM3 juta fasa yang pertama kali lima (5) fasa jadi  $(5 \times 3) = RM15$  juta itu disebut dalam *youtube* tapi itu saya rasa orang boleh tahu. Projek yang menjadi satu kemegahan tetapi akhirnya yang disebut sebagai *Wet World Wild (WWW) Adventure Park, Batu Ferringhi Asia's first open sea waterpark* tetapi selepas beberapa bulan tidak sampai setahun, lapan (8) bulan lebih kurang telah pun ditutup sebab apa saya tidak pasti mungkin kerana cuaca dan sebagainya. Saya hendak katakan telah gagal. Projek ini *Wet World Wild (WWW)* telah gagal.

Kemudian saya lebih terkejut apabila dalam akhbar bertarikh 11.9.2014 dalam *star online* dan juga 20 Oktober 2014 dalam *bisnes news star online* telah melaporkan (dengan izin) *Only World Group Holding Bhd. plan to rest 50 million from its initial IPO targeted by year end, dinyatakan juga of the 50 million from the IPO 30*

*million will be earmark for Penang's KOMTAR tower refurbishment.* Saya hairan macam mana kontraktor yang menghadapi masalah kewangan yang tidak stabil, tidak mencukupi, kalau biasanya kita RFP kita kena buat, kalau hendak tender ini kita akan buat *financial analysis, technical capabilities, financial capabilities* dan sebagainya memastikan kontraktor besar ini ia betul-betul berkemampuan, tetapi dia pula terpaksa mengambil duit IPO 30 milion untuk buat KOMTAR. Projek ini telah delay dia ambil duit ini dan akan dimula dia punya *advertisement* untuk dia punya *share* dan sebagainya bermula pada kalau tidak saya bulan November ini so saya khuatir kontraktor yang telah pun gagal atas sebab apa pun *The Wet World Wild (WWW)* juga akan gagal di KOMTAR kerana telah mula nampak kekurangan atau ketidakupayaan kewangan dia. So saya minta Kerajaan Negeri melihat semula apa yang berlaku ini.

Seterusnya isu warisan. Ini satu lagi isu yang cukup menarik. Jawapan kepada soalan 29. Siapakah Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Warisan Negeri yang dilantik mengikut Enakmen Warisan 2011 dan berapakah jumlah elaun yang dibayar setiap anggota, berapa kalikah majlis ini bermesyuarat sejak ditubuhkan, perincian pencapaian jawatankuasa ini? Disebutkan bahawasanya Pengerusi Ketua Menteri tiga orang Ahli Majlis Mesyuarat dan sebagainya dan anggaranterakhir walaupun Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 telah diwartakan pada November 2011 tetapi tarikh permulaan bagi penguatkuasaan belum ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian Majlis belum pernah bermesyuarat, tiada bayaran elaun diputus dan dibayar kepada ahli majlis. Persoalannya bukan bayaran elaun ini. Persoalannya setelah digazet pada 2011 kenapa ianya tidak dikuatkuasakan. Dalam ucapan Air Itam, mana dia, tidak ada di sini? Dalam ucapan Perbahasan Rang Undang-undang, dia *explain* secara panjang lebar, antaranya dia kata apabila menggariskan undang-undang ini, pertimbangan khas telah diambil sebab warisan bukan sahaja wujud di George Town, skop pemakaian undang-undang ini meliputi seluruh Pulau Pinang di tapak warisan yang dikenalpasti dan didaftarkan. Skop pemakaian Rang Undang-undang ini juga merangkumi bukan sahaja bangunan warisan tetapi meliputi warisan semula jadi dan warisan budaya tak ketara. Ia meliputi budaya dan adat resam hasil kesenian anak negeri disebutkan itu semua. Juga Bahagian 3 Enakmen, mengadakan peruntukan bagi pelantikan Pengerusi dan Kuasa Pesuruhjaya Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi dan menjalankan kewajipan di bawah rang undang-undang ini. Satu disebutkan bahawasanya penguatkuasaan belum dibuat. Yang kedua saya buat kajian Pesuruhjaya Warisan Negeri juga tidak dibuat, tidak dilantik lagi sejak 2011.

YB. Dato' Speaker tahun hadapan saya difahamkan yang pihak UNESCO akan menilai semula bahkan apabila kita mendapat pengiktirafan ini kita diminta mengadakan satu mekanisma bagi memastikan yang status *World Heritage* yang diberi kepada ini dikekalkan. Saya difahamkan yang tadi pun tidak ada, pada bulan hadapan atau taun hadapan pihak UNESCO akan datang untuk membuat kajian semula. Saya terkejut apabila saya membaca dalam Malaysian Insider, akhbar pilihan Kerajaan Negeri pada 6 November 2014 dia berkata "*The prognosis is not good, concedes Penang Heritage Trust (PHT) President Khoo Salma Nasution, in a media update.*" "*Not enough is being done to protect and preserve the people, not just the buildings.* Ini kata dia. *Between six years ago and now, it's apparent that much water has flowed under the bridge.* Beliau telah menyenaraikan beberapa perkara. Satu (1) Dewan ini perlu kena tahu,...(dengan izin). Dia kata apa *in English*

*“The city's culture and communities are disappearing. “This comes in the wake of the repeal of the Rent Control Act in 2000 which has seen a steep rise in rentals and skyrocketing property prices”.*

Dia kata juga *several premises and enclaves with traditional communities have vanished in the last few years.* Sebagai contoh, saya bagi contoh, dia kata *other pubs are protected, cafes, fast food* telah mengambil alih kedai buku, kedai *money changer*, kedai kain dan sebagainya di sepanjang Lorong Beach Street. Kemudian masyarakat di Little India yang merupakan *living heritage* di situ telah pun berpindah ke luar ke kawasan lain. Dan dia kata lagi *“The authorities should enforce applications for change of use,”* ini semua kena buat bukan seperti YB. Padang Kota, pergi ke tapak panggil *press* dan buat PC, saya rasa ini memalukan Teng Hock Nan saja. Kalau dia salah bukan Teng Hock Nan ke, Farid Saad, Dato' Jahara akan ambil tindakansebab ini hendak mempertahankan dan menjaga warisan kita. Apa akan berlaku sekiranya pihak UNESCO datang dan tarik balik status itu. Kerana kita tidak patuh peraturan dan jaga elok-elok, siapa akan rugi. Jangan malukan kita.

Dato' Speaker, kalau boleh enakmen warisan yang kita ada dibuat dengan kadar segera, semua diguna pakai dan dilantik dengan kadar segera. Saya juga terkejut apabila saya melihat Maksud Perbekalan (1) di dalam Buku Bajet ini di Pejabat Pusat Warisan Negeri Pulau Pinang, Penolong Pegawai Tadbir jawatan mansuh, Pembantu Tadbir jawatan mansuh, Pembantu Am Pejabat jawatan mansuh, semua dimansuhkan di dalam Pusat Warisan Negeri Pulau Pinang, habis siapa yang tadbir sekarang ini? Dah tak ada lagi? Ini dinyatakan di dalam Buku Penyata Kewangan Maksud Bekalan 1 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Pengawal YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, ini ada. Ini dimansuhkan perjawatan dalam Pusat Warisan Negeri Pulau Pinang.

Dato' Speaker saya ada lagi beberapa pertikaian. Satunya saya teruskan lagi, ada tiga (3) lagi saja, tentang justifikasi bangunan PDC. Apakah justifikasi penjualan bangunan PDC kepada pihak pembeli luar negara, apakah nama syarikat tersebut dan berapakah harga serta status pembayaran dan apakah perancangan PDC untuk penempatan pentadbiran serta kos serta jadual pemindahan. Ada disebutkan bangunan PDC tidak dijual kepada pihak pembeli luar negara, seperti yang didakwa, *confirmed* tidak dijual. Pada tahun ini, bulan Mei tahun ini PDC dan Temasik daripada Singapura telah menandatangani satu memorandum persefahaman untuk mewujudkan satu syarikat usahasama 50% milik PDC dan 40% milik Temasek, sepertimana yang telah disebutkan oleh jawapan Ketua Menteri. Saya hendak tanya apakah usahasama tersebut telah diperbadankan, bilakah perjanjian usahasama akan ditandatangani bagi mengganti MOU yang tidak terikat secara undang-undang.

The Economy Development Association Singapore (AEDES) telah dilantik sebagai Pengurus Pembangunan Utama, BPO atau *Business Processing Outsourcing* ini. Saya nak tahu bagaimanakah harga tanah dan bangunan PDC di nilai sekarang. Berapakah yuran profesional yang perlu dibayar dan mengapakah syarikat Temasik ditawarkan kontrak sebegini, tidak adakah perunding dalaman dari Malaysia yang sama setanding dan kelayakan untuk urusan ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, ada lagi tentang isu penjualan tanah Batu Kawan kepada Aspen Group IKANO dan juga tentang Bayan Mutiara. Saya rasa ini saya akan serah kepada rakan saya yang lain, saya pun sudah letih dan banyak sudah saya bercakap. Dato' Speaker itulah perkara-perkara penting yang saya hendak *highlight* dalam Dewan ini sebagai membahaskan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih Dato' Speaker. Sebelum menamatkan ucapan perbahasan ini oleh YB. Pulau Betong, saya hendak tanya dan tertarik dengan penglibatan Temasek, sebab kita hairan kenapa begitu akrab sekali Pulau Pinang dengan Singapura sehingga semua konsultansi dari segi hendak bina rumah, kena cari Singapore Development Board, hendak bina *business outsourcing centre* kena cari konsultan dari Singapura, kemudian akhir sekali semua projek diberi kepada syarikat di Singapore. Jadi tidak adakah perbadanan, atau PDC sendiri tidak boleh bina, kalau sudah ada konsultan dari luar negara kenapa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak berupaya untuk membangunkan projek-projek ini sendiri.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya kira mereka ada kepakaran sebab PDC bukan satu perbadanan yang baru ditubuhkan, ianya bukan seperti Perbadanan Warisan atau Bukit Bendera. Ianya mempunyai peruntukan yang mencukupi tapi saya rasa tidak diberi peluang ataupun ini mungkin *special* sedikit. Tapi apa pun Dato' Speaker saya rasa inilah contoh-contoh masyarakat Pulau Pinang dapat melihat. Disebabkan saya melihat tadi, saya hendak sentuh satu lagi Dato' Speaker. Ini tentang penjualan tanah kepada Aspen Group, sangat penting saya sebutkan di sini, saya difahamkan bahawa tanah seluas 99 hektar atau 245 ekar telah dijual kepada Aspen group dengan harga RM45 sekaki persegi. Penjualan ini telah dibuat pada Januari 2014. saya tidak pasti sama ada atau tidak ada open tender tetapi saya rasa tidak ada, mungkin lepas ini boleh buat pengesahan. Aspen Vision Land Sdn Bhd sebuah anak syarikat Aspen Group kemudiannya menandatangani satu perjanjian perkongsian pembangunan bersama ataupun *joint development partnership* dengan Ikano Ptd. Ltd. untuk membangunkan secara bersama satu kompleks pusat membeli-belah bersepadu dengan Ikea sebagai syarikat utama dalam kompleks tersebut.

Saya hendak *quote* Ketua Menteri dipetik sebagai berkata dalam blog Anil Netto: *Chief Minister Lim Guan Eng informed that the entire commercial and mixed developments of the 245 acres of land are expected to be completed within 10 years from the date of Agreement. Not with standing that, the IKEA store is to be developed and completed within the time frame mutually acceptable by both parties. The time frame that all parties are targeting at is about 5 years or sooner depending on various surrounding, economic and demand factors.*

Dato' Spekar, apa yang jelas daripada petikan itu ialah IKEA Store hanya akan dibina dalam tempoh masa yang akan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sasarannya ialah dalam tempoh masa lima (5) tahun atau mungkin lebih awal. Mengapa tidak dinyatakan secara spesifik? Ketua Menteri tentu akan menjawab ini

adalah perjanjian swasta, tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Negeri. Tetapi bukankah Kerajaan Negeri menggunakan IKEA Store ini sebagai umpan untuk menjadikannya pemangkin kepada pembangunan Batu Kawan. Apa akan berlaku jika IKEA Store tidak datang. Adakah ini akan menjadi satu lagi gimik oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pemaju menjual hartanah dengan lebih cepat.

Saya hendak imbas kembali beberapa pengumuman kosong, *correct me if I am wrong*, betulkan kalau saya salah. Ini pengumuman kosong yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung tanah Batu Kawan sejak tahun 2008. saya petik dalam Bahasa Inggeris ...(dengan izin), *In September 2008, CM Lim Guan Eng and 52 member delegation went to Korea for its first oversea trade investment mission. After the trip it was widely reported that an MOU between PDC and Korean Group DK ENC has been signed to build a US\$100 million RM350 million) golf course in Batu Kawan. However the deal fizzled out after a memorandum of understanding (MOU) on the project, signed between PDC and South Korean based DK ENC company Ltd lapsed.*

*On 28 March, after slightly more than a year, media reported that Bosch solar energy Malaysia Sdn. Bhd. has decided to shelve its plan to invest RM2.2 billion in a new nano-mono-crystalline solar cell plant at Batu Kawan Industrial Park although a sales and purchase agreement had been signed between Bosh and PDC in December 2011 for a 35.2 ha of land in Batu Kawan to build the plant, citing circumstance did not allow Bosch to proceed with the project. In August 2013, PDC called for a request for proposal (RFP) for an international theme park and golf resort (with a minimum 18 holes) the RFP is for the purchase and lease park, west of Batu Kawan and 470 acres for the golf resort, north of Batu Kawan. Both projects are required to be completed within 4 years from the date of agreement. The entire development must be fully completed in 10 years. No new announcement on the outcome of this RFP yet.*

Dato' Speaker, persoalannya di manakah kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Mengikut sumber guaman yang diperolehi bolehkah Kerajaan Negeri mengesahkan bahawa Ikano telah menetapkan syarat dalam perjanjian bahawa mereka tidak terikat dengan tempoh masa bila dibina atau ditubuhkan IKEA Store di Batu Kawan dan bukan seperti dinyatakan oleh Ketua Menteri bahawa ia akan dibina dalam tempoh masa sasaran iaitu lima (5) tahun. Oleh kerana perjanjian tersebut disaksikan oleh Ketua Menteri maka adalah menjadi tanggungjawab moralnya untuk mendapatkan pengesahan ini daripada pihak Aspen Group dan Ikano. Selain daripada itu IKEA Store juga merupakan pemangkin pembangunan Batu Kawan seperti yang diumumkan Ketua Menteri. Maka wajarlah perkara ini dibuat umum supaya bakal pelabur atau pembeli tidak rasa terpedaya pada masa depan.

Cukuplah YB. Dato' Speaker, saya dah banyak bercakap di sini dan saya berharap segala teguran yang saya buat, yang kami buat di Dewan ini didengar oleh telinga yang mahu mendengar dan diambil tindakan segera untuk memperbetulkan keadaan. Kami tahu kami sebenarnya tidak ada kuasa untuk memaksa atau menyuruh, kami cuma berkuasa untuk memberi teguran dan menegur apa yang patut untuk diikuti oleh Kerajaan Negeri.

Saya berharap teguran saya yang kadang-kadang keras dan kadang-kadang lembut boleh diterima dan kalau saya salah, saya minta maaf, betulkan saya tetapi kalau saya betul saya minta supaya tindakan segera diambil oleh Kerajaan Negeri. Sekian saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya, sila YB. Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Salam sejahtera dan salam reformasi. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Negeri yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Enakmen bagi Perbekalan dan Anggaran Pembangunan 2015 yang telah berjaya dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah membentangkan satu bajet yang telah merangkumi pelbagai aspek khususnya dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun sementara kita meneliti Bajet 2015 yang telah dibentangkan saya juga ingin menyentuh tentang beberapa perkara penting yang telah dikemukakan Bajet 2014, tetapi tiada pelaksanaan yang lengkap atau belum dilaksanakan. Ada empat (4) perkara iaitu cadangan pelebaran Jalan Bukit Minyak, Alma dengan jangkaan peruntukan sebanyak RM15 juta telah dikemukakan sejak 2013 tetapi sehingga kini masih dalam proses pengambilan balik tanah. Saya berharap proses itu dapat dijalankan dengan lebih cepat supaya kesesakan lalu lintas di kawasan Alma, Bukit Minyak dapat diselesaikan dengan kadar secepat mungkin.

Kedua, adalah tentang Program Ibu Emas yang telah dilancarkan sejak awal tahun. Ini juga belum dilaksanakan dan ramai suri rumah tangga yang tertanya-tanya, selepas beberapa bulan mereka mendaftar untuk Program Ibu Emas ini untuk mendapatkan RM100.00 belum dapat diterima. Ketiga adalah Pusat Dialisis CAT di Seberang Jaya yang telah dicadangkan di Taman Bunga Raya juga belum dijalankan, memandangkan permintaan untuk perkhidmatan dialisis yang berpatutan dan juga permintaan itu yang amat tinggi. Oleh itu selain daripada Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau perlu lebih banyak pusat dialisis cepat didirikan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan Yang Berhormat. Saya ingin menyebut sedikit tentang kelewatan, bukan kelewatan tetapi proses untuk Pusat Dialisis CAT bukan hanya di Balik Pulau bahkan di Balik Pulau itu adalah pusat dialisis yang pertama oleh mana-mana Kerajaan Negeri sebelum ini ditubuhkan. Proses yang dimulakan oleh YB. Sungai Puyu sebelum ini mengambil masa tiga (3) tahun untuk mendapat kelulusan penuh dari Kementerian Kesihatan dan agensi-agensinya terlibat. Di pihak Kerajaan Negeri dan juga pihak swasta yang terlibat sama dalam projek ini, kita tidak menghadapi masalah untuk mempercepatkan proses, tetapi proses yang lewat itu adalah kerana

proses kelulusan dan juga untuk mendapatkan apa yang dipanggil sebagai *person in charge*, pegawai yang menjaga pusat-pusat dialisis ini. Maka isunya adalah sebagai sebuah Kerajaan Negeri, lebih-lebih lagi di Pulau Pinang kita memberi penekanan bahawa setiap pusat dialisis CAT yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri mestilah mendapat lesen penuh dulu barulah boleh diisytihar sebagai Pusat Dialisis CAT Kerajaan Negeri. Itu yang berlaku pengalaman kita di Balik Pulau, tiga (3) tahun untuk tubuhkan. Cuma sekarang ini di Seberang Jaya, Bertam, terutamanya di Seberang Jaya dan juga Bertam sekarang ini dalam proses untuk mendapatkan lesen itu dan juga mendapatkan pegawai yang menjaga. Masalah Pusat Dialisis ini tidak ada lesen memang masalah nasional di seluruh negara ada isu ini. Undang-undangnya ketat, kelewatan itu adalah kerana perkara itu bukan kerana masalah di peringkat Kerajaan Negeri atau peringkat pihak swasta yang terlibat.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Seberang Jaya yang telah memberi penjelasan tersebut, itulah yang kita hendak supaya Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dapat bekerjasama supaya Pusat Dialisis CAT yang memang diperlukan oleh ramai penduduk di Pulau Pinang ini boleh dipercepatkan. Keempat adalah tentang peruntukan RM3.5 juta untuk kaum wanita yang berusia 35 tahun ke atas untuk menjalani program pemeriksaan mamogram percuma juga belum dilaksanakan untuk tahun ini. Sasaran Kerajaan untuk memeriksa 52,000 wanita pada tahun 2014 dengan anggaran seramai 40 wanita sehari diperiksa mamogram itu tidak tercapai. Ini adalah antara yang telah disebut di dalam Bajet 2014.

Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan menaik taraf jalan raya dan sistem tebatan banjir. Satu perkara yang membimbangkan ramai penduduk di Alma, Bukit Minyak dan Permatang Tinggi iaitu laluan Persekutuan 1, Jalan Permatang Tinggi yang hanya selebar 2 lorong amat membahayakan serta kesesakan lalu lintas semasa waktu puncak. Pada waktu malam disebabkan ramai pekerja tempatan dan juga asing yang berbasikal ke tempat kediaman mereka akibat tiada pembahagian jalan maka banyak kemalangan berlaku termasuk kemalangan maut telah berlaku. Mengikut jawapan yang telah diberi oleh EXCO kita, terdapat empat (4) kes maut telah berlaku sejak tahun 2014. Oleh itu ini adalah satu keadaan di mana kita sangat bimbang kerana reka bentuk jalan tersebut memang sangat bahaya dan banyak penduduk di kawasan perumahan yang hendak pergi kerja memang akan menggunakan Jalan Persekutuan 1 itu. saya mendesak supaya walaupun ini adalah jalan milik Kerajaan Persekutuan, saya juga ingin mendesak Kerajaan Persekutuan supaya secepat mungkin meluluskan untuk naik taraf jalan tersebut kepada empat (4) lorong dan juga menaikkan *curb* jalan supaya tidak membahayakan pengguna-pengguna jalan raya.

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lim Chee):**

Minta laluan. Di sini saya ingin bertanya kerja-kerja penyelenggaraan di Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan adalah di bawah JKR Federal, berapa banyak peruntukan diberi kepada kita setiap tahun, di mana di kawasan saya kebanyakan tepi jalan-jalan Negeri dan jalan-jalan Persekutuan semak samunnya sangat tinggi. Kadang-kadang bila kita melaporkan kepada JKR mereka akan menyatakan bahawa setahun cuma cuci sekali atau dua kali. Saya hendak tanya adakah kerja-kerja



penyelenggaraan ini patutnya di bawah JKR Persekutuan atau JKR Negeri. Jika JKR Persekutuan tidak mampu menjalankan kita boleh serahkan kepada JKR Negeri untuk menguruskan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB Lee Khai Loon):**

Terima kasih ADUN Jawi. Saya rasa soalan ini kita minta EXCO untuk menjawab, cuma saya hendak *highlight* perkara ini sebab Jalan Persekutuan 1 ini memang di dalam tanggungjawab JKR Pusat dan adalah memang tanggungjawab JKR Pusat untuk menaik taraf jalan tersebut yang memang nampak keperluannya dan bahayanya. Saya hendak teruskan iaitu Jejambat Jalan Rozhan, Jalan Alma, Bukit Minyak yang perlu dibina untuk memenuhi keperluan pembangunan perumahan yang pesat di kawasan sekitar Alma. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah menjalankan proses rundingan serta mendapatkan nasihat daripada perunding untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar Jalan Rozhan, Alma, Bukit Minyak tersebut. Tambahan pula dengan kedua-dua pusat beli-belah yang besar iaitu Tesco dan AEON terletak di Jalan Rozhan tersebut, maka kesesakan lalu lintas memang sangat serius semasa waktu puncak.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang proses rampas tanah, memang dalam sesi soalan lisan, saya ada bangkitkan tentang kuasa yang telah diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di dalam Kanun Tanah Negara. Mengapa saya kata sedemikian, sebab ini juga ada kaitan dengan masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Alma dan Kawasan Machang Bubuk. Memang Kerajaan Negeri dalam perancangan hendak membina dua kolam takungan air seluas 8.75 ekar di kawasan Alma, tetapi disebabkan oleh peruntukan yang sangat terhad dan nilai tanah yang sangat tinggi di kawasan Alma, maka tanah-tanah tersebut adalah sangat sikit untuk kita ambil alih. Sementara kita menunggu peruntukan atau tuan-tuan tanah untuk memasukkan permohonan kebenaran merancang, khasnya kawasan-kawasan tanah tersebut, tuan-tuan tanah mereka akan mengenal pasti lokasi-lokasi yang strategik untuk membina kolam takungan. Dalam undang-undang sedia ada, sekiranya Kerajaan ingin mewartakan kawasan tersebut sebagai kawasan sensitif alam sekitar, maka proses pengambilan balik tanah perlu dijalankan. Jika tidak, tuan tanah boleh saman Kerajaan kerana tidak meluluskan permohonan kebenaran merancang.

Selain itu Kerajaan juga perlu mengkaji sama ada kuasa untuk merampas balik tanah ke atas tanah-tanah hak milik yang telah melanggar syarat-syarat kegunaan tanah, misalnya apa yang berlaku di kawasan Alma khasnya di kawasan yang terletak lebih tinggi atau cerun, tuan tanah telah membiarkan tanah mereka terdedah kepada hujan dan tiada sistem saliran atau takungan air hujan yang terkesan. Maka keadaan itu akan menyebabkan banyak air lumpur mengalir ke kawasan perumahan dan menyebabkan keadaan yang tidak bertanggungjawab itu telah menyebabkan hakisan tanah dan kelodak tanah di kawasan tanah tersebut mengalir ke kawasan perumahan.

Oleh itu mengikut Seksyen 46(1)(b) Kanun Tanah Negara, tanah bermilik hendaklah dikembalikan kepada atau diberi hak kepada pihak berkuasa negeri dalam keadaan warta notis di bawah Seksyen 130, iaitu notis yang diterbitkan di dalam membuat satu perintah perampasan oleh Pentadbir tanah atas alasan-alasan

tidak bayar sewa atau pelanggaran syarat. Untuk keadaan ini, saya rasa mungkin Kerajaan Negeri boleh mengkaji sama ada sekiranya tuan tanah itu tidak bertanggungjawab dengan baik dan membiarkan tanah tersebut terdedah kepada hujan maka Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk merampas balik tanah tersebut. Sekurang-kurangnya ada proses tersebut untuk meminta tuan tanah itu untuk memperbaiki tanah mereka sendiri. Jika tidak, tiada tekanan langsung untuk memulihkan dan menyebabkan masalah itu akan berterusan. Maka untuk mengambil sekiranya kita tidak berkuasa untuk membekukan kebenaran permohonan merancang maka kita perlu mencari jalan penyelesaian lain untuk mengatasi banjir kilat yang disebabkan oleh pembangunan yang tidak terkawal ini termasuklah cara untuk kita rampas tanah bagi tuan tanah yang tidak bertanggungjawab tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan tentang satu isu yang telah berlaku di dalam satu pengalaman yang telah berlaku di KADUN Machang Bubuk, di mana walaupun kita dalam peruntukkan menangani masalah kilat itu telah ditambah setiap tahun, kenaikan RM10 juta daripada RM13.9 juta ke RM23.9 juta pada tahun 2015 tetapi kita perlu menangani masalah banjir kilat itu melalui punca. Pelbagai faktor yang telah menyebabkan banjir kilat termasuklah sistem pembangunan yang tidak terkawal, sistem perparitan yang tidak sempurna, sistem saliran tersumbat atau tidak sempurna dan tiada pelan induk sistem dan sebagainya. Oleh itu di Machang Bubuk kita telah kerjasama dengan NGO-NGO, persatuan penduduk dan juga JKKK dan ahli semua, kita telah menubuhkan badan bertindak penempatan banjir sejak 26 April dan dengan kerjasama penglibatan yang aktif dalam badan bertindak. Beberapa pencapaian yang memberangsangkan telah dicapai termasuk kelulusan peruntukkan sebanyak RM300,000 Jawatankuasa MMK tebatan banjir untuk memperbaiki pintu air solar dan PVC di Kuala Juru yang akan menghalang air mengalir masuk apabila air pasang.

Selain itu dialog bersama dengan pegawai MPSP serta diikuti lawatan tapak oleh badan bertindak tersebut telah membolehkan pegawai-pegawai Kerajaan lebih mengetahui masalah sebenar tentang banjir kilat dan juga adanya penglibatan orang awam dalam proses menangani masalah tersebut. Kebijaksanaan tempatan atau *local wisdom*...(gangguan), dengan izin tidak patut dipandang remeh temeh. Pandangan dan cadangan daripada penduduk kawasan perlu diambil dengan berat kerana mereka telah lama tinggal di kawasan tersebut malah mengetahui semua laluan air hujan dan apa halangan yang telah dihadapi. Kadangkala ada segelintir masyarakat yang bersikap negatif terhadap keberkesanan badan bertindak penempatan banjir ini, sebab mereka berfikir badan bertindak ini hanya bermesyuarat sahaja. Dan tidak ada tindakan konkrit daripada pihak berkuasa atau rakyat sendiri. Saya ingin menegaskan di sini bahawa proses perundingan perbincangan dan tindakan bersama komuniti di kalangan semua anggota-anggota badan bertindak adalah mustahak. Kerana ia merupakan sebahagian komuniti *empowerment*...(gangguan).

#### **Adun Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Saya cuma nak tanya penjelasan adakah Yang Berhormat bermaksudkan mesyuarat yang diadakan tiap-tiap bulan di Pejabat Daerah.

## **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Badan bertindak ditubuh dikalangan NGO, Persatuan-persatuan Penduduk. Ini adalah satu badan yang boleh dikatakan bebas daripada sesiapa yang dipengerusi oleh orang-orang persatuan penduduk. Dengan penglibatan secara langsung oleh wakil rakyat kawasan badan bertindak, banyak masalah dapat dibincang dan cadangan-cadangan cara penyelesaian juga dapat dikemukakan. Penduduk kawasan tersebut juga lebih prihatin tentang pembangunan baru yang akan dijalankan. Mereka juga mengambil inisiatif sendiri untuk memahami Pelan Rancangan Tempatan dan juga kawasan perumahan yang mereka.

Dato' Yang di-Pertua, isu yang saya nak bangkit juga tentang penggunaan pengangkutan awam. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dengan kerjasama dengan Plusliner telah memulakan perkhidmatan bas, bukan bas percuma, bas yang kena ada tambang dari Taman Machang Bubuk ke Plaza Summit Bukit Mertajam sejak bulan September yang lepas. Walaupun perkhidmatan bas tersebut telah disediakan tetapi kadar penggunaannya masih rendah dan perlu usaha untuk mempromosikan perkhidmatan bas tersebut. Terima kasih Padang Kota datang untuk merasmikan laluan tersebut walaupun pada masa itu ada sedikit masalah tempat perasmian tersebut.

Tetapi akhirnya perkhidmatan bas itu dapat dijalankan dan kita memang selain daripada masalah promosi yang tidak mencukupi, sistem pengangkutan awam yang tidak cekap dan tepat pada masa menyebabkan orang ramai masih memilih guna kenderaan sendiri untuk mencapai destinasi mereka. Maka pengangkutan awam yang disediakan oleh Kerajaan Negeri atau Plusliner itu telah kebanyakan digunakan oleh pekerja asing atau orang yang berpendapatan rendah dan tidak mampu memiliki kenderaan sendiri. Saya sokong sepenuhnya tentang *mobile apps* yang akan dikenali oleh *Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTs)* yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengambil kira kadar kegunaan pengangkutan awam yang rendah di Bukit Mertajam. Semoga *Apps* tersebut dapat mengatasi masalah tersebut dengan memberikan maklumat yang mencukupi kepada rakyat supaya tahunya masa dan keadaan lalu lintas semasa di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan mereka.

Isu yang seterusnya yang saya ingin bangkitkan adalah kenaikan sewa gerai di MPSP. Berkenaan dengan sewa gerai sebanyak 100% ke atas semua penjaja di kawasan pentadbiran MPSP, saya berpendapat bahawa dasar MPSP adalah tidak sesuai pada masanya. Seperti mana yang kita semua maklum, harga barangan termasuk harga buatan makanan juga naik secara terusan. Masalah inflansi dan kenaikan harga telah membebankan peniaga kecil dan penduduk tempatan. Kenaikan kadar sewa gerai telah menyebabkan keadaan penjaja kecil umpama jatuh ditimpa tangga. Tambahan pula tahun depan Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan cukai GST maka harga barangan akan naik lagi sehingga menyebabkan suasana perniagaan semakin susah. Saya berpendapat bahawa MPSP bukan sahaja tidak patut menaikkan sewa gerai, malahan perlu mengkaji semula langkah-langkah yang boleh membantu peniaga kecil dan penjaja serta berdepan dengan cabaran yang sengit yang sulit yang akan dihadapi pada masa yang akan datang. Saya faham juga keperluan dan tanggungjawab MPSP untuk mencari hasil untuk tanggungjawab sosial.

Akan tetapi sebagai Kerajaan Tempatan kita tidak boleh menganggap penjaja sebagai penyewa semata-mata dan Kerajaan Tempatan adalah tuan tanah. Hubungan kedua-dua pihak hanya terjalin dengan bayaran sewa sahaja. Saya berpendapat bahawa kita perlu fikir secara bersama dengan menggabungkan penggunaan ruang awam atau *public space*,...(dengan izin), dengan penjaja. Kita mendapati bahawa pasar malam, pusat penjaja dan gerai makanan telah menjadikan bandar kita penuh dengan pemandangan yang unik, telah menjadikan bandar Pulau Pinang ini sebuah negeri yang unik. Melalui penjaja, rasa pemandangan dan sentuhan seseorang pelancong tersebut boleh mengenali kawasan bandar dengan cara yang istimewa ini.

Untuk orang tempatan, penjaja telah menjadi satu elemen penting dalam komuniti. Dengan kerjasama penduduk-penduduk setempat kita boleh mengenal pasti ruang-ruang kosong atau tidak dipakai dalam kawasan pentadbiran MPSP. Tempat-tempat berdekatan dengan penduduk atau komuniti yang mempunyai keperluan boleh dibangunkan dan diguna oleh penjaja atau peniaga kecil dengan kadar sewa yang murah, longgarkan sistem kelulusan lesen akan membolehkan lebih ramai orang atau pesara-pesara, suri rumahtangga dan lain-lain dalam komuniti untuk menjaja di kawasan berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Keadaan ini akan mewujudkan satu ekonomi komuniti serta model penggunaan yang baru.

Di samping itu, pelbagai aktiviti gerai yang bertema khas atau bermusim tertentu boleh diadakan dengan guna pakai *model social enterprise* dengan cara pengurusan bersama untuk menjalankan aktiviti tersebut. Pengalaman di Taiwan dan Hong Kong telah menganjurkan pesta buku, gerai, kraftangan, barangan terpakai di rumah untuk dipamerkan dan ditukar dengan menghidupkan jaringan komuniti dan ekonomi komuniti. Kesimpulannya, dalam isu kenaikan sewa gerai di MPSP, saya berpendapat bahawa Kerajaan Tempatan tidak patut mengenakan beban ekonomi tersebut kepada peringkat akar umbi. Lebih penting adalah kita perlu tanggapan lama kita terhadap penjaja dengan melakarkan satu dasar jangka masa panjang untuk membangunkan ekonomi komuniti tempatan serta membangun, membantu penjaja dan peniaga kecil.

Dato' Speaker, dalam isu melarang pekerja asing menjadi tukang masak di kalangan penjaja-penjaja jalanan, saya rasa kita perlu lihat perkara ini dengan lebih menyeluruh. Saya menyokong usaha Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan dan menjamin mutu kualiti makanan jalanan yang menjadikan Pulau Pinang terkenal di peringkat nasional dan antarabangsa. Namun demikian kita juga perlu faham faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti dan mutu kesedapan sesuatu makanan tersebut, iaitu kualiti dan kos bahan mentah, sewaan gerai, resepi dan kemahiran tukang masak tersebut. *Nationality* atau kebangsaan samada *nationality* seseorang tukang masak itu bukanlah faktor utama yang menyebabkan kesedapan dan mutu kualiti makanan tersebut terjejas. Daripada melarang pekerja asing menjadi tukang masak jalanan, Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan bengkel latihan kepada semua tukang-tukang masak jalanan, kemahiran untuk membeli bahan mentah untuk masak secara pukal dan bahan yang segar dan berkualiti tinggi untuk mengurangkan kos peniagaan malahan boleh menganjurkan pertandingan makanan masakan jalanan untuk memberi galakan kepada mereka yang cemerlang dalam masakan mereka.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua saya nak bangkitkan isu tentang kes pengusiran peneroka di kampung atau desa yang telah yang tambah akibat daripada pembangunan yang pesat di Pulau Pinang, apabila pembangunan telah mendekati kawasan desa maka ramai peneroka desa terpaksa mengalami nasib di usir keluar. Saya pernah bangkitkan isu Kampung Permatang Tok Subuh pada sidang Dewan yang lepas, sampai hari ini masih ada 26 keluarga yang tetap menduduki di sana dan berdepan dengan pengusiran bila-bila masa. Tuan tanah yang berkuasa dan itu telah mengambil kesempatan dan kelonggaran undang-undang dengan memfailkan kes tersebut ke mahkamah untuk mendapatkan *vacant possession*. Mahkamah Sesyen Butterworth telah membuat keputusan kepada yang berpihak kepada tuan tanah untuk memperolehi *vacant possession*. Walau macam mana pun pihak penduduk 26 keluarga tersebut telah memfailkan rayuan, membuat rayuan ke mahkamah tinggi dan akan bermula di bicarakan dalam bulan November ini. Dalam kes ini Kerajaan Negeri seolah-olah kita tidak dapat berupaya untuk mengambil apa-apa tindakan disebabkan Kerajaan bukan tuan tanah di atas tanah tersebut dan tambahan pula pihak tuan tanah juga tidak membuat apa-apa permohonan tukar syarat atau membuat permohonan kebenaran merancang so saya di sini ingin memohon agar Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri serta Badan-badan Profesional atau peguam untuk mengkaji kes-kes seperti ini agar hak penduduk yang sudah lama tinggal di sana lebih puluhan tahun dapat dijamin, macam mana kita nak memastikan yang tuan tanah tersebut tidak akan mengambil kesempatan tersebut untuk mengusirkan keluar penduduk-penduduk yang sudah lama tinggal di sana.

Dato' Yang di-Pertua rapatkan jurang pembangunan bandar dan desa. Jurang diantara bandar dan desa adalah sangat biasa di semua tempat yang sedang membangun selain daripada usaha merapatkan pembangunan di antara bandar dan desa lebih mustahak adalah mengambil pendekatan untuk mengenal pasti kelebihan yang ada pada kedua-dua bandar dan desa selepas itu, saling melengkapi serta menyempurnanya dan bukannya menaburkan sumber-sumber di kawasan bandar sehingga menyebabkan desa dan kampung kerosakkan dan juga meninggalkan bakat-bakat peninggalan bakat-bakat di desa. Sebenarnya di Pulau Pinang mahu pun di Malaysia telah mengalami nasib yang sama iaitu disebabkan kekurangan peluang pekerjaan dan pembangunan di kawasan desa, ramai orang muda telah meninggalkan kampung mereka untuk mencari kerja di bandar malah di luar negara ini telah menyebabkan tenaga kerja dan daya hidup sebuah kampung telah hilang begitu sahaja.

Kita perlu berhati-hati bahawa dalam proses pembangunan bandar juga penuh dengan pelbagai masalah seperti hubungan di antara manusia menjadi jauh, pencemaran alam sekitar, kesesakkan lalu lintas, homogenisasi dan juga menjadikan bandar kehilangan keunikannya, tekanan hidup yang berat menyebabkan kehilangan rasa dan sebagainya. Sebaliknya desa yang dianggap mundur dan ketinggalan telah menjadi resepi untuk mengatasi segala masalah yang disebut tadi. Ramai warga kota yang hidup di bandar telah bosan dengan bandar, Kerajaan Negeri boleh menjadikan jambatan yang menyambungkan bandar dan desa menggalakkan warga kota untuk mengunjung kampung pada hari minggu dan cuti awam, ini membolehkan budak-budak dari bandar boleh belajar di kampung.

Misalnya Kerajaan juga boleh mengalakkan sekolah-sekolah untuk memasukkan pengenalan kampung pertanian, alam semula jadi dan ko-kurikulum di dalam silibus pelajaran, kanak-kanak akan berpeluang untuk belajar di alam semula jadi, di alam semula jadi dan program-program kerja seperti ini boleh dijalankan oleh NGO tetapi dalam skala yang terhad sebagai Kerajaan yang proaktif ia boleh membantu dari segi promosi dan menambah ilmu pengetahuan budak-budak terhadap alam semula jadi, petani dan pekebun yang menyambut rombongan tersebut juga boleh memperolehi sedikit pendapatan tambahan ataupun promosi *Eco-tourism* kepada pelancong asing dan penduduk-penduduk tempatan di samping mengenali George Town Bandar Warisan ini kita boleh mempromosi tempat-tempat pelancongan *Eco-tourism* seperti Sawah Padi di Balik Pulau dan Permatang Pauh kesemua ini mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangun sebagai destinasi pelancongan *Eco-tourism*.

Di samping itu, usaha untuk membangun modal *fair trade* yang pembelian terus contohnya mengalakkan penanaman Sayur Organik di kampung kemudian di jual kepada pengguna secara terus melalui pembelian terus, kaedah ini dapat mengabungkan hubungan pengeluar dan pengguna dengan mengurangkan jarak serta eksploitasi orang tengah. Kerajaan Negeri juga boleh mempromosi produk-produk buatan tempatan dengan menggalakkan pengguna untuk membeli barangan dan makanan buatan tempatan, usaha tersebut dapat membangunkan pelbagai barangan, makanan dan kraf tangan dalam pasaran *fair trade* ...(dengan izin) kesemua contoh di atas adalah usaha untuk merapatkan jurang di antara bandar dan desa malahan membolehkan kita semua mencungkil semula kepentingan dan ternilainya sebuah kampung terhadap pembangunan secara keseluruhan.

Skim Bantuan Kebajikan yang tidak sempurna. Sumber utama bantuan kebajikan bagi keluarga-keluarga miskin tegar bandar di Pulau Pinang adalah bergantung kepada Agenda Ekonomi Saksama (AES), Kerajaan Pulau Pinang telah melaksanakan AES dengan memberi jaminan bahawa setiap keluarga diberi wang perbezaan sebagai tambahan untuk mengenakan pendapatan minimum RM790.00 sebulan, sasaran AES adalah membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2015 menjaga golongan muda terjejas dan melindungi orang-orang miskin untuk berupaya hidup dengan taraf kehidupan yang asas adalah tanggungjawab Kerajaan.

Berkenaan dengan skim bantuan kebajikan AES yang disediakan saya bimbang usaha tersebut tidak dapat menjamin keluarga miskin untuk menikmati perlindungan mendapati perlindungan yang asas dengan kenaikan harga barang dan kadar inflasi yang tidak terkawal, RM790.00 sebulan adalah sukar untuk mencapai keperluan hidup asas, RM790.00 juga bermaksud keluarga tersebut tidak boleh belanja lebih RM25.00 sehari, untuk sebuah keluarga yang mempunyai empat ahli keluarga, setiap ahli keluarga tidak boleh, maksudnya setiap ahli keluarga tidak boleh belanja lebih RM6.00 sehari. Dalam realiti yang sebenarnya hari ini bantuan tersebut memang adalah mustahil dan untuk hidup dalam hari ini. Oleh itu Kerajaan Negeri perlu meningkatkan taraf bantuan kebajikan tersebut dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan untuk selaras dengan kadar inflasi dan kenaikan harga barangan setiap tahun. RM790.00 merupakan Pendapatan Garis Kemiskinan PGK yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui banciaan yang telah dibuat namun tersebut angka tersebut penuh dengan pelbagai masalah mengikut...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh).**

Minta penjelasan. Sedarkah bahawa Kerajaan Pusat menggunakan RM770.00 sebagai taraf kemiskinan. Memang di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2009 kami telah membasmikan miskin tegar di mana pada masa itu Kerajaan Pusat hanya pakai RM420.00 dari RM500.00 dan selepas itu kami naik taraf sampai RM600.00 dan pada kini di Pulau Pinang kami telah pembasmian kemiskinan dan bukan miskin tegar lagi dan kami telah menggunakan RM790.00 untuk isi keluarga walhalnya Kerajaan Pusat telah menggunakan RM770.00 dan memang jika semua cukai-cukai yang dikutip di Pulau Pinang dan telah dipulangkan kepada Pulau Pinang memang bukan hadnya RM790.00, RM1,000.00 pun tak menjadi masalah. Masalah adalah cukai-cukai yang telah dikutip disalurkan kepada Kerajaan Pusat, hanya sedikit dipulangkan ke Negeri Pulau Pinang akan tetapi cadangan Yang Berhormat kami akan ambil kira bagi pertimbangan jika boleh mampu jika boleh kami akan bagi pertimbangan. *Thank you.*

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan boleh? Saya nak tahu berapa banyakkah duit yang dipulangkan, sebab tadi YB. Puyu menyebut pasal pendapatan atau cukai-cukai yang dipulangkan kepada Kerajaan Negeri. Berapakah nilai dan jumlah yang dipulangkan. Terima Kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya, nanti EXCO jawab.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada Sungai Puyu yang telah memberi penjelasan tersebut dan soalan dari Penanti saya rasa EXCO akan memberi jawapan semasa pengulungan. Saya cuma ingin bangkitkan masalah pengiraan tentang PGK ini iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan, mengikut cara pengiraan PGK piawaian antarabangsa ia berdasarkan median pendapatan keluarga sebulan di negara tersebut. Oleh itu, mengikut angka yang diumumkan oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri Abdul Wahid Omar yang baru-baru ini iaitu median pendapatan keluarga di Malaysia pada tahun 2014 adalah RM4,258.00, maka sekiranya kita nak meletakkan pendapatan garis kemiskinan tersebut ia perlu ditetapkan separuh dari median tersebut iaitu jika dalam kes di Malaysia ini maka PGK tersebut perlulah separuh iaitu RM2,129.00 dan ini adalah memang kita nampak jauhlah daripada perbezaan RM790.00 dengan RM2,000.00 tersebut. Ini memang adalah angka yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan menunjukkan betapa susah sekiranya sebuah keluarga nak melalui beban ekonomi yang begitu berat.

Oleh itu saya terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil inisiatif untuk menaikkan PGK tersebut, cuma masih jauh ketinggalan dari apa yang realiti dalam kehidupan kita. Seterusnya tentang *participatory budgeting* saya memang ada beberapa ADUN-ADUN telah mengemukakan tentang keperluannya *participatory budgeting*, saya juga sokong sepenuhnya pandangan-pandangan

tersebut kerana kekuatan komuniti serta demokrasi penyertaan boleh diperkasakan melalui *participatory budgeting* di peringkat akar umbi. Kerajaan Negeri boleh mewujudkan ruang dan peluang kepada orang awam untuk memberi pandangan serta membuat keputusan dalam proses merangka bajet Kerajaan boleh mematuhi prinsip demokrasi dalam proses membuat sesuatu polisi untuk kebaikan bersama. Semua polisi yang dibuat perlu memadai keperluan semua rakyat yang merangkumi latar belakang yang berlainan.

Kita perlu yakin kepada kebijaksanaan tempatan dan percaya bahawa setiap penduduk berupaya untuk menyumbang idea serta faham tentang apa yang paling diperlukan oleh komuniti tersebut. Sesuatu polisi yang baik dan diterima ramai akan membantu mempertingkatkan taraf hidup semua rakyat. Maka, komuniti itu tersebut juga akan menyumbang lebih banyak tenaga dan idea dalam memberansangkan kegiatan ekonomi negara kita. *Participatory budgeting* juga dapat membantu mewujudkan keharmonian dalam masyarakat dengan perkongsian pandangan dan kesedaran hak asasi di kalangan rakyat. Dalam kes Machang Bubuk yang seringkali menghadapi masalah banjir kilat, kita telah mengambil satu inisiatif untuk menubuhkan Badan Bertindak Tabatan Banjir yang terdiri daripada NGO-NGO tadi. Saya juga mendengar suara dan mengumpul pandangan daripada semua golongan penduduk khususnya dalam usaha berkenaan dengan pelbagai usaha Kerajaan Negeri yang telah diambil dan juga dalam projek-projek tabatan banjir yang berkenaan dengan Bajet Negeri dan JPS serta MPSP. Dengan penglibatan dan penyertaan badan bertindak ini mereka dapat mengenal pasti cara untuk mengemukakan masalah yang dihadapi kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Di samping mempertahankan hak mereka untuk hidup selesa dalam kawasan tanpa bimbang dengan masalah banjir. Penglibatan mereka juga merealisasikan *participatory* demokrasi yang disasarkan.

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengemukakan satu cadangan kepada Kerajaan Negeri iaitu *Intergenerational Day Care* atau Rumah Jagaan untuk Kanak-Kanak dan Orang Tua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah menubuhkan taska di KOMTAR baru-baru ini. Dan, perkara *Intergenerational Day Care* ini adalah satu pusat jagaan yang menggabungkan orang-orang tua dan kanak-kanak sekali. Berbanding dengan negara jiran, yang kadar pembangunan hampir sama kadar penyertaan kerja wanita di Malaysia masih rendah, atau 47% sahaja. Salah satu faktor adalah tanggungjawab membuat kerja-kerja rumah tangga. Masih jatuh ke atas kaum wanita. Semalam pun ada perbincangan tentang pembantu rumah yang juga kita memerlukan banyak, ramai pembantu rumah iaitu dari luar negara untuk jadi supaya orang wanita boleh melibatkan diri dalam bekerja di luar.

Oleh itu usaha untuk mempertingkatkan kadar penyertaan kerja wanita dan peluang penglibatan dalam masyarakat dengan berkesan perlunya wujud perkhidmatan pusat jagaan harian yang lengkap. Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan pusat jagaan taska, kanak-kanak, khususnya kepada kakitangan awam, dengan yuran yang murah dan berpatutan. Keperluan masyarakat untuk perkhidmatan pusat jagaan masih mempunyai satu jurang yang besar. Dengan itu, saya berpendapat bahawa Kerajaan perlu menyediakan perkhidmatan *Intergenerational Day Care* ini dengan segera. Di samping itu, perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak, pusat jagaan orang tua juga perlu disediakan dengan cepat.



Bagi golongan pekerja muda, dan pertengahan umur, mereka sedang mengalami satu keadaan yang kekok di mana mereka perlu menjaga anak-anak kecil, malahan perlu juga menjaga ibu bapa yang tua dan uzur, golongan ini tersepit di tengah-tengah seperti *sandwich*. Selain mengalami tekanan berganda, iaitu menjaga rumah tangga, malahan perlu keluar lagi untuk bekerja.

Oleh itu, saya mencadangkan Kerajaan Negeri boleh mengkaji untuk mendirikan pusat jagaan intergenerasi yang boleh mengurangkan beban dan tekanan para pekerja. *Intergenerational Day Care* ini telah dirikan di kebanyakan negara-negara maju yang merupakan perkhidmatan *one stop centre* di mana para pekerja boleh menghantar anak-anak kecil dan ibu bapa mereka yang tua ke pusat jagaan intergenerasi ini. Mereka boleh dijaga dan bersosial di pusat jagaan tersebut. Dan selepas kerja, mereka boleh membawa anak dan ibu bapa mereka balik ke rumah bersama. Pusat jagaan intergenerasi ini mempunyai banyak kelebihan. Yang paling jelas adalah mengurangkan beban para pekerja untuk menjaga anak kecil dan orang tua. Lebih mustahak, penyertaan pekerja wanita juga dapat dipertingkatkan. Meskipun anak kecil dan orang tua yang dijaga di dalam pusat jagaan intergenerasi ini juga mempunyai banyak kelebihan. Walaupun warga emas adalah berumur tinggi dan perlu dijaga, namun pengalaman hidup dan kebolehan mereka sangat bernilai untuk dikongsikan kepada orang muda.

Selepas bersara, penglibatan warga emas dalam aktiviti sosial telah berkurangan serta menyebabkan psikologi mereka juga dipengaruhi emosi yang negatif. Namun dalam pusat jagaan intergenerasi ini, warga emas boleh membantu menjaga anak-anak kecil serta berinteraksi dengan budak-budak kecil. Proses ini akan meluaskan lingkaran sosial mereka, serta mengenali warga emas yang lain dan memupuk kegemaran masing-masing. Selain itu, budak-budak kecil juga mempunyai banyak peluang untuk berinteraksi dengan warga emas. Mereka boleh belajar bagaimana hidup bersama warga emas, dan sekali gus menghapuskan perbezaan orang yang menjaga dan orang yang dijaga. Dengan itu, orang yang dijaga dalam pusat intergenerasi ini menjadi satu keluarga yang besar. Yang penuh dengan kasih sayang. Oleh itu, saya menyeru agar Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan penubuhan pusat jagaan intergenerasi yang pertama di Malaysia untuk memberi perkhidmatan kepada keluarga yang memerlukannya.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih. Yang Berhormat. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang kualiti latihan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kakitangan-kakitangan di dalam pusat jagaan ini? Sebenarnya saya menyokong bahawa banyak golongan masyarakat yang seolah terabai dalam masyarakat kami, terutamanya golongan tua, dan banyak pusat jagaan telah ditubuhkan demi, disebabkan permintaan penjaga bagi golongan-golongan yang berbeza. Namun, saya khuatir tentang kualiti pemantauan penguatkuasaan latihan terhadap kakitangan-kakitangan ini dan menggalakkan agar garis panduan boleh dibuat untuk memastikan mereka yang dijaga benar-benar dijaga. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Pulau Tikus. Memang, saya setuju dari segi pelaksanaannya memang perlu pemantauan dan juga satu proses untuk mengenal pasti latihan tersebut yang sesuai untuk jamin kualiti pusat jagaan tersebut. Dato' Yang di-Pertua, penutup, beberapa tahun kebelakangan ini, dalam buku bertajuk '*The Price of Civilization: Reawakening American Virtue and Prosperity*' yang ditulis oleh seorang pakar ekonomi muda, *Harvard University, Professor Jeffrey Sachs* yang pernah Penang Institute jemput dia datang ke sini juga. Seorang pakar yang telah melakarkan masyarakat tamadun yang diimpikan oleh kita semua. Masyarakat yang mempunyai pembangunan yang pesat, taraf kebudayaan yang tinggi, pembangunan teknologi yang canggih, serta mempunyai sistem politik yang demokrasi dan maju dalam menjadikan masyarakat tamadun yang kita cemburui. Namun, untuk mengekalkan tamadun sedemikian, sebaliknya perlu menanggung banyak kesannya. Kesannya, termasuk kos yang merupakan nombor-nombor yang *complete*. Ada juga kos yang tidak dapat dinilai dengan nombor yang *complete* seperti, *consumerism*, pembahagian kekayaan yang tidak adil, sumber dan ruang awam, yang berkurangan, pencemaran, kesesakan lalu lintas dan lain-lain. Kesemua ini seolah-olahnya merupakan masalah yang perlu dihadapi oleh semua negara yang sedang membangun. Maka bagaimana untuk mencernakan atau mengurangkan kesan buruk tamadun bagi faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan untuk sebuah bandar malahan sebuah negara untuk mencapai kejayaan dan kemajuan.

Saya berpendapat bahawa kita boleh belajar daripada pengalaman dan contoh negara lain, khasnya iktibar kekalahan dan kemunduran yang dihadapi oleh mereka supaya kita tidak mengulangi kesilapan yang mereka lalui. Antara yang utama adalah bagaimana kita dapat menetapkan matlamat pembangunan ekonomi. Terlalu memberi penekanan keatas sistem pasaran ekonomi yang terbuka ataupun *neoliberalism* yang dikemukakan oleh *Margaret Thatcher*. Kesemua ini hanya akan menyebabkan pembangunan ekonomi yang cenderung kepada orang kaya dan berkuasa sahaja. Oleh itu, saya setuju dengan *Jeffrey Sachs* yang telah mengemukakan sistem *Mixed Economy* iaitu dengan mengangkat keberkesanan, saksama, pengurusan mampan sebagai matlamat. Saya berpendapat bahawa tidak kira dalam Bajet Kerajaan atau urus tadbir Kerajaan seharian.... (gangguan)

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan kenyataan menteri di Parlimen di mana baru-baru ini, telah disoal tentang hasil yang dibayar oleh jutawan-jutawan di negara kita berbanding dengan hasil *income tax* ...(dengan izin), yang dibayar oleh orang-orang biasa. di mana angka-angka tersebut tidak didedahkan memberi persepsi seolah-olah Kerajaan Persekutuan dalam erti kata yang lain secara tidak langsung hanya memberi *conglomerate-conglomerate* perniagaan seperti Ananda Krishnan, dan sebagainya yang merupakan jutawan, tetapi hasil yang dibayar oleh mereka kepada pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan tidak didedahkan sama sekali. Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan perkara ini? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Seri Delima. Saya rasa, pada isu tersebut memang kita nampak Kerajaan Persekutuan ini telah lebih cenderung, atau lebih suka untuk mengenakan cukai ke atas orang-orang akar umbi khususnya dengan pengenalan cukai GST ini ke atas semua orang tak kira orang miskin, orang kaya. Malahan apa yang dicadangkan oleh Pakatan Rakyat dalam Parlimen, untuk mengenakan *The Capital Gain Tax* ke atas taikun-taikun besar tersebut tidak diterima. Malahan kenyataan yang dibuat adalah sangat tidak munasabah, di mana, salah satu sebab yang dikeluarkan Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Maslan. Dia kata risau nanti orang kaya semua akan lari keluar dari Negara Malaysia dan ini memang kita nampak, muka sebenar Kerajaan Persekutuan yang *Pro-Capitalist* dan tidak menjaga hak orang-orang miskin tersebut. Oleh itu.....(gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya ingin tambah lagi. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan isu ini, di mana kita harus menyedarkan rakyat, kalau sebelum ini di mana orang-orang tertentu atau lazimnya, kalau seseorang itu pendapatannya adalah kurang RM2,500.00, beliau tidak akan dikenakan cukai. Itu adalah satu pengiraan kasar, tetapi sekarang dengan penganan GST, tiap-tiap rakyat kalau dia merupakan seorang pesara, mahupun seorang yang hanya bekerja sebagai seorang Pengawal Keselamatan, pendapatan sebanyak RM800.00 bila beliau membeli sesuatu perkara yang tidak diberi pelepasan di bawah cukai GST, beliau secara tidak langsung akan dikenakan GST juga. Ini adalah perkara yang kita harus memberi penekanan dan memberi penjelasan kepada rakyat apabila datangnya bulan April tahun depan. GST ini secara tidak langsung akan mengenakan cukai ke atas rakyat jelata, di mana perkara ini boleh dikurangkan. Dan perkara kedua yang ingin saya tanya juga pendapat Yang Berhormat adalah berkenaan dengan fenomena kenaikan harga minyak, di mana di seluruh dunia sekarang kalau kita lihat, harga minyak sedang menurun. Malahan di negara-negara di Arab Saudi dan sebagainya, negara-negara yang menyumbangkan petroleum kepada penggunaan kasar negara, kita lihat bahawa harga petrol memang sudah jauh lebih kurang daripada negara-negara lain. Tetapi di Malaysia, berbanding dengan berbeza dengan fenomena kekurangan harga minyak, kita pulak menaikkan harga minyak. Saya rasa perkara ini kita perlu memberi penjelasan bagaimana kerana pakar ekonomi di luar negara juga tidak dapat menjelaskan perkara ini yang langsung tak masuk akal, terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Seri Delima yang telah menunjukkan satu keadaan sebenarnya, muka sebenarnya dari Kerajaan Persekutuan yang cakap tak masuk logik, tak masuk akal dengan selepas menaikkan harga minyak petrol, dan juga pelaksanaan cukai GST ini yang kita telah nampak, mereka bukan sahaja gagal dari segi pengurusan ekonomi, malahan telah mengalihkan beban tersebut dan tanggungjawab tersebut kepada rakyat kita. So, rakyat yang perlu memikul semua segala tanggungjawab atau masalah tersebut. Ini bukan...(gangguan).

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Minta laluan sikit ya, ini bukan soalan, ini cuma mahu panjangkan memperluaskan sedikit kenyataan Seri Delima. Baru-baru ini Kerajaan BJP Modi dia telah senaraikan nama-nama ahli-ahli politik dan ahli-ahli perniagaan yang sebenarnya ada simpanan duit dalam *Swiss Bank*. Wang hitam, *black money* ini duit yang tak kena cukai. Mungkin ada beberapa nama. So, senarai nama ini telah disampaikan kepada Mahkamah Tinggi, jadi saya rasa ini satu yang perlu, selain daripada mereka yang tak kena cukai dan sebagainya, saya rasa mereka ini betul-betul bayar cukai ialah kelas menengah di Malaysia. Tapi isu ini penting di mana mereka simpan wang haram ini, ini termasuklah ahli-ahli politik Barisan Nasional. Kenapa saya rasa Najib mesti buat apa ini satu tindakan supaya kita buat satu siasatan, siapa-siapa ada duit haram, bukan dalam *Swiss Bank* ke, mana-mana bank saya rasa banyak juga, jadi beranikah Kerajaan Malaysia, ini bukan soalan kepada Yang Berhormat, cuma satu saya rasa perkembangan baru beranikah Perdana Menteri Najib untuk membuat siasatan, *check* siapa yang ada simpanan dalam *Swiss bank* di Malaysia. Saya rasa saya ada dengar dan ini sudah mula dalam zaman Mahathir dan saya rasa ia terus disambung sekarang. Terima Kasih.

## **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya nak sambung sikit. Terima kasih Yang Berhormat Perai, mungkin kita boleh bermula dengan apa yang telah dilakukan di Pulau Pinang, umpamanya, semua barisan EXCO dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengisytiharkan harta. Yang Berhormat sendiri telah mengisytiharkan harta. Bila kita beli kereta, berapa kereta kita ada, berapa rumah kita ada dan sebagainya, tak banyaklah, tapi kita isytiharkan, mungkin kalau kita bermula begitu, kita dapat mengesan dari dulu, kini dan selamanya. Dulu, kini dan selamanya siapakah menteri-menteri Barisan Nasional yang mempunyai harta-harta benda yang diletakkan di luar negara. Untuk makluman, bila saya ke Perth, lebih kurang lima (5), enam (6) tahun yang lalu, dibiayai oleh isteri saya. Saya mengambil *cruise Swan River* dan bila kita pergi *Swan River*, pengacara majlis, pengacara yang memberi kita tentang tempat-tempat yang menarik itu mengatakan ..(dengan izin) *and this part of the river, there are some Malaysian ministers who own bungalows*. Dan ini benar, tapi nama tak mahu saya beritahu di sinilah. Tetapi salah seorang Menteri MIC, Menteri MIC. Dululah, bukan sekarang dikatakan mempunyai lot banglo di *Swan River* di Perth. Macam mana persoalan ini? Sini kita selalu dituduh macam-macam.

Jadi, berbalik kepada isu pokok, saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat, bukankah kita menyarankan kepada menteri-menteri Barisan Nasional mungkin ADUN-ADUN Barisan Nasional di sini pun kita boleh tanya kalau mereka berani mengisytiharkan harta benda mereka untuk rakyat jelata mengetahui apakah harta benda yang mereka punyai, bagaimana mereka sebenarnya memperolehi harta benda ini kerana rakyat biasa tertanya-tanya. Banyak Pegawai Kastam kawan saya, banyak pegawai-pegawai Imigresen kawan-kawan saya. Apabila mereka bertanya kepada saya, pegawai-pegawai atasan Kastam, Imigresen dan sebagainya, perlu mengisytiharkan. Bagaimana pula dengan menteri-menteri berkenaan? Menteri-menteri Barisan Nasional yang kita lihat cara hidup mereka, gaya hidup mereka begitu mewah. Mungkin Yang Berhormat boleh memberi

pandangan tentang perkara-perkara ini dan saya menyahut cabaran yang diberikan Yang Berhormat Perai mungkin harta benda yang diperolehi dengan cara yang tak betul diambil balik, diserahkan kepada rakyat. Tapi perkara itu hanya boleh berlaku kalau kita Pakatan Rakyat sampai di Putrajaya. Terima Kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bagi saya minta izin, Dato Yang di-Pertua, selaras dengan peraturan mesyuarat 6A (1), peraturan-peraturan majlis mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini Selasa 11 November 2014 dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya sokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 11 November 2014 hari Selasa dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara usul dipersetujui. Sila sambungkan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Yang di-Pertua, saya ingin tamatkan perbahasan saya, tadi saya telah mengemukakan pelbagai cadangan untuk membuat dasar seperti mempertingkatkan bantuan kabajikan, Pusat Jagaan Intergenerasi, Reformasi Dasar Penjaja Gerai serta saling melengkapi di antara bandar dan desa. Kesemua ini adalah merujuk ketiga matlamat tersebut. Matlamat keberkesanan saksama dan pengurusan mampan. Matlamat kita bukan sahaja berusaha untuk membangun ekonomi, malahan letak dalam membasmi kemiskinan serta menambahkan kebahagiaan di kalangan rakyat Pulau Pinang. Dan membentuk satu masyarakat penyayang sebagai matlamat pentadbiran kita. Dengan ini saya memohon untuk menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.***

### **Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan disambung semula. YB. Sungai Aceh, silakan.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

*Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum, warahmatullahi wabarokatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato Timbalan Yang di-Pertua Dewan, rakan-rakan ahli mesyuarat, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian dan Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya nak mulakan dengan perkara tentang Bajet Negeri Pulau Pinang 2015. Berkaitan dengan Anggaran Perbelanjaan, Tanggungan 2015 yang bermaksud tanggungan T02. Awal sidang kelmarin, YB. Ketua Pembangkang Telok Ayer Tawar menyebut tentang anggaran yang agak mengelirukan dan saya sendiri pun agak kurang faham bila di sebut tentang anggaran 2014, sebanyak RM231,600. kemudian di bawah anggaran 2015 juga RM231,600. Jadi ia menampakkan seolah-olah anggaran-anggran ini dibuat begitu mudah sahaja, tidak berasas pada yang tertentu. Sedangkan mengikut penilitian saya, perbelanjaan sebenar bagi Tahun 2013 ialah RM161,185.82 bermaksud kalau lah kita nak berasaskan pada perbenjaan yang sebenar, maka sudah tentulah anggaran 2015 akan berbeza dangan 2014. Sehubungan itu, Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ada buat soalan bertulis berkaitan dengan berapakah pegawai atau *staf* yang dipinjam daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain serta kos bulanan yang lain yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri dan agensi berkenaan yang dipertanggungjawabkan untuk bertugas di Pejabat Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang.

Saya agak kecewa dan tidak puas hati dengan jawapan yang diberi kerana jawapan yang diberi berbunyi begini. "Pejabat Y.A.B Ketua Menteri mempunyai perjawatan tetap dan kontrak yang di lantik di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pegawai atau staf boleh jika perlu dipinjam atau dipinjamkan keluar dalam pentadbiran Kerajaan Negeri mengikut keadaan semasa." Sedangkan soalan saya jelas. "Berapakah pegawai atau staf yang dipinjamkan dari agensi Kerajaan Negeri yang lain, serta kos bulanan yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri." Kedua-dua jawapan, kedua-dua soalan yang saya soalkan tidak dijawab. Jadi sesungguhnya saya amat kecewa dan tidak berpuas hati dengan jawapan ini,

kita minta bagi jawapanlah. Kemudian yang berikutnya, soalan bertulis saya yang nombor dua (2) jawapannya juga tidak lengkap. Yang saya tanyakan ini soalan bertulis. “Berapakah jumlah gerai yang di robohkan oleh MPPP dan MPSP.”

- (a) Sila beri statistik gerai yang di robohkan mengikut kaum.
- (b) Sila nyatakan juga kawasan yang terlibat.

Jawapan yang diberikan juga tidak lengkap. Jumlah gerai yang di robohkan di kawasan MPPP adalah enam (6) berbanding 18 di kawasan MPSP bagi tahun 2014. Saya bertanya soalan pertama mengikut kaum, soalan kedua yang saya maksudkan kawasan yang sebenarnya terlibat, bukan kawasan MPPP dan MPSP. kawasan yang terlibat. Juga mengecewakan saya jawapan kepada soalan ini. Kemudian, soalan lisan saya nombor 15. “Didapati pembinaan stesyen minyak di kawasan jalan besar Taman Pekaka terlalu dekat dengan bangunan kediaman. Adakah pembinaan ini mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.” Jawabannya. “Permohonan kebenaran merancang untuk pembinaan stesyen minyak di Jalan Besar, Taman Pekaka telah diluluskan oleh jawatankuasa OSC MPSP pada 18/2003 melalui pelan susun atur Bil. 18 A MPSP/70/39/69-22 Bah. 1 mengikut kelulusan kebenaran merancang tersebut, jarak anjakan bangunan stesen minyak dengan bangunan kediaman hendaklah menepati garis panduan pembinaan stesen minyak. Di Negeri Pulau Pinang yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 4 Disember 2007. Oleh itu, kelulusan tersebut. Yang mematuhi garis panduan yang sedia ada tak sepatutnya menimbulkan sebarang masalah.”

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, sebenarnya di kawasan saya memang timbul masalah. Ini gambarnya, stesen minyak yang sedang dalam pembinaan. Masyarakat di sana memang tak tahu dari segi teknikal tetapi mereka melihat jalan di sini berlekok, dia kira, dia konalah. Bila kona ada stesen minyak. Jadi dari segi logiknya orang kampung kata tak patut ada. Kemudian, pembinaannya Dato' Timbalan Yang di-Pertua, dia punya pagar stesen minyak dengan pagar rumah sebelah itu, saya ingat dalam lingkungan dua (2) kaki saja. Saya tak sukat. Tetapi saya buat ramalan lebih kurang dua (2) kakilah. Kesian rumah banglo ini. Saya tak tahu siapa punya. Tapi kesian. Kalau rumah itu, kalaulah milik YB. Telok Bahang punya, pasti Yang Berhormat pun akan rasa kecewa juga, mencemarkan, Telok Bahang saya lupa, Pulau Betong. Jadi itulah keadaannya. ...(gangguan). Kalau rumah itu milik Dato' Timbalan Yang di-Pertua sudah tentu Yang Berhormat mesti marah awal-awal lagi. Mengamuk.....(gangguan) ini betul. Begitulah keadaannya Padang Kota tak ada. Dia cuba nak cerita. Saya tahu, mereka kata ada sukatan 30 meter tangki minyak ke rumah, 60 meter tempat pam minyak ke situ, tapi apahal ini, di...(gangguan) ini, ini ada gambar dia.. (tunjuk gambar)? Jadi ini orang kampung bercakap. Mereka bukan kalangan jurutera, arkitek. Tapi mereka nampak tak logik sangat. Jadi eloklah kalau boleh pihak yang berkenaan turun ke padang, tengok dan timbang semula dalam hal ini.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Sungai Acheh, tadi saya nak mencelah. Tapi saya bagi laluan kepada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat merasakan yang kualiti jawapan yang diberikan kepada jawapan Yang Berhormat itu tak memadai. Itu yang

pertamalah. Kualiti jawapan yang diberikan itu. Yang kedua tentang pembangunan ini, ia telah dibina dan hampir siap. Apakah pihak berwajib tak nampak semasa pembangunan ini di bina? Kalau jika sekiranya ada pemantauan dibuat oleh pihak MPSP pada ketika ia nak dibangunkan tentunya mereka telah mengambil tindakan untuk memberhentikan atau menyemak semula atau Yang Berhormat rasa atau ada benda yang tak kena berlaku semasa mendapat kelulusan bangunan ini.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Telok Bahang.....(gangguan), Pulau Betong saya lupa..... (gangguan), (ketawa), kawan baik, terima kasih. Yang pertama memang saya tak puas hati dengan jawapan, saya memang rasa tak logik jawapan itu. Yang kedua saya minta Pegawai dari MPSP turun ke padang untuk melihat sendiri keadaan ini. Saya yakin ada yang tidak kena. Untuk itu, saya mencadangkan supaya bertindak segera. Supaya kalau tak betul itu, kita ubahlah. Kalau tidak, masyarakat tengok tak elok. Saya minta begitulah sebab kalau betul tak ikut peraturan, kalau betul salah, tindakan perlu diambil supaya imej CAT Kerajaan Negeri ini tidak tercemar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat. Saya nak minta, saya tak berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat. Nak roboh kerana masyarakat rasa ia tak sesuai kah atau meroboh kerana dirasakan bangunan ini dibina tanpa mengikut peraturan-peraturan tertentu dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Masyarakat kata tak sesuai kerana masyarakat berpendapat. Pembinaan ini tidak mengikut peraturan. Jadi eloklah. Kalau betul ini, patut diambil tindakan. Terima kasih.

Yang seterusnya, Dato' Timbalan Yang di-Pertua, dia ada pakej tahu, dengan kedai stesen minyak ini. Jadi apabila stesen ini diluluskan untuk pembinaan, maka di fahamkan bahawa pemaju stesen minyak ini atau pemilik stesen minyak ini, kena tunai syarat untuk membina pula pembahagi jalan (*divider*) di sini. Jadi memang ada jawapan di beri kepada saya berkaitan dengan pembahagi jalan ini. Tapi saya nampak tak berapa puas hati juga. Saya baca. Benarkah ada rancangan pihak Jabatan Kerja Raya membina pembahagi jalan di jalan besar di Taman Pekaka berhadapan Kiosk Seri Ampangan. Jawapan. "Terdapat rancangan Pihak Jabatan Kerja Raya untuk membina pembahagi jalan-jalan besar Taman Pekaka di hadapan stesen minyak bagi tujuan keselamatan lalu lintas. Sehubungan itu pihak pemaju telah disyaratkan oleh JKR untuk membina pembahagi jalan tersebut sejajar dengan pembangunan stesyen minyak."

Walau bagaimanapun pemaju berkenaan telah merayu kepada JKR di mana pihak pemaju akan mencari alternatif lain selain daripada membina pembahagi jalan sehingga kini perkara tersebut masih di dalam peringkat perbincangan di antara pihak JKR." Jawapan pun tak tepat. Sebenarnya nak bincang apa lagi dah buat dah pembahagi jalan. Selepas buat baru bincang, jadi kalau betul dari segi keselamatan, boleh tak pihak yang berkenaan tunjukan berapakah orang yang dah



mati di situ, kemalangan, cedera parah di situ, bila pembahagi ini dibuat, tak laku kedai stesen minyak, jalan tak buat. Ini Dato' Timbalan Yang di-Pertua, kerana di sebelah ini, di sebelah pembahagi jalan ini wujudnya sebuah kiosk yang dinamakan kiosk Seri Ampangan. Jadi kiosk ini ada tiga belas (13) yang di bina oleh Kerajaan Negeri, Agensi pelaksana, Pejabat Daerah (SPS) dan ramailah peniaga-peniaga yang berniaga di situ. Dah lama dan apabila pembahagi jalan ini dibuat maka tak lakulah sikit jualan di kedai mereka. Jadi saya mintalah timbangkan semula.

Kerajaan Negeri bagus, buat gerai untuk nak bantu rakyat kita berniaga, cari makan, tapi dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga melalui agen tertentu membenarkan pembinaan *divider* yang menyebabkan saya ingat YB. Dato' Timbalan Speaker tahu, kalau orang dari Parit Buntar sukar untuk singgah di kiosk tersebut, dia tak boleh *corner* balik, betul tak YB. Dato' Speaker? Jadi kesian kat depa, jadi kita fikir yang lebih baik untuk bantu, kerana sat lagi kita bagi, stesen minyak wujud dia untung lebih, tak apa dia untung sebab dia rakyat Malaysia juga, tapi kesian kepada peniaga yang agak kurang ini. Dia miskin sikit, peniaga-peniaga ini yang agak kurang sediki pun, dipilih oleh Pejabat Daerah yang terpilih, terdahulu sebelum ini mereka dok berniaga di tepi-tepi jalan. Saya ingat YB. Pantai Jerejak boleh bantulah. Kalau agak kekurangan maklumat boleh jumpalah Pegawai Daerah, dia tahu semua ini....(gangguan). Walaupun kawasan ini dalam KADUN Sungai Acheh, YB. Dato' Timbalan Speaker memang tahu tempat itu, cantik, tapi sayangnya mereka berniaga dah kurang pendapatan mereka, ada 13 unit kiosk ini. Jadi elok kita timbangkan, biar sama-sama menang. Kalau kedai minyak menang, yang ini pun menang. Tapi biarlah yang ini menang lebih, pasal kiosk ini wujud dulu. Saya ingat YB. Pantai Jerejak akan ambil perhatian perkara ni. Kebetulan usaha-usaha ni adalah di kalangan Bumiputera bukan *racist* tapi nak cerita. Terima kasih.

Okey, yang berikutnya berkait dengan Projek Tebatan Banjir. Saya ada buat soalan dan jawapan pun telah diberi. Saya ada buat soalan, YB. Dato' Timbalan Speaker. "Apakah sumbangan Kerajaan Negeri kepada mereka yang diarah pindah tinggal di atas tanah Kerajaan yang terlibat dengan projek Tebatan Banjir di Kampung Tepi Sungai Transkrian, Kampung Haji Omar, Telok Ipil dan Kebun Baru Nibong Tebal?" Kerajaan Negeri telah mengkhaskan perumahan di Taman Sungai Duri Permai untuk penduduk-penduduk yang memilih untuk berpindah ke perumahan tersebut dan bagi yang memohon tapak-tapak Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di kawasan berdekatan akan dibawa kepertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Bayaran sagu hati merupakan bayaran ehsan kepada penduduk yang terlibat adalah sebanyak RM42,000. Harga rumah sebenar yang ditawarkan RM42,000. Namun Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi harga rumah kepada penduduk terlibat hanya RM38,000, sementara baki RM4,000 diserahkan kepada penduduk untuk proses pemindahan dari rumah asal ke penempatan baru.

Jadi rumah kos rendah yang ditawarkan ini, untuk pengetahuan rakan-rakan, di kawasan YB. Dato' Timbalan Speaker maka bertambahlah pengundinya. Isu dia YB. Dato' Timbalan Speaker, yang pertama saya nak minta jasa baik Kerajaan Negeri kerana di kalangan mereka semua 87 orang yang terlibat yang duduk di atas tanah Kerajaan ini yang diberi notis dan saya ingat hampir semua pun telah dipanggil, *hearing*, bicara dah, saya dah dimaklum begitulah. Ada di kalangan mereka ini yang tinggal di Kampung Haji Omar dan di Kampung Tepi Sungai Transkrian. Mereka ini berhajat benar nak dapatkan rumah yang sama di Sungai

Duri. Rumah itu rumah pekan, *town house*, rumah bandarlah. Cumanya rumah depa minta ini luas sikit daripada di Sungai Duri sebab itu dia harga RM38,000. Yang di sini Taman Seri Putra, Permatang Tok Mahat, pemajunya JKP Sdn. Bhd. Jadi mereka nak minta. Saya pernah *guide* depa bila depa nak pi bicara. Saya kata beritahulah, tak mahu rumah itu tapi nak rumah ini. Tapi yang mereka dapat maklumat di bicara itu, tidak boleh tukar rumah pasal Kerajaan Negeri hanya tawar rumah itu, rumah lain tak boleh.

So saya dah buat surat kepada JPS Negeri, kerana JPS Negeri sebagai urus setia. Jadi JPS Negeri bertahu tak boleh, itu terpulanglah kepada penerima duit sendiri. Maknanya terpulang kepada mereka sendiri untuk usaha beli sendiri. Jadi saya minta tolong pada dia apa salahnya, JPS sebagai urus setia, dia ada *committee* dia, so bawa benda ini. Saya ingat lebih kurang 18 buah rumah, mungkin tak tepat. Mohon jasa baik kalau boleh tukar di situ, di Taman Seri Putra, Permatang Tok Mahat atas alasannya YB. Dato' Timbalan Speaker, rumah itu dekat Sekolah Menengah Agama Kebangsaan, perasan tak? Dekat dengan kampung Haji Omar. Dia angguk, cukuplah menyakinkan. Satu lagi dekat dengan tepi Sungai Transkrian, YB. Dato' Timbalan Speaker perasan tak? Kalau Sungai Duri dia jauh sikit, bukan tak bagi pindah penghuni itu, tak apa tapi kesian mereka minta sebab mereka berniaga di situ. Jual nasi lemak di situ, jual maggie di situ, jual pasar malam di situ, nelayan pantai dekat situ. Kalau pergi Sungai Duri, sungai jauh sini dekat Sungai Krian. Jadi berharap dapat pertimbangan sewajarnya.

Yang kedua, ada juga di kalangan mereka yang terlibat yang tinggal di Kampung Haji Omar atau Kampung Titi Timbul. Nak ulang nama, nama yang sama kampung yang sama yang telah memohon tanah Kerajaan. Saya ingat dekat surau, saya tahu saya pergi tengok jadi kalau boleh pertimbangkan. Bukan setakat pertimbang, kalau boleh terus lulus cepat. Sebab depa akan diberi notis untuk pindah segera. Katanya ada yang dah terima *advance* RM6,000.00. Lepas ini mereka kena pindah. Kalau boleh cepat, mereka hendak tambun tanah nak *survey* apa semua. Jadi mintalah pihak Kerajaan Negeri dapat memberi kelulusan segera.

Yang berikut, di kawasan Telok Ipil yang terlibat dengan tebatan banjir atas tanah sendiri. Sebarisnya dengan mereka, lebih kurang sebaris dengan mereka tanah Kerajaan kena pindah. Tapi atas tanah mereka sendiri tak kena pindah. Sedangkan untuk pengetahuan YB. Padang Kota, saya tunjuk rumah ini di tepi sungai, projek fasa pertama ban dah buat di sini. Jadi mereka tak boleh pindah. Jadi esok air sungai mai, ban di sini maka mereka akan jadi mangsa. Saya tak tahu dari segi apa yang mereka ini tidak diberi notis atau dipilih untuk dipindah atas tanah sendiri, sedangkan yang deret itu tanah Kerajaan mereka telah diberi notis untuk pindah. Saya pohon perhatian, kesian. Nanti kita buat ban di sini kerana air sungai melimpah, rumah tang ini, maka banjir berlaku, kesian lah mereka jadi mangsa di sini. Saya minta jasa baik Kerajaan Negeri untuk selesai masalah ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, cakap soal dalam buku bajet. Tajuk yang berbunyi "Pertanian sebagai Perniagaan" yang mana Kerajaan Negeri telah peruntukan RM16 juta untuk pembangunan sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang yang ini umum, yang di *highlight* kan katanya pasal nak bagi pukut, kemudian sebut sangkar ikan, katanya daripada *zero* jumlah yang banyak, YB. Pinang Tunggal pun bagi tahu, sangkar ini lama dah wujud, dah lama wujud, cumanya wujud ini mungkin

ada yang halal atau sebaliknya, ada yang kadang-kadang depa pi letak kayu tanda atas laut ini sendiri, bukan mudah nak tentukan sempadan di mana, hang letak panjang ini, kayu bakau panjang ini boleh ubah. Jadi kita kena pantau yang ini. Lepas itu keadaan pencemaran air juga berlaku. Banyak sungutan pengusaha sangkar di Sungai Udang sentiasa mai lapor kat saya pasal masalah air. Saya tak tahu punca air itu dari mana, dari kilangkah, pelupusan sampahkah, saya tak tahu itu. Jadi kita kena bantulah. Kemudian yang menariknya bila sebut kata pertanian sebagai perniagaan, saya nak fokus kepada sawah kita, tanaman padi. Jadi tanam padi ini, kita pun tak cukup. Kita kena ambil dari luar negara juga, berapa persenkah, 30% lebih kurang begitu. Jadi sekarang bendang-bendang, sawah padi kawasan saya kian nak habis, sebab banyak pembangunan lain masuk. Burung walitnya, saya dah sebut yang itu, kemudian kelapa sawitnya macam-macam lagi. Contoh macam kelapa sawit ia akan menghasilkan musuh-musuh sawah yang tanam padi akan berkurangan hasil, jadi target kita enam (6) metrik tan sehektar mungkin tak dapat.

Jadi saya dah timbul beberapa kali dalam Dewan sebelum ini supaya ianya diwartakan. Katanya ikut jawapan, ia hanya warta tali air. Saya tak tahu dari segi undang-undang, cuma saya nak tengok boleh dak YB. Dato' Timbalan Speaker, di dalam geran itu terus tulis untuk tanaman padi saja. Ada disetengah negeri ditulis tanaman padi saja. Bila sebut pertanian terlalu umum. Burung walit pun pertanian, kelapa sawit pun pertanian. Jadi kita nak minta kalau boleh dari segi undang-undang supaya dalam geran terus tulis hanya untuk padi sahaja. Baru boleh kita kawal. Kalau tidak sampai sekarang kita tak boleh tawar. Kemudian yang lagi masalah itu ialah sebab perlingkungan semula, *rezoning* kerana *Local Plan* kita tak siap, tancangan tempatan belum siap, dah lama. YB. Farid, Pulau Betong dok sebut beberapa kali. Sampai sekarang tak selesai. Jadi kalau ada rancangan tempatan atau *local plan* ini siap, dia perincikan maka kita dapat mengawal pembangunan di situ. Jadi di kawasan ini, kawasan bendang di pekan Sungai Acheh dah naik rumah. Rumah yang nilainya RM200,000 ke atas yang sudah semestinya orang tempatan tak boleh beli. Kemudian difahamkan pemaju yang sama ada *apply* yang baru untuk *rezoning*.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji SR. Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan. YB. Sungai Acheh, bersetujukah Yang Berhormat kalau saya katakan ada sebab kenapa *local plan* tidak dibuat dan diwartakan. Mungkin ini adalah muslihat pengurusan digunakan supaya kawasan-kawasan sawah dengan senang dengan mudah diceroboh masuk, dibuat dengan burung walit dan sebagainya. Mungkin ini sebabnya, sebab itu kita minta kita mendesak sebenarnya isu ini kita mendesak supaya *local plan* MPSP mesti disegerakan. Kalau boleh bagi masa tahun ini, sebab ini dah lama sangat dah. Sebab apa yang berlaku hari ini kerana tidak ada keseriusan Kerajaan Negeri memastikan kawasan pembangunan itu di *control*, pertanian tetap pertanian, pembangunan tetap pembangunan. Hari ini dengan sewenang-wenangnya mereka keluar masuk mengikut apa yang diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri, pendapat Yang Berhormat?

#### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Pandangan yang betul. Patut tindakan disegerakan. Kalau tidak jangan disebutkan pertanian sebagai perniagaan. Rumahlah sebagai perniagaan, boleh?

Okey, YB. Dato' Timbalan Speaker. Ini satu lagi pasal pertanian juga. Yang ini ternakan udang, ikan di dalam kolam di Sungai Udang yang sentiasa saya sebut. Mungkin rakan-rakan kata YB. Sungai Aceh ini tak ada idea nak bercakap, cakap yang itu. Jadi saya ikhlas, selagi benda itu tak selesai, saya kena bawa dalam Dewan ini dan bila gagal makna Kerajaan ini gagal. Dari 2008, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya bawa, saya masih ingat lagi. Tapi sampai sekarang tak boleh selesai.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan. Kenapa mereka tidak mahu menyelesaikan masalah ini, Apa pandangan Yang Berhormat, kenapa?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Sebab mereka tidak berkemampuan, kewangan tak mampu, teknikal tak mampu, sampai sekarang tidak boleh, kalau Batu Maung nak berlakun sama silakan, masih kosong. Okey, Dato' Timbalan Speaker, Ini gambar, kelodak, Batu Maung bukan berlakun, ambil gambar betul yang ini kelodak-kolodak kolam ikan saya ingat lebih 200 kolam ikan saya tak perasan petaknya, jadi kelodak ini bila depa menuai *harvest*, jadi menuailah bahasa kelodak ini so, kelodak ini dibuang dalam parit 2 JPS Sungai Udang, so, parit ini jadi cangkak, bila parit jadi cangkak, air patah balik ke bendang Sungai Tok Tuntung, cakap cara macam orang kampung, air patah balik ke ladang kelapa sawit tanah kebun, siapa yang catit ingat, Sungai Tok Tuntung, so hasil kolam ikan dapat banyak, tapi pengusaha ladang kelapa sawit dapat sikit kerang air bertakung, kemudian juga bendang-bendang di Sungai Tok Tuntung juga dapat hasil sikit punca dari sini,

Dato' Timbalan Speaker, saya bawa dari 2008, EXCO Pertanian lama yang sekarang naik pangkat jadi Speaker, dia tahu, dia ingat, sampai sekarang tak boleh selesai, pada waktu itu EXCO Pertanian telah berjumpa dengan pengusaha-pengusaha kolam dan pengusaha kolam telah setuju untuk membiayai duit mereka sendiri nak buang kelodak-kelodak ini, tapi sampai sekarang gagal. Kalau boleh, wahai anakanda YB. Seberang Jaya, di mana kau berada? Pergilah engkau ke kawasan ini untuk kerodak-kerodak, dia kena kerodak-kerodak, dia kena hinggut-hinggut pengusaha-pengusaha ini supaya depa lebih buat kerja baik, janganlah pergi Kuala Lumpur hinggut yang lain. Hinggut pagar apa tak tahu, ada-ada.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Sawah tak akan ada pagar? nak tanya.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Pagar, tak tahu pagar apa, tak tahu di Kuala Lumpur ada gambar dia pergi hinggut, patut dia mai hinggut pengusaha ini, bagi selesai ini, ini hasil pertanian perniagaan. Yang ini malang sekali, kalau boleh, tak apa dia tak ada, YB. Batu Maung tolong bertahu. Satu lagi Dato' Timbalan Speaker gambar pun terabur dah, tak apa, hari itu ada Padang Kota dah jelas pada saya tapi saya tak puas hati lagi isu

banjir, yang ini saya nak kena jaga, yang ini kawasan Dato' Timbalan Speaker Sungai Kechil dalam KADUN Sungai Bakap, saya kena jaga, dia ustaz saya, salah kalau saya tak cakap. YB. Batu Maung gelak pasai apa, nak bercakap boleh mintak keizinan, *floor* saya. Jadi nak minta tolong, lama dah, terlalu lama, tiap-tiap bila hujan lebat, betul Dato'? Tak tahu warna apa, tak tahu, yang ini YB. Balan pandai, dia belajar bidang ini, malam depa pergi tengok, kesian...(gangguan), lama dah, lama dah, ada-ada, tak apa, tak apa, dia mungkin nak kata pasai apa Barisan tak buat tapi dah PR berkuasa, kenapa tak buat, dah kita pandai, maknanya PR gagal lebih teruk daripada Barisan Nasional. Amboi.....(gangguan), kita cakap tinggi sikit, marah, kalau Seri cakap Delima tinggi, tak marah. Ini kenyataan, saya tahu, YB. Bagan Jermal nak sebut BN lama tidak buat tapi dah perintah buatlah, tunjuk lebih baik daripada BN, tak boleh buat...(gangguan), tak boleh, tak reti, drama tak drama, tapi nak minta tolong sebab teruk bila air naik, kesian tengah malam, anak kecil ada, dia sungai, ini dia mungkin nak masuk mesin, untuk bersih susah, adalah lebih kurang macam itu, jangka panjang, bagi jawab kepada saya, saya setuju, tapi jawab jangka panjang ada dekat saya, tapi jangan jangka panjang kita buat, jangka pendek kita tak tolong, kita kena tolong.

Akhir sekali ada tiga (3), empat (4) perkara lagi, yang ini tak dak gambar dah. Yang pertama Dato' Timbalan Speaker nak minta tolong lah YB. Kawasan Padang Kota, Pasar Kemboja tak selesai lagi, banyak kali dah, YB. Padang Kota duk dapat laporan, itu jawab kepada saya tak betul kadang-kadang. Saya tahu, saya duk lalu dekat situ, ia pembesaran jalan berlaku, hebat, dari segi pelancongan mana EXCO Pelancongan? Pelancongan bagus seluruh Semenanjung Malaysia buat rombongan Cik Minah mai di sini di Pasar Kemboja, ramai, saya yakin juga, ramai wanita dalam ini pun nak beli kain tudung yang fareeda, farudu, semua ada jual di sana dengan harga yang murah. Kalau Penanti hendak pergi, jom, hebat, Tapi masalahnya, Padang Kota, jadi sesak lalu lintas, dia dua-dua belah, lepas itu sekolah, bukan kita tak mahu yang itu, kalau boleh carilah tempat yang sesuai segera, saya nak hendak kalau boleh jangan pindah dari kawasan KADUN Sungai Acheh. Sebab sekurang-kurangnya Sungai Acheh terkenal dengan produk pelancongan Kemboja...(gangguan), kalau nak pindah, Pulau Pinang pun rugi, saya tak rugi apa. Pulau Pinang tak dak hasil, ada hasil berlipat ganda nak pindah pi sana buat apa, rugi lah, cakap saja kah.

Okey, YB. EXCO Pelancongan tak pernah pergi lagi, mari saya nak bawa pergi...(gangguan), kalau malam pergi Jawi tengok klip-klip, kalau siang pergi pasar Kemboja...(gangguan). Satu lagi di bawah apa nama bajet ini ada sebut. "Pengiktirafan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam." Jadi salah satu di bawah tajuk ini elaun ahli JKKK nak naik daripada RM30.00 naik RM10.00, sikit sangat Dato' Timbalan Speaker, orang-orang Dato' Timbalan Speaker ramai yang jadi ahli JKKK, takkan dari RM30.00 naik RM10.00 apa ini? mana ada nilai RM10.00?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Sila.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Adalah usul saya yang telah ditolak, saya ada membuat cadangan supaya elaun JKKK dinaikkan sekurang-kurangnya setimpal dengan ataupun serata dengan apa yang berlaku dengan elaun Ahli Majlis, elaun Ahli Majlis telah naik dari dulu berapa ratus *and then* RM1,200, sekarang dah RM2,800 hingga RM3,000 sebulan, tapi elaun JKKK hanya terlampau sedikit. Bagi KADUN-KADUN seperti di kampung bagi Ahli Majlis dia menjaga di kawasan-kawasan taman perumahan dan kawasan bandar, dia tidak menjaga di kawasan kampung dan peranan JKKK tersangat penting. Saya amat berharap yang Kerajaan Negeri akan mengambil kira yang elaun Ahli Majlis telah naik dengan begitu mendadak, jadi kena memberi kenaikan yang sewajarnya juga kepada JKKK sebab JKKK membantu Kerajaan Negeri. Kalau kita bandingkan dengan JKKKP, JKKKP elaun dia ialah elaun RM700.00 sampai RM800.00, kepada pengerusi dan setiausaha, tapi kalau kita bandingkan dengan JKKNK elaun hanya RM550.00, tapi kalau dibandingkan dengan kenaikan elaun dengan Ahli Majlis yang naik sampai naik kepada RM2,800 hingga RM3,000 sebulan. Jadi peranan JKKK sama penting untuk di kawasan kampung, sebagai contoh di Penanti kalau tanpa JKKK saya tak tahu macam mana saya nak jaga 28 kampung. Jadi memang sangat penting saya amat berharap yang Kerajaan Negeri akan *reconsider* ataupun pertimbangkan semula usul saya supaya diberi kenaikan yang sejajar kepada pengerusi, dan setiausaha dan juga kepada ahli, kalau macam setahun sekali apabila pegawai Kerajaan diberikan elaun ataupun bonus ke apa-apa, untuk AJK mungkin boleh diberi sagu hati, RM100.00, RM200.00 ke, sebab sekarang ini hanya dinaikkan RM10.00 sahaja. Saya amat berharap yang MMK di bawah Pantai Jerejak akan mempertimbangkan dan meluluskan dalam mesyuarat yang hari Isnin ini kan? *Insya-Allah*.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan Yang Berhormat, kita kena bersyukur lah, tak apa, terima mana yang ada, buat apa yang mana padan patut, ikut sudahlah, setakat itu sajalah.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

YB. Dato' Timbalan Speaker, terima kasih, maknanya YB. Kawasan Penanti menyokong saya, bagus, maknanya sokong Barisan Nasional. Okey, lanjutan daripada itu, Dato' Timbalan Speaker, saya setuju dengan pandangan Pulau Betong tadi ada menyebut soal ahli AJKK memang betul, ada setengah Ahli JKKK di setengah kawasan, ada setengah yang pengerusi dan setiausaha tiada, ahli tak ada, ada, ada, kemudian mesyuarat pun tidak, kemudian dewan itu naik sawang, JKKK tak jaga, naik hitam, saya ingat pasal itulah Ketua Menteri tak timbang elaun naik tinggi takat RM10.00 je. Nilai dia tang tu, okey betul itu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya rasa JKKK Penanti semua bagus, membuat kerja dengan keras, saya bantah, JKKK lain saya tak tahu, tapi Penanti memang bagus.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Penanti. Okey, kemudian dalam bajet ini ada sebut program tentang Program Perumahan Untuk Rakyat, banyaklah termasuklah nak buat nak bina baru, baiki rumah 2.09 juta. Dia tulis di sini, rumah ni pembaikan dulu RM25,000 naik RM40,000 pembaikan dulu RM11,000 naik RM15,000 bina baru, dulu RM35,000 naik RM40,000. Saya tak tahu berapa buah rumah yang depa nak buat, dah ada senaraikah. Kemudian yang kedua, jelas di sini, program pembaikan rumah rakyat termiskin, Dato' Timbalan Speaker, sebelum ini depa dok sebut miskin sifar. Ada lagi orang miskin. Tak tahu lak kut lah sifar dah tak sifar. Saya dok ingat selalu sebut miskin sifar, miskin sifar, maknanya tak dak orang miskinlah. Maksudnya begitulah. Kalau pakai kamus Dewan Bahasa Pustaka betullah? Jadi, bila tak dak dah miskin sifar, ada dak duit nak buat untuk rumah rakyat termiskin. Rakyat termiskin yang miskin lagi miskin? Yang paling miskin, termiskin. Dia ada miskin, miskin tegar, mudah miskin. Jadi, tak apalah. Sat ini dia cerita. Nak balik cerita kat orang kampung balik.

Penghabis sekali, jambatan Tanjung Berembang, YB. Bagan Jermal. Yang ini banyak kali dah Yang Berhormat dok sebut, cukup teringat sungguh kepada di antara Jawi dan Sungai Aceh. Dulu ini Dato' Timbalan Speaker, ingat tak depa kata kalau menang jambatan akan siap. Lepas itu menang Jawi saja. Bolehlah buat sekerat dulu. Tunggu Sungai Aceh menang baru sambung. Tapi tak apa, nak buat jugak tak menang pun. Terima kasihlah. Kalau nak buat juga saya nak beritahu dalam Dewan ini, lebih logik jangan buat dekat situ, buat dekat Sungai Udang, ada peraturan.....(gangguan)? Mana boleh jadi EXCO tak ikut peraturan. Tak layak langsung.

Jadi Dato' Timbalan Speaker, saya ada mencadang hari itu Bagan Jermal pun ingat. Buat titi di Sungai Udang lebih baik terutamanya untuk bawa hasil laut. Di Sungai Udang ada nelayan, banyak, hasil laut, sangkar ikan, semua. Dia *cross* ikut Byram, keluar Batu Kawan, jumpa Jambatan Kedua. Saya cadang begitu. Saya ingat ada pegawai Kerajaan Negeri juga setuju, dia ambil contoh, titi di Kuala Kurau menuju Kuala Gula, pergi melawat tengok, Kuala Gula. Betul dak saya kata. Tengok, Ketua Pembangkang pun angguk, bukan senang dia nak angguk....(gangguan). Satu pengiktirafan yang tinggi, maka Bagan Jermal kena ambil perhatian. Tak apalah, tapi bila nak buat di Tanjong Berembang, saya pernah bertanya, peruntukan mana? Katanya hari itu dalam surat khabar Mutiara apa? Penang Mutiara? Buletin Mutiara. EXCO Bagan Jermal dengan CM, dengan Timbalan Ketua Menteri dulu, bukan yang ini, yang lama, melawat tengok nak buat jambatan sebelum pilihan raya, keluar surat khabar....(gangguan). Lepas itu dia bagi alasan ADUN Sungai Aceh tak minta duit dari *federal*, itu yang jambatan tak buat. Adakah salah saya pula. Kalau begitu biar saya jadi Ketua Menteri, saya mintalah.

Ada keratan akhbar Buletin Mutiara. Tak apalha, kita menang. Sokong wanita jadi Ketua Menteri. Jangan main...(gangguan), jadi kelmarin ini yang tak sokong PAS kan? PAS tak sokong wanita jadi menteri. Pasai apa yang tak kata kepada PAS, kata lah pada PAS. Takut?.....(gangguan), dia 46 berapa, sakit hati, batu api. 46 (13), mana dia bukunya....(gangguan) (ketawa). Okey, cuma saya nak dapat maklumat, yang pertama, masih lagi peruntukan *federal* kah, atau memang ada bajet negeri kerana setakat ni sejauh mana kemajuan dia, pengambilan tanah dah buatkah. Masuk seksyen 4, seksyen 8? Berapa tuan tanah yang terlibat, berapa rumah yang terlibat? Jadi, kalau boleh dapat penjelasan masa gulung nanti.

YB. Dato' Timbalan Speaker, bila saya tengok Sungai Puyu masuk, saya takut kat dia...(gangguan)...(ketawa), sebab dia dengan Ketua Pembangkang pun boleh lawan, jadi saya ucap terima kasih. Habis, dia kata ada udang sebalik batu, tapi tak apa, Sungai Puyu kubur lain, saya kubur lain....(ketawa). Sekian, terima kasih.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berapit, Berapit.

### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Timbalan Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk melakukan ucapan perbahasan di atas ucapan Bajet 2015 Negeri Pulau Pinang oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berjaya menjana lebihan belanjawan sebanyak RM1.3 juta pada tahun 2013, ini merupakan enam (6) tahun berturut-turut belanjawan Negeri Pulau Pinang mencapai keuntungan dalam belanjawan.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP kerana berjaya menerima penarafan sebagai *Best City Award* dan *Best City Manager Award* daripada *Europe Business Assembly*. Selain itu MPSP dan MPPP turut menerima dianugerahkan *The International Observatory on Participatory Democracy Award* iaitu *special mention award for best practice in citizen participation* di Canoas, Brazil. Saya berpendapat bahawa sebagai badan Kerajaan. Matlamat utama belanjawan tahunan bukan untuk mencapai keuntungan dan lebihan yang lumayan seperti badan-badan komersial. Sebaliknya, lebihan belanjawan seharusnya digunakan untuk kepentingan rakyat dan menaik taraf mutu hidup rakyat di Pulau Pinang kerana hasil kutipan wang adalah daripada rakyat sendiri. Oleh itu, jikalau Kerajaan Negeri dan MPSP dapat mencapai keseimbangan dalam perbelanjaan dan pendapatan, maka ini juga boleh dikatakan menjangkau pencapaian yang cemerlang. MPSP seharusnya berusaha lebih gigih dalam kerja harian dan tanggungjawab asas, demi memastikan kebersihan, keselamatan masyarakat terjamin serta penyelenggaraan infrastruktur dengan baik. Terdapat banyak infrastruktur di taman-taman Berapit kurang dinaik taraf sepanjang tempoh saya menjadi wakil rakyat di KADUN Berapit. Saya juga menerima banyak aduan bahawa MPSP tidak mengikut SOP mengutip sampah yang ditetapkan. Selain itu, banyak tempat rekreasi juga tidak diselenggara dengan baik menyebabkan alat-



alat permainan rosak dan rumput tidak dipotong. Contohnya, pada 9 haribulan Jun, saya telah mengadu kepada MPSP bahawa rumput di tempat rekreasi di Taman Bukit Indah tidak dipotong waktu yang lama juga sebab ada penduduk di sana aduan kepada saya, selama setahun tidak pernah dipotong rumput.

Selepas itu, MPSP maklum balas bahawa rumput telah dipotong dalam tempoh dua (2) minggu, walau bagaimanapun, ketika saya membuat siasatan di tempat tersebut, saya mendapati MPSP hanya memotong sebahagian rumput di tempat rekreasi tersebut. Di sini, saya berharap pihak MPSP supaya tidak mengambil lewa terhadap aduan yang dibuat oleh orang awam atau ADUN sendiri. MPSP bolehlah menggunakan keuntungan lebih belanjawan untuk menurap jalan di taman-taman, membaiki longkang belakang di taman-taman, menyelenggara tempat rekreasi dan permainan kanak-kanak serta infrastruktur lain di taman-taman. Walaupun tadi hal-hal yang saya bangkit ini nampaknya hal-hal remeh-remeh sahaja, tetapi ini ialah *basic task* MPSP yang tidak boleh diketepikan. Saya harap MPSP di masa yang hadapan akan menjalankan tugas dengan tepat dan bagus.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan Pasukan Peronda Sukarela telah diklasifikasikan sebagai Pertubuhan Tidak Berdaftar oleh pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan iaitu ROS. Di sini saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri supaya membawa PPS ke bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti iaitu JKKK menempatkannya dia di sana supaya PPS boleh terus berfungsi demi keselamatan orang awam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepatutnya saya tak mahu bersebut di sini, tetapi dalam tiga (3) bulan ini sudah berlaku banyak kes di KADUN saya, iaitu pihak Polis tidak dapat bertindak dengan cepat dan membantu menyelesaikan masalah keselamatan dengan berkesan. Misalnya, rumah di Taman Jaya telah berlaku dua (2) kes pecah rumah pada 3 haribulan Ogos dan 5 haribulan Ogos, penduduk di sana sudah membuat laporan Polis, tetapi pihak Polis tidak datang pada waktu itu dan datang ke tempat kejadian dua (2) hari selepas kejadian itu. Selain itu, pada 8 September, terdapat seorang pencuri mencuri besi di tapak pembinaan, iaitu *project housing* di KADUN saya, pencuri itu telah dikepung oleh orang awam dan Ketua JKKK saya. Ketua JKKK saya sudah menelefon Polis bilik gerakan, tetapi kita tunggu sampai empat (4) jam pun, kereta ronda Polis tidak datang dan pencuri itu lari. Ini kes-kes yang saya rasa sungguh sedihlah.

Satu lagi contohnya, ada dua (2) kes ragut telefon bimbit pelajar telah berlaku di Jalan Aston Bukit Mertajam, hadapan Sekolah Menengah Persendirian Jit Sin pada 26 haribulan Ogos dan 9 haribulan September, saya telah meminta Polis untuk meronda di kawasan tersebut pada waktu sekolah, habis sekolah dan waktu pagi-pagi mahu pergi sekolah. Tetapi tindakan masih tidak diambil. Justeru, lagi berlaku pada 8 haribulan Oktober, seorang peniaga nyaris dirampas di Taman Usahaniaga, iaitu dekat Jalan Aston. Dan 24 Oktober di mana seorang pelajar berjalan kaki ke sekolah pada pukul 6.00 pagi telah dirampas dompetnya dari poketnya. Tapi sampai hari ini Polis juga tidak ambil tindakan. Dalam tiga (3) bulan ini, KADUN saya menghadapi banyak kes-kes jenayah dan saya menyeru kepada Kerajaan Negeri kalau boleh menempatkan PPS di bawah JKKK untuk menjalankan tugas menolong rakyat menentukan keselamatan rakyat setiap hari.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, mengenai kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU), dalam soalan nombor tiga (3) bertulis, Kerajaan Negeri seharusnya lebih prihatin dan menambahbaikkan mekanisme permohonan dan pembaharuan bantuan kebajikan untuk OKU dan golongan miskin. Jawapan daripada Kerajaan Negeri bagi soalan bertulis saya nombor tiga (3) itu. Kerajaan Negeri mencadangkan Pejabat ADUN dan JKMM melawat permohonan untuk mengisi borang semula sebab pemohon-pemohon untuk kebajikan OKU, orang miskin, orang tua, kena mengisi semula borang-borang itu tiga (3) bulan sebelum tempoh tamat. Saya berpendapat bahawa ini amat menyusahkan kepada orang-orang kurang upaya, orang-orang tua-tua dan orang yang sakit tenat kerana amat sukar bagi mereka pergi ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membuat permohonan semula. Sebaliknya pegawai-pegawai JKM sepatutnya turun padang melawat pemohon sebelum tamat tempoh bantuan. Kerja lawatan seharusnya ditanggungjawab oleh pegawai-pegawai JKM, seperti pegawai-pegawai kebajikan di negara lain, Hong Kong atau Taiwan. Mereka ada *team* untuk turun padang untuk menolong orang yang miskin atau orang yang kurang upaya. Saya harap Jabatan Kebajikan boleh menambahbaikkan mekanisme ini.

Peruntukan bagi JKM sebanyak RM10,366,478 juta itu bagi saya tidak mencukupi jika berbanding dengan jabatan-jabatan lain. Fungsi JKM adalah amat penting bagi badan Kerajaan Negeri kerana ianya satu-satu bertanggungjawab menjaga kualiti kehidupan warga negeri kita khusus bagi golongan yang miskin dan kurang berkemampuan. Di samping itu Kerajaan Negeri haruslah menubuhkan Pusat Jagaan Harian untuk golongan OKU, dan mereka yang tidak berupaya menjaga diri sendiri untuk memudahkan ahli keluarga mereka bekerja di luar. Pada masa sekarang Kerajaan Negeri hanya bergantung kepada pengendalian NGO-NGO seperti St. Nicholas, *Customer Care Center*, Penang Down Syndrome Association, Eden Handicap dan lain-lain. Namun begitu NGO-NGO ini tidak mendapat peruntukan yang mencukupi daripada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat untuk terus berkhidmat kepada masyarakat. Mereka sering kali menghadapi masalah kekurangan kewangan. Saya bercadang bahawa Kerajaan Negeri boleh memberi peruntukan tetap tahunan sebanyak RM100,000 kepada setiap NGO yang membantu Kerajaan Negeri menjaga golongan khas ini dan dalam bajet Negeri Pulau Pinang yang akan datang, seperti peruntukan tetap tahunan bagi semua aliran sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah persendirian, sekolah agama dan lain-lain saya harap ini akan ditinjau oleh Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker, Pulau Pinang sebagai tapak warisan UNESCO memerlukan satu identiti untuk mewakili negeri ini. Selain daripada makanan seperti buah pala dan "tausa piah", ...(bahasa Cina) produk seni budaya (*culture creative product*) juga boleh digunakan sebagai cenderahati yang mempunyai usul Pulau Pinang mengapa saya mahu cakap buah pala dengan ini "tausa piah", sebab sebagai EXCO pada *term* yang lalu, saya kalau keluar negara saya telah bawa barang-barang ini untuk bagi tetamu-tetamu di luar negara. *Culture creative industry* iaitu industri kreatif budaya merupakan satu identiti yang penting bagi tapak warisan UNESCO Pulau Pinang. Di negara asing seperti Taiwan, Cina, Jepun, Thailand dan juga European, Kerajaan ada memberi bantuan kewangan dan bekerjasama dengan badan-badan budaya dan artis-artis mereka untuk memperkembangkan kerjaya mereka saya juga berharap Kerajaan Negeri boleh membantu artis-artis dan badan-badan kebudayaan tempatan dalam negeri contohnya di Taiwan, Yilan Province.

Yilan Proving ada satu Yilan Jimmy Park iaitu merupakan satu taman tema yang menggunakan hasil pelukis tempatan Jimmy sebagai tarikan kepada pelancong di stesen kereta api lama.

Di Pulau Pinang lukisan mural telah menarik ramai pelancong tetapi artis adalah dari luar negara. Saya tidak tahu artis ini termahsyur kerana pelukisannya atau Negeri Pulau Pinang bawa dia ke taraf antarabangsa. Di Pulau Pinang terdapat ramai artis yang berpontensi dan terkenal seperti Chong Hon Fut, batik Tan dan sebagainya. Pada tahun 2012 Kerajaan Negeri telah bekerjasama bersama *Penang Entrepreneurs Counseling Society Center*, iaitu PECS untuk menubuhkan Pinang's Pinang sebagai satu Pusat untuk membantu mempromosikan produk seni budaya *culture creative produce* daripada artis tempatan. Namun begitu sejak Kerajaan Negeri berhenti memperuntukkan kepada Penang Pinang tiada lagi *platform* lain bagi artis tempatan mempromosikan produk mereka oleh itu saya bercadang bahawa Kerajaan Negeri boleh menubuhkan satu lagi *platform* untuk mengembangkan industri *creative* budaya di Pulau Pinang.

Saya mencadangkan bahawa apabila pegawai-pegawai Kerajaan Negeri membuat lawatan ke luar negeri bolehlah menggunakan produk seni budaya sebagai cendera hati dan dihadiahkan kepada wakil-wakil keluar negara. Saya mencadangkan sebagai EXCO Sukan Belia saya membawa atlit mengambil bahagian dalam SUKMA Negeri Pahang pada tahun 2012, saya telah menghadihkan gambar, foto yang diambil oleh Howard seorang juru gambar di Pulau Pinang kepada Menteri Besar Negeri Pahang pada waktu itu. Gambar beliau boleh membawa mesej dan *story* kehidupan harian di Pulau Pinang. Selain itu saya juga menghadihkan karya kaca patri yang dibuat oleh Fuan Wong kepada Sultan Negeri Pahang kedua-dua artis ini mempunyai galeri mereka di Lebuh Armenian Pulau Pinang.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada ADUN KOMTAR kerana berusaha giat dalam industri proaktif budaya kerana menganjurkan pasar seni Armenian Street Got Talent di Lebuh Armenian setiap hari Sabtu. Selain itu di Lebuh Pantai juga terdapat aktiviti acupite Beach Street setiap hari Ahad industri kreatif budaya namun begitu mereka perlu sokongan daripada Kerajaan Negeri untuk terus berkembang dan berterusan. YB. Dato' Speaker saya berharap, boleh.

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima Kasih, YB. Dato' Tuan Speaker, . Saya hanya nak tanya kreatif industri tadi tapi saya dengar lama, masih tak dapat dengar mengenai industri filem dan industri televisyen. Adakah YB. Berapit juga memandangkan adalah penting bagi industri tersebut dibangunkan di Pulau Pinang. Boleh.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Tahun 2009 saya menemui ramai *producer* dari Taiwan tetapi orang Malaysia, mereka datang ke pejabat saya, pada waktu itu mahu membantu kita mengembalikan balik industri filem di Negeri Pulau Pinang. Semua Ahli-ahli Dewan pada tahun 50-an *Run-run Show* dia mulakan niaga dia di Pulau Pinang (bahasa Cina) *New World Park*, boleh ingat? Filem P. Ramlee juga

ditangkap di sana. Pulau Pinang ialah *spot* fileman di negara Malaysia yang pertama. So saya harap Kerajaan Negeri di bawah *portfolio* EXCO-EXCO yang berkenaan marilah kita bekerjasama dengan YB. Kebun Bunga yang pernah menjadi aktor dahulu dan yang memang banyak pengalaman, pengarah juga. Banyak pengalaman dalam filem-filem industri filem-filem di Negeri Pulau Pinang. Saya kena sambung balik.

Saya harap daripada ucapan saya ini dapat sokongan dan pertimbangan dari Barisan EXCO kerana ini semuanya penting untuk kepentingan rakyat di Pulau Pinang, sebentar tadi saya cakap kalau industri perfileman itu kalau jadi di Negeri Pulau Pinang, negeri kita akan termasyhur di peringkat antarabangsa dan satu *movie* yang panggil dalam Bahasa Mandarin ...(Bahasa Cina), *the producer is Butterworth and* gambar mereka ditangkap kalau tak salah saya 2010, 2011 di Pulau Pinang, yes, di Chew Jetty. Sekarang Chew Jetty menjadi salah satu tempat pelancongan bagi semua pelancong-pelancong yang datang dari Taiwan, Negara Cina dan Hong Kong dan seperti apa yang berlaku di Korea dulu, Korea tak ada siapa pun mahu pergi tetapi selepas filem-filem yang termahsyur berjalan di kaca TV, sekarang Korea jadi satu *famous place for visit*, so *actually* industri filem ini dengan *creative* industri *is very important* untuk negeri kita. Kita ada banyak artis-artis di Pulau Pinang, artis dalam seni lukis, artis dalam lakonan atau nyanyian, tetapi sayang Kerajaan kita tak bagi bantuan kepada mereka perlu *platform* terutamanya orang-orang muda atau wanita yang ada mahir mereka mereka satu *platform* untuk mengesyorkan produk-produk mereka. Kalau Kerajaan negeri boleh menubuhkan *creative culture creative centre* yang baru lagi akan menolong mereka mencapai kejayaan mereka.

Saya harap ucapan saya sampai sini sahaja, tetapi ada satu lagi yang penting saya kena bangkit di sini, iaitu mengenai keselamatan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang. Jumaat yang lalu selepas Dewan saya balik dari Dewan ke Sungai Petani berlaku dua (2) kes kemalangan tetapi nasib baik tak ada nyawa terkorban, tetapi pada Ahad malam sudah terjadi *accident* yang serius di *highway* dekat Bertam ada nyawa terkorban. Dan boleh kata setiap hari, saya balik *yesterday last night*, malam semalam juga *accident* tragedi yang teruk berlaku di hadapan mata saya di *highway* Seberang Jaya selepas hospital tuju ke Permatang Pauh dan saya tak tahu *motor cyclist* itu meninggal dunia tak. Saya harap walaupun di MMK Keselamatan Lalu Lintas di Negeri Pulau Pinang, ini merupakan negeri yang pertama mewujudkan komuniti untuk meneliti polisi-polisi dan cara-cara untuk mengurangkan kemalangan di Negeri Pulau Pinang tetapi kita mesti turun padang dan membuat sesuatu cepat mungkin dan kes-kes kemalangan maut di Pulau Pinang atau yang lepas boleh kata tiap-tiap hari satu nyawa terkorban dan sampai hari ini kita masih di tahap 318 *plus the Sunday night* 3 nyawa so 340 lebih. So saya harap ini akan dilihat pentingnya dan bergerak secepat mungkin dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat di Barisan Nasional juga boleh membantu kita mendapatkan status-status kemalangan di kawasan dan semua rakan-rakan juga akan membantu untuk menolong rakyat kita untuk menghadapi cabaran ini.

Lagi satu ialah pendidikan di Negeri Pulau Pinang saya melihat pendidikan yang semakin merosot dan banyak budak-budak tercicir daripada sekolah dan *cyber cafe-cyber cafe* yang berdiri banyak di KADUN saya juga bukan hanya di KADUN-KADUN lain dan saya harap semua jabatan yang berkenaan akan mengambil

tindakan yang keras dari pihak PDRM, dari pihak MPSP or MPPP untuk menentukan murid-murid balik ke sekolah dan bukan membuang masa di *cyber-cyber cafe* dan di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan berhenti rehat selama lima (5) minit dan Dewan akan disambung semula pada jam 3.50

***Dewan ditangguhkan pada jam 3.45 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 4.00 petang.***

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan sambung semula, Yang Berhormat Paya Terubong.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, jutaan terima kasih atas peluang yang diberi untuk membahas bajet Dewan Undangan Negeri yang kelima belas yang dibentang oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya percaya seluruh rakyat Pulau Pinang termasuk di Paya Terubong bakal menerima manfaat besar dan menghargai peruntukan di Dewan yang mulia ini. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya tertarik dengan cadangan *mosquito magnet* yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah denggi. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk memerangi denggi dengan usaha-usaha yang telah diambil selama ini. Selama ini saya percaya bahawa Kerajaan Negeri telah menggerakkan seluruh agensi terlibat untuk bekerja keras untuk membanteras, mengekang wabak itu dari terus menular di negeri ini. Usaha yang digembleng bersama Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dan dipantau dibincang dalam mesyuarat mingguan. Pelbagai program pencegahan aedes termasuk kempen kesedaran kebersihan kepada orang awam dan juga gotong-royong bersama penduduk di *hotspot* yang dikenal pasti. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana Paya Terubong iaitu di DUN saya dikenal pasti untuk memasang *mosquito magnet* dengan tujuan untuk mengurang populasi nyamuk aedes.

Selain di Paya Terubong, sekiranya dibenarkan, saya juga ingin memohon kepada Kerajaan Negeri di kawasan Relau juga dipasang *mosquito magnet* ini, kerana di kawasan Relau memang dibanjiri dengan pekerja warga asing dan juga *hotspot* wabak denggi. *Mosquito magnet* ini merupakan satu teknologi yang baru di Malaysia walaupun Amerika Syarikat telah memakainya selama berpuluh tahun. Saya ingin tahu sama ada pemasangan dan operasi *mosquito magnet* ini diurus oleh jabatan mana, sama ada Jabatan Kesihatan atau mana-mana pihak PBT, saya juga ingin memohon supaya tempat pemasangan *mosquito magnet* ini dapat dikawal dengan mungkin dipasang dengan CCTV supaya vandalisme tidak berlaku. Bagaimanapun pengenalan *mosquito magnet* ini memang menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap masalah wabak denggi dengan mengambil berat kesihatan rakyat Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, isu yang kedua lanjutan daripada wabak denggi, saya ingin menyentuh mengenai buah-buahan tempatan, bukan durian tetapi betik. Betik merupakan sejenis buah-buahan yang suka dimakan oleh orang tempatan, adakah rakan-rakan di sini tahu daun betik boleh menjadi satu rawatan terapi alternatif untuk denggi. Dikatakan jus daun betik boleh membantu meningkatkan *platelet* dan merawat denggi, daun betik pada masa dahulu umumnya digunakan untuk rawatan penyakit kencing manis dan kini dikatakan jus daun betik boleh berkesan untuk merawat denggi. Daun betik boleh menyembuh denggi telah disebar melalui media sosial seperti *face book* tetapi tidak ada kajian perubatan tempatan yang mengesahkan keberkesanannya, ramai orang masih ragu-ragu untuk mencubanya. Betik merupakan buah-buahan yang sangat umum di Negeri Pulau Pinang juga. Apa yang saya ingin membentangkan di sini bukan mempromosi betik dari segi pertanian tapi dari segi perubatan tradisional.

Pulau Pinang memang terkenal sebagai pusat perubatan dan kesihatan konvensional di rantau Asia Tenggara. Di Pulau Pinang, kita ada beberapa hospital swasta yang terkenal sehingga ramai pesakit dari Indonesia datang ke Pulau Pinang untuk rawatan, oleh kerana pembangunan hospital swasta ini kita dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Perubatan Konvensional Barat di rantau ini dan juga membangunkan sektor pelancongan perubatan iaitu *medical tourism*. Tetapi kita telah mengabaikan potensi Pulau Pinang untuk dibangunkan sebagai pusat perubatan tradisional atau hub di rantau ini. Saya berpendapat tidak ada apa-apa konflik di antara perubatan konvensional barat dan juga perubatan tradisional. Satu kajian oleh Kerajaan Amerika Syarikat mendedahkan sejumlah besar rakyat Amerika Syarikat sudi menggunakan semua jenis kaedah perubatan tradisional untuk menambah atau menggantikan perubatan barat ataupun perubatan berteknologi tinggi. Banyak kajian menunjukkan semakin ramai orang mencari kaedah alternatif termasuk perubatan tradisional untuk rawatan.

Kita Malaysia khususnya Pulau Pinang juga mempunyai potensi untuk menjadikan sebagai pusat perubatan tradisional di rantau ini selain merupakan pusat konvensional barat di rantau ini. Contoh daun betik yang saya cakapkan tadi, memang ada orang di sini minum jus daun betik sebagai satu cara untuk merawat denggi tetapi kita perlu satu mekanisme yang formal atau satu pusat perubatan untuk mengesahkan keberkesanannya. Di Pulau Pinang kita ada perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India ayurveda. Kita boleh menubuhkan satu jawatankuasa untuk mempromosikan kerjasama R&D antara Pulau Pinang dan Negara China untuk perubatan tradisional China, kerjasama dengan India untuk perubatan tradisional India dan juga mengabungkan pakar-pakar perubatan tradisional Melayu dirantau ini. Perubatan tradisional akan dihubungkan dengan herba. Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar 10% sampai 15% tahunan setahun, pertumbuhan dan potensi pembangunan adalah besar.

Malaysia adalah sebuah negara yang berbagai etnik berbilang bangsa, setiap bangsa mempunyai warisan dan sejarah perubatan tradisional sendiri, perubatan herba tersembunyi dalam hutan hujan kita, semua ini merupakan harta yang bernilai. Selain di Balik Pulau, di sebelah Seberang Perai, kita juga boleh mendirikan taman-taman herba untuk menanam herba contohnya tongkat ali, kacip fatimah yang

memang terkenal di masyarakat. Kita boleh mengumpul kekayaan dan pengetahuan pakar-pakar dan memakai cara teknologi pengekstrakan herba yang bermanfaat untuk dikomersialkan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mempromosikan perubatan tradisional sebagai perubatan alternatif atau sebagai perubatan tambahan. Kita juga boleh menggalakkan hospital kita menyediakan perubatan tradisional, dan menubuhkan jabatan atau bahagian perubatan tradisional. Lebih daripada 75% rakyat Malaysia boleh menerima perubatan tradisional, orang tempatan percaya bahawa dalam perubatan herba tradisional tidak ada kesan sampingan atau kesan negatif.

Saya percaya bahawa perubatan ubat tradisional akan berkembang dan kita jangan tingal dibelakang dalam perkembangan ini. Kita harus memainkan peranan yang penting dalam sektor perubatan tradisional, kini saya faham bahawa Kementerian Kesihatan juga menggalakkan sektor swasta untuk menjalankan R&D dan penyelarasan lebih lanjut dari pelbagai bahan produk herba yang akan menjadi lebih kondusif untuk mengenal produk herba di Malaysia. Kita jangan menghinakan potensi perubatan tradisional, mungkin kita patut gelarkan perubatan tradisional sebagai perubatan alternatif yang semakin menarik perhatian di negara Eropah dan Amerika. Selain meneruskan dan mengekalkan kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat perubatan barat di rantau Asia Tenggara. Kita di Pulau Pinang juga memperluaskan lagi peranan kita untuk menjadikan kita pusat perubatan alternatif rantau ini. Saya percaya kolej-kolej perubatan tradisional Cina, Melayu atau India adalah sudi bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekiranya kita mengambil kesempatan untuk halatuju ini. Kita sudah mendapat keuntungan yang lumayan bahawa pelancongan perubatan konvensional barat, kita terkenal sebagai hub herba tradisional atau pusat perubatan tradisional atau perubatan alternatif di rantau ini. Keuntungan yang akan dibawa untuk rakyat Pulau Pinang adalah dijangka berlipat ganda.

YB. Dato' Timbalan Speaker. Isu yang seterusnya saya ingin menyentuh adalah mengenai pembangunan SOHO yang telah dibekukan oleh Kerajaan Negeri, saya ada menghantar soalan bertulis mengenai status dan saya berpuas hati dengan jawapan yang diberikan. Saya memang bersetuju dengan langkah-langkah Kerajaan Negeri yang menghadkan projek SOHO di kawasan bandar dan kawasan perniagaan sahaja, saya memang tidak dapat menerima bahawa sekiranya projek SOHO dibenarkan di lereng bukit atau ditepi pantai. Sebelum ini saya difahamkan oleh rakan Tanjung Bunga terdapat satu projek permohonan untuk SOHO di tepi pinggir pantai. SOHO dalam Bahasa Melayu, pejabat di rumah adalah melakukan kerja hanya di rumah, maksud rumah dijadikan pusat utama menguruskan perniagaan, oleh sebab unsur perniagaan SOHO sepatutnya diletakkan di kawasan perniagaan sahaja dan tidak patut dibenarkan di mana-mana tempat yang langsung tidak ada unsur perniagaan. SOHO di Malaysia khususnya, di Bandaraya Kuala Lumpur telah bermula sekitar tahun 80-an di negeri Selangor pembangunan SOHO bermula sejak tahun 90-an. Manakala di Pulau Pinang konsep SOHO telah dibawa masuk oleh pemaju-pemaju diluar negeri.

Sejak 4 hingga 5 tahun yang lalu, SOHO memang menjadi satu *trend* di dalam pasaran perniagaan terutama bagi golongan usahawan muda, ahli perniagaan. Melalui SOHO golongan usahawan ini mendapat lebih ruang keselesaan dan fleksibiliti dalam suasana bekerja dan tinggal dalam satu unit yang

sama, konsep SOHO ini mewujudkan keperluan, yang satu garis panduan perancangan fizikal yang disediakan supaya pembangunan SOHO dapat dirancang dan dibina dengan efisien dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan. Mewujudkan persekitaran yang berkualiti dan kondusif di Negeri Pulau Pinang, mengikut garis panduan yang diberikan oleh Kerajaan. Saya setuju bahawa memang garis panduan perlu dihadkan ke lokasi yang tertentu iaitu di dalam kawasan pusat bandar berhampiran terminal pengangkutan, institusi atau pusat pengajian tinggi atau dikawasan pembangunan semula bandar. Saya memang berharap Kerajaan Negeri keras supaya tidak membenarkan pembangunan SOHO di lereng bukit, tepi pantai atau mana kawasan kediaman tetap tidak sesuai dengan unsur perniagaan.

Isu seterusnya adalah mengenai jurang pendidikan di bandar dan luar bandar. Saya melihat isu ini amat penting untuk Negeri Pulau Pinang yang memerlukan ramai modal insan berkualiti bukan saja di bandar tetapi luar bandar dan membentuk masyarakat berpengetahuan. Jika dilihat masih ada jurang di antara keputusan peperiksaan yang diumumkan dalam sekolah bandar dan luar bandar, kita mesti mengurangkan jurang antara sekolah antara bandar dan di luar bandar, jurang ini satu yang membimbangkan dan boleh menjejaskan usaha kita mencapai negeri maju. Saya juga dapati bahawa penguasaan Bahasa Inggeris dan Matematik di kalangan pelajar di sekolah luar bandar masih lembab dan sesuatu perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri boleh melalui JKKK mengadakan pemberian tuisyen khas secara percuma kepada pelajar di sekolah luar bandar oleh graduan yang belum bekerja yang *graduate from university* dengan memberi mereka sedikit bayaran dan insentif, lebih mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, kita masih menghapuskan jurang pendidikan di antara luar bandar dan dibandar.

YB. Dato' Timbalan Speaker, isu yang seterusnya adalah mengenai PPS, kita telah mengetahui pada 4 November, Menteri Dalam Negeri YBhg. Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi telah mengisytiharkan PPS sebagai satu *unlawful society* di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966, dan pengetahuan saya. Sejak penubuhan PPS, PPS tidak ada sebarang masalah dalam kerjasama dengan agensi-agensi lain termasuk PDRM dalam usaha untuk mengawalkan keselamatan awam. Selama ini PPS juga disebut oleh Tuan Yang Terutama dalam ucapan Tun semasa pembukaan sidang di dalam Dewan yang mulia ini dan telah diberi kepujian oleh Tun Yang Terutama setiap kali dalam ucapan Tun.

Di sini saya memang keliru dan tidak faham pengisytiharaan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri, bagaimana boleh PPS diisytiharkan sebagai *unlawful society* yang mengancam keselamatan awam sedangkan sumbangan PPS telah banyak kali dipuji dan diakui oleh rakyat di Pulau Pinang. Saya ingin penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai beberapa isu PPS supaya orang ramai bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang dan juga di seluruh Malaysia supaya dapat faham, apakah yang telah terjadi dalam isu PPS ini. Bilakah, kenapakah dan bagaimanakah PPS boleh diwujudkan. Adakah Agensi Persekutuan telah terlibat di dalam aktiviti PPS. Apakah kebaikan yang telah diwujudkan di bawah oleh PPS kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Adakah Suruhanjaya Pertubuhan pernah berbincang dengan Kerajaan Negeri dan mengisytiharkan PPS sebagai *unlawful society*. Mengapakah pihak PDRM telah menangkap anggota PPS pada Hari Kemerdekaan baru-baru ini. Isu keselamatan awam ini memang penting kepada rakyat Pulau Pnang. Kita telah



nampak bahawa kadar jenayah telah meningkat baru-baru ini selepas PPS dihentikan dan dibekukan aktiviti. Saya berharap boleh mendapat penjelasan daripada Negeri Pulau Pinang di Dewan yang mulia ini supaya sebarang keraguan orang awam dapat dijelaskan. Dan akhir sekali saya ingin menyertakan bahawa kita sebagai wakil rakyat haruslah mengambil serius amanat yang diberikan oleh rakyat dan kita harus serius dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat yang menyokong kita. Sekian terima kasih, saya memohon menyokong.

### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih, YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan ucapan Bajet Negeri Pulau Pinang 2015 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Secara keseluruhan saya rasa Bajet 2015 merupakan bajet yang seimbang dan matang dari pelbagai aspek dan amat syukur dengan kedudukan kewangan negeri yang baik. Setelah meneliti Penyata Kewangan Negeri 2013, apa yang menarik perhatian saya ialah satu *item* dalam data hasil bukan cukai iaitu perolehan daripada jualan barang-barang menunjukkan perbezaan hasil sebenar dengan anggaran perbelanjaan berbeza sebanyak 803.99%. Anggaran hasil direkodkan RM45,544,810 juta, manakala hasil yang diterima sebenar adalah RM366,175,125.92, perbezaannya adalah sebanyak RM320,630,315.92 juta. Adakah tambahan hasil bukan cukai ini merupakan punca utama bagi menyebabkan anggaran defisit dalam belanjawan 2013 kepada lebihan dan bukan seperti apa yang dibangkit oleh Ketua Pembangkang semasa membuat perbahasan kelmarin yang menyatakan Kerajaan Negeri sengaja meningkatkan bajet perbelanjaan mengurus supaya jika terdapat sebarang penjimatan maka akan menyebabkan belanjawan defisit kepada lebihan.

Contoh yang diberi oleh Ketua Pembangkang bahawa pasar raya yang sengaja menaikkan harga barang sebelum promosi jualan. Ini adalah kenyataan yang tidak adil sebab pihak pasar raya yang ingin melakukan promosi jualan perlu dapat kebenaran dahulu daripada Kementerian Dalam Negeri. Harap barisan EXCO dapat menjelaskan persoalan ini. Usaha Kerajaan Negeri yang mementingkan pembangunan modal insan patut dipuji seperti tema kali ini melabur dalam pendidikan dan menjana kemajuan demi memenangi masa depan dan kesejahteraan rakyat. Ini adalah satu hala tuju yang tepat. Di sini saya ingin mengucapkan terima kepada pihak Kerajaan Negeri yang memperuntukkan lebih daripada RM14.81 juta bagi kawasan KADUN KOMTAR untuk projek menaik taraf Pasar Chowrasta dan Kompleks Makan Padang Brown dan projek lain. Bagi penggal ini saya ingin mengemukakan beberapa cadangan baru untuk perhatian Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, George Town merupakan bandar raya yang bersejarah dan tertua di Malaysia dan pernah menjadi bandar raya yang terpenting di Semenanjung Malaysia dengan memainkan peranan sebagai pusat kewangan dan pelabuhan iaitu sebelum pembangunan Kuala Lumpur. Hari ini George Town masih dikunjungi ramai pelancong dan bergiat dengan aktiviti perniagaan. Maka pada waktu malam selepas jam 10.00 malam jika meninjau sekitar kawasan George Town terutamanya di sekitar KOMTAR pastinya kita akan

terserempak dengan kumpulan gelandangan atau lebih dikenali *homeless* .... (dengan izin), mereka mengambil tempat masing-masing untuk berehat dan seterusnya meletakkan mata tanpa menghiraukan orang sekeliling. Mereka hanya beralaskan kotak dan tanpa selimut, tidur nyenyak di kaki lima di perhentian bas dan di bawah bangunan kosong.

Senario itu boleh dijumpai di sekitar KOMTAR, Jalan Penang, Lebu Chulia, Lebu Kimberly dan sekitar George Town. Fenomena gelandangan yang telah lama berlaku ini perlu diselesaikan dan sepatutnya harus ditangani di peringkat akar umbi. Saya juga menyokong sepenuhnya konsep badan-badan bukan Kerajaan yang melaksanakan aktiviti "Song Kitchen" dengan memberi makanan kepada golongan ini di kawasan George Town. Walau bagaimanapun langkah-langkah bukan Kerajaan tersebut yang membentuk pasukan petugas yang menguruskan bantuan makanan merupakan langkah jangka pendek kerana bantuan sedemikian tidak akan kekal selamanya.

Dari segi usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Yayasan Kebajikan Negara mereka menjalankan Program Anjung Singgah yang menyediakan kemudahan tempat tinggal sementara, makan minum dan sebagai pusat intervensi bagi golongan gelandangan. Anjung Singgah cawangan Pulau Pinang terletak di Lebu Chulia tetap tidak diketahui ramai tempat ini. Sama juga dengan cara menangani yang diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, buat setakat ini golongan gelandangan dan pesakit mental yang diselamatkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat akan dilepaskan dalam tempoh masa pendek selepas pemeriksaan kesihatan dibuat. Golongan tersebut akan kembali ke tempat yang sama dan akan menyebabkan masalah sosial berulang dan tidak dapat diselesaikan sepenuhnya. Kelemahan sistem penyelesaian tersebut perlu dikaji semula dan mencari cara penyelesaian yang sempurna untuk jangka masa yang panjang untuk memberi kebajikan dan perlindungan kepada golongan tersebut. Mengurangkan padangan *stereotype public* terhadap mereka disamping menyelesaikan masalah sosial.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, menurut kajian negara bakal berhadapan dengan ledakan warga emas apabila jumlah warga tua di negara ini dijangka semakin meningkat. Statistik bilangan warga emas yang melebihi umur 60 tahun di Pulau Pinang pada tahun 2020 dijangka seramai 242,400 orang. Bagi tahun 2030 pula dijangka seramai 338,300 orang dan penuaan warga emas di Pulau Pinang dijangka purata 8.5% setahun. Pada kenyataannya penuaan penduduk merupakan satu fenomena yang berlaku di negara-negara membangun dan perindustrian sejak beberapa dekad lalu dan ia merupakan kesan awalan dalam usaha mengurangkan tahap kesuburan lanjutan usia penduduk. Jadi adakah negeri kita bersiap sedia dengan perancangan dan persediaan untuk menangani isu penuaan penduduk yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan.

Di sini saya ingin memuji usaha Kerajaan Negeri untuk menghapuskan kemiskinan dengan membantu golongan yang miskin menerusi Agenda Ekonomi Saksama atau lebih dikenali AES dengan kadar pendapatan kadar garis kemiskinan PGK bagi setiap isi rumah dapat dinaikkan daripada RM770.00 kepada RM790.00 Walau bagaimanapun, masih terdapat sekumpulan warga yang tiada tempat tinggal dan tiada dapat mendaftar dalam program AES untuk mendapatkan bantuan

daripada Kerajaan Negeri. Jadi bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu kumpulan tersebut bagi memastikan kumpulan ini terbela. Seperti yang saya ketahui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memperkenalkan dasar warga emas negara. Dasar ini merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan memoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkat kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Walau bagaimanapun...(gangguan).

**Adun Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan. Saya ada soalan kepada YB. KOMTAR. Adakah Yang Berhormat bekerjasama dengan NGO seperti UNGGAS yang membuat kerja-kerja gelandangan kepada remaja-remaja dan adakah YB. KOMTAR ataupun merancang untuk bekerjasama dengan mereka dan juga untuk memberi sokongan kepada mereka. Mereka juga telah membuat kajian bagi pihak Merdeka Centre dan juga Penang Institute kajian berkenaan kemiskinan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Penanti. Saya belum bekerjasama dengan NGO yang disebut oleh YB. Penanti. Tetapi kita ada sentiasa berhubung dengan JKM dan NGO-NGO seperti *Food Ban* dan memberi makanan kepada golongan *homeless* tersebut. Dan jika NGO tersebut berminat untuk datang ke KOMTAR, saya sanggup bagi peruntukan untuk menjalankan program tersebut.

Walaupun bagaimanapun, apakah hasil daripada susulan kajian dari atas dasar kajian warga emas yang saya sebut tadi. Jangan lupa gelandangan terdiri daripada warga tua. Gelandangan warga tua yang timbul merupakan satu kenyataan yang perlu diberi perhatian seperti semua yang sedia maklum sejak Akta Kawalan Sewa 1966 dimansuhkan. Sewa premis di tapak warisan naik mendadak. Kadar sewa naik sekali lagi setelah George Town diiktiraf sebagai tapak warisan dunia. Hal ini disebabkan banyak premis kediaman telah ditukar guna menjadi premis perniagaan.

Akibat daripada sewa premis yang tinggi, wujudnya sekumpulan warga tua yang tidak berkemampuan untuk menanggung kos sewa yang tinggi dan yang lebih serius lagi dipaksa pindah apabila unit yang didiami oleh mereka telah ditukar milik. Sebelum ini saya pernah mengendalikan kes-kes sebanyak 10 orang warga tua yang tiada waris dan miskin yang berkongsi satu rumah di Jalan Kuala Kangsar. Mereka terpaksa pindah kerana unit tersebut telah ditukar milik. Hal sedemikian adalah satu kenyataan dan benar-benar berlaku di negeri kita. Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk memberi pertolongan ke atas golongan terpinggir tersebut. Menurut hasil kajian kebanyakan warga tua yang mendiami Pusat Jagaan Tua kerana bimbang akan kehilangan kebebasan di mana peluang dan aktiviti yang terhad dan perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan. Tambahan pula golongan warga tua yang masih mampu mengurus diri serta masih sihat ingin menjalankan aktiviti biasa bersama-sama kawan mereka. Kerajaan harus menghulurkan bantuan kumpulan kepada warga tua tersebut terutamanya mereka yang masih bujang sama ada menempatkan mereka di program perumahan rakyat seperti di PPR seperti di Taman Manggis atau *People's Court*. Isu tersebut selalu dipaparkan di keratan

akhbar. Kerajaan Negeri sebagai pemimpin rakyat harus memberi perhatian atas faktor-faktor yang mengakibatkan fenomena ini dan menanganinya bagi masa depan sebuah negeri yang makmur.

Di sini saya ingin menyebut tentang satu projek yang baru ini dirancang di rumah pangsa *People's Court* oleh sekumpulan artis sukarelawan. Projek ini dinamakan sebagai *Re-engage, The People's Court* merupakan satu program residensi yang berasaskan pengajian dan amalan untuk menerokai cara kehidupan dan kebudayaan penduduk-penduduk tempat di *People's Court*. *People's Court* merupakan perumahan awam yang pertama bina di Pulau Pinang pada tahun 1960 yang berlokasi di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Jadi *People's Court* adalah bangunan rumah pangsa yang amat bersejarah dan unik. Untuk mengetahui kehidupan seharian penduduk tempatan dengan lebih terperinci para artis atau sukarelawan memainkan peranan sebagai penyelidik mereka turut melibatkan diri dan tinggal bersama dengan penduduk di dalam rumah pangsa tersebut dalam tempoh yang tertentu, mereka akan mengadakan pameran pencapaian pada bulan Februari tahun 2015 untuk berkongsi bersama hasil daripada projek ini.

Walau bagaimanapun menurut kajian awal didapati sebilangan besar warga tua tinggal di *People's Court* di mana setiap isi rumah mempunyai sekurang-kurangnya seorang warga emas yang berumur 60 tahun keatas. Dengan ikhlasnya saya berharap dengan kajian tersebut dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan merangsang imaginasi serta tahap kreatif dalam komuniti itu. Justeru saya berharap projek ini mendapat sokongan daripada pihak Kerajaan, saya juga ingin menarik perhatian pihak Kerajaan untuk mempertimbangkan membaik pulih kemudahan dan memasang lift bagi rumah pangsa *People's Court* dan menjadikan *People's Court* sebagai pusat aktiviti warga tua. Dari jawapan soalan bertulis yang saya terima buat sementara ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan pusat aktiviti warga tua, tetapi di sini saya ingin menyerukan sekali lagi pihak Kerajaan mempertimbangkan cadangan menyediakan Pusat Komuniti Warga Tua di kawasan unit kejiranan dan *sub* kejiranan baharu sama ada miliki swasta ataupun Kerajaan terutamanya di perumahan awam PPR memandangkan ruang aktiviti yang disediakan adalah terhad. Pusat ini diperlukan untuk menyediakan kemudahan kepada warga emas termasuk yang tinggal bersendirian dan kesunyian menjalankan aktiviti sosial dan riadah bersama masyarakat lain atau rakan sebaya.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan. Saya ingin menyokong kuat hujah-hujah daripada Yang Berhormat KOMTAR dan telah memerhatikan bahawa sebenarnya kebajikan warga emas di negara kita boleh dikatakan dipinggirkan, banyak warga emas yang hidup kesunyian seorang diri tiada tempat tinggal yang sewajarnya dan sebagainya. Saya ingin menekankan bahawa warga emas kini pada suatu masa dahulu merupakan sebahagian daripada masyarakat yang produktif mereka banyak antara mereka mempunyai pekerjaan dan telah menyumbang kepada negara kita, kini maka adalah wajar Kerajaan yang bertanggungjawab berwibawa mempertingkatkan usaha menjaga kebajikan warga emas dan meneliti sistem masyarakat kita yang mungkin tidak berapa menjaga ataupun menyokong kehidupan warga emas. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan YB. KOMTAR. YB. Timbalan Dato' Speaker, saya setuju dengan apa yang KOMTAR dan Pulau Tikus nyatakan kerana ini telah saya cadangkan pada bulan Mei dalam Dewan Sidang di mana di kawasan saya kita dapat lihat bahawa warga-warga emas terutama yang mereka telah bersara dan anak-anak mereka bekerja di jauh seperti di Kuala Lumpur, Johor, *Singapore* dan lain-lain tempat dan mereka tidak tinggal bersama mereka dan warga emas mereka akan berasa sunyi dan mungkin kadang-kadang mereka nak cari kawan mereka antara satu sama lain yang sama umur *range of age quite similar* ...(dengan izin) dan saya ada rancangan bahawa adakah kita boleh gunakan dewan JKKK yang sedia ada dan saya telah berbincang dengan JKKK saya supaya gunakan dewan tersebut untuk menjadikan satu pusat aktiviti warga emas yang seperti tadi yang dicadangkan oleh KOMTAR kerana bulan Mei yang lepas saya tanya sama ada Kerajaan ada mempertimbangkan sama ada di setiap daerah kemungkinan kita ada sedia lima daerah, satu daerah satu pusat aktiviti warga emas supaya mereka dapat jumpa kawan mereka bermain catur, bersebang, lihat televisyen, lihat *movies*, karaoke, terutamanya adalah untuk bersebang kerana kita faham kalau yang mereka yang telah bersara dan terutama warga emas kalau mereka duduk sunyi di rumah, pemilikan mereka akan semakin merosot dan bapa saya pun telah bersara tapi kita faham mereka akan merosot. Saya jumpa ramai warga emas yang mereka datang ke Pusat Khidmat saya waktu petang, saya bagi mereka sembang di luar kerana kalau mereka tak dapat sembang mereka berasa sunyi dan ini akan mendatangkan penyakit. Di sini saya sekali lagi minta Kerajaan lihat bolehkah mempertimbangkan di setiap daerah kita buat satu pusat aktiviti warga emas supaya mereka ada satu tempat pergi dan saya ingin memberikan pendapat supaya menjadikan dewan JKKK yang sedia ada, diubah suai dan digunakan untuk warga emas sebagai pusat aktiviti warga emas, saya ingat mungkin tahun depan akan dilaksanakan. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Minta laluan. Saya juga ingin berkongsi dengan kisah benar yang baru-baru berlaku di kawasan saya. Dua minggu yang lalu ada satu kes kebakaran. Beliau adalah warga emas yang tinggal di dalam flat. Dia membakar rumah dan mengalami sedikit kecederaan. Lepas itu dihantar ke wad Psikiatri di Jalan Perak. Isu ini telah di *publicity* kan bahawa dia terlalu lapar sehingga ingin membunuh diri. Tetapi apabila lawatan saya dengan *service team* saya ke wad Psikiatri, kami difahami bahawa orang tua itu adalah disebabkan *depression* dan kesunyian. Dia tinggal seorang diri di flat yang ditinggalkan oleh keluarganya. Adik-beradiknya tinggal di luar negara dan dia kehilangan pekerjaan. Dia berumur 63 tahun, kehilangan keupayaan bekerja kerana kecederaan ke atas tangannya dan kakinya juga lemah. Tetapi masalah yang utama ialah *depression* dan juga tidak ingin ..(dengan izin) *I think he feel very sad and depress*. Dia tak boleh kerja dan keluar untuk membeli makanan. Dengan ini, pemikirannya telah jadi negatif dan melakukan perbuatan sedemikian, syukurlah beliau terselamat dan sekarang dihantar ke General Hospital Pulau Pinang.

Di sini, saya juga ingin merakamkan kekecewaan saya terhadap hospital Pulau Pinang bila saya melawat dia kelmarin. Saya nampak kesempitan di hospital dan juga wad-wad *especially* di wad C. Saya melawatnya dengan Penghulu Jelutong

kawasan Jelutong. Penghulu Jelutong juga berasa sedih bila kita nampak keadaan pesakit kita. Pesakit-pesakit kita mendapati rawatan di satu tempat yang begitu sempit, begitu hangat. Macam manakah kita yang sihat juga rasa nak sakit, kalau mereka pesakit? Saya rasa lagi sakit! Saya nampak dengan mata saya sendiri, seorang Jururawat yang sepatutnya merawat pesakit di sana pengsan di depan saya. Kita bantu Jururawat tersebut yang pengsan, tak ada *aircond* dan cuaca yang begitu panas dan tingkap pula tutup, dipenuhi, dibanjiri oleh pesakit-pesakit dalam keadaan sedemikian.

Saya ingin meluahkan perasaan saya supaya Kementerian Kesihatan atau jabatan yang terlibat betul-betul ambil berat tentang....(gangguan), tak menangislah tapi betul-betul nak menangis di dalam hati. Saya rasa kalaulah ini semua saudara mara atau mereka yang juga rakyat jelata negeri kita. Macam manakah sengsara atau pengalaman mereka di Hospital Besar Pulau Pinang yang begitu sempit, sangat sesak *how to say*...(gangguan) tak boleh nafas, saya juga rasa nak pengsan. Saya rasa ini serius. Saya rasa selain daripada negara kita atau pemimpin kita memberikan yang ini, yang itu, tolonglah utamakan kebajikan pesakit-pesakit bukan saja warga emas sudah mengalami pengalaman sedemikian, manakala pesakit-pesakit juga perlu diubati dan dirawat dengan lebih baik dan dalam keadaan yang lebih selesa. Ya terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Daripada wang sumbangan RM100.00 setahun yang diberikan oleh Kerajaan Negeri mungkin pada satu hari nanti kita boleh mempertimbangkan kaedah yang lebih *meaningful* untuk membantu mereka yang amat memerlukan. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady)**

Minta laluan daripada KOMTAR. Saya setuju dengan KOMTAR bahawa kadar sewa di George Town sudah naik sampai orang miskin tidak mampu duduk di George Town. Tahun 60-an, 70-an dan juga 80-an ramai orang duduk di bandar George Town *area* tetapi sekarang mereka sudah hijrah kita mesti bawa balik penduduk-penduduk ke dalam *inner city* George Town, mungkin Kerajaan mesti fikir untuk membina Rumah Kos Rendah yang elok di George Town juga, baru kita boleh bawa balik penduduk-penduduk ke George Town. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

YB. Dato' Timbalan Speaker cuma saya tertarik bila sebut cerita pasal warga emas, sebab kita pun akan menjadi warga emas tak lama lagi. Warga emas maksud saya warga emas yang hidup, dia bukan susah tapi dia pencen bersara dia akan rasa sunyi, rasa tidak dihargai sebab dia dah tak boleh sumbang sesuatu, berkhidmat dan sebagainya, so saya setuju sangat bila kita nak mengadakan satu tempat ataupun kelab. Sebenarnya di kawasan Sungai Dua, di kawasan Kepala Batas kita dah ada kelab warga emas di klinik-klinik di Pusat Kesihatan, kita buat kelab warga emas so dia datang ke situ dia ada aktivitinya di situ, dia boleh bersebang dia boleh berbincang dan kita akan memberikan sedikit kelegaan kepada mereka dan dia tak rasa *tension* macam disebut. Kalau boleh dewan-dewan yang terbiar, dewan-dewan JKKK yang saya bangkitkan banyak kali dah Kerajaan

Negeri tak menggunakan sepenuhnya dewan-dewan JKKK yang terbiar ini, di Sungai Dua ada dua buah dewan di kawasan Desa Murni terbiar langsung rosak di masuki oleh penagih dadah dan ini perlu digunakan untuk kita jalankan aktiviti yang berfaedah untuk warga emas yang perlu satu harapan dan juga pandangan daripada pihak-pihak lain untuk dia bersama menjalankan aktiviti-aktiviti bersama.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan KOMTAR sedikit sahaja, YB. Timbalan Dato' Speaker, selain daripada itu, kita percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menjadikan satu Pusat Aktiviti Warga Emas tambahan dalam pusat aktiviti tersebut kita boleh tambahkan satu *session* untuk *counseling session* kerana mungkin ada yang dia sudah rasa sunyi ataupun kadang-kadang dia akan kehilangan *partner* dia so mungkin dia akan lagi berasa lagi sunyi so *at least* kita boleh tambah satu *session* kaunseling dalam itu. Saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun depan dan masa depan boleh laksanakan kerana buat sementara waktu Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya menubuhkan *dialysis centre* ....(dengan izin) dan juga Pusat Taska di KOMTAR, YB. Chong Eng dan saya percaya ini dapat dilaksanakan, so saya harap jabatan kebajikan, ataupun EXCO Kebajikan dapat melihat isu ini supaya kita dapat melaksanakan bersama-sama. Terima kasih.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus, Yang Berhormat Jawi, Yang Berhormat Sungai Pinang, Yang Berhormat Sungai Dua dan Bagan Dalam, telah prihatin dalam isu warga tua dan beri sokongan dalam cadangan saya. Oleh itu, saya yakin, pimpinan EXCO akan meneliti cadangan kami dan secepat mungkin adakan pusat aktiviti warga tua di setiap KADUN atau setiap Parlimen.

Untuk menjawab Yang Berhormat Bagan Dalam, kami bersyukur kerana kita ada Kerajaan Pakatan Rakyat yang baik dan cuba membangunkan perumahan mampu milik dan kos sederhana rendah di kawasan bandar, iaitu di kawasan saya, projek S.P Chelliah, so saya ingat dengan projek S.P Chelliah dibangunkan kebanyakan orang yang dulu dipaksa pindah, ke luar bandar, sekarang dapat peluang pindah balik ke bandar.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, dulu, sekitar era 60-an dan 70-an, beca merupakan pengangkutan paling popular bagi mereka yang tidak mempunyai kemudahan kenderaan lain. Kegiatan beca berkembang pesat pada masa itu, sehingga jumlahnya mencatat 2,250 buah beca. Akan tetapi, situasi berubah mengikut perubahan masa. Kehadiran penarik beca seolah-olah tidak diperlukan lagi, kecuali lebih sebagai tarikan pelancongan sahaja pada masa kini. Justeru, kegiatan beca semakin merosot, sehingga kini tinggal lebih kurang 150 buah beca sahaja dalam Negeri Pulau Pinang. Keadaan ini amat membimbangkan bukan sahaja dari segi keunikan pelancongan negeri, tetapi juga menyusahkan mata pencarian golongan penarik beca. Selain daripada feri, yang menjadi simbol tarikan Pulau Pinang, beca juga merupakan salah satu tarikan yang masih kekal walaupun jumlahnya hanya 150 buah, jika dibandingkan dengan dulu. Tambahan pula, penarik beca di negeri, di dalam negeri yang hidup daif mencari rezeki, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan kurang mendapat sambutan orang muda agak

mebimbangkan juga. Jadi, golongan tersebut ini perlu diberi perhatian dan prihatin. Saya mendapat tahu bahawa Kerajaan Negeri mengambil inisiatif membantu penarik beca dengan memberikan insentif *allowance* RM100.00 sebulan menerusi program Hari Tanpa Kenderaan, dengan syarat mereka perlu hadir penuh setiap hari Ahad ke Program Hari Tanpa Kenderaan, dan mendaftar dengan Jabatan Pelancongan Pulau Pinang. Pada pendapat saya, bantuan dalam bentuk *allowance* itu tidak cukup. Bantuan tersebut dikatakan masih tidak dapat mengubah nasib penarik beca di negeri ini kerana wang itu hanya cukup untuk mereka membayar sewa beca dan membayar lesen beca sahaja. Kerajaan Negeri harus mengambil lebih usaha untuk melindungi kegiatan ini agar memastikan pengangkutan pelancongan ini dibangunkan sebagai satu keunikan pelancongan Negeri Pulau Pinang. Saya ingin.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan. Sebenarnya kegunaan beca boleh diperluaskan untuk, *you know*, perkhidmatan lain, selain daripada pelancongan. Ia boleh dipertimbangkan sebagai salah satu komponen pengangkutan di Pulau Pinang. Untuk makluman, dulu saya duk beca untuk pergi sekolah setiap hari. Banyak kegunaan beca. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus, buat masa ini masih ada murid-murid menggunakan beca ke sekolah di kawasan bandar. Saya ingin mengambil contoh Negeri Melaka. Kegiatan penarik beca di Bandar Melaka bergiat aktif. Beca-beca dihiasi dengan perhiasan yang pelbagai dan kreatif. Perkara saya ingin menekankan di sini, ialah banyak golongan muda yang melibatkan diri di kerjaya menarik beca di Melaka agak menarik, kerana selalunya pekerjaan ini dikaitkan dengan golongan berumur di Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah penarik beca yang hampir 200 buah di Melaka, antara 80 hingga 90 daripada jumlah itu adalah orang muda. Yang lagi menarik terdapat wanita yang turut melibatkan diri dalam kerjaya ini. Keadaan perkembangan kegiatan beca di Melaka menjadi satu refleksi kepada negeri kita. Mengapakah kegiatan beca tidak dapat menarik golongan muda, mahupun wanita di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri harus berusaha untuk menarik minat golongan muda dan mengambil langkah melindungi dan membangunkan sektor ini. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan memberi beberapa cadangan untuk menambah baik kegiatan beca di dalam negeri supaya boleh meningkatkan pendapatan dan juga memastikan nasib penarik beca kekal dibela, kerana majoriti daripada mereka yang menjadikannya sebagai sumber pendapatan dalam mereka yang hampir bergelar warga emas. Nampaknya.... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan, saya di sini, saya nak fahamkan, ada persatuan beca ke. Kalau ada persatuan beca, kita mungkin boleh duduk bersama persatuan beca supaya mempertingkatkan seperti menghiaskan setiap beca. Kerana kalau kita melancong ke luar negeri, luar negara, baru-baru ni saya bersama YB. Jagdeep, kita pergi ke Beijing, dan mereka menetapkan satu stor tempat beca, dan akan membawa



pelancong-pelancong untuk mengelilingi kawasan-kawasan seperti tapak warisan dan di Negeri Pulau Pinang, memang kita ada banyak *area* tapak-tapak warisan. Ini juga dapat menarik pelancong datang ke negeri kita. Terutama pada tahun depan, tahun kita menyambut Tahun Melawat Negeri Pulau Pinang 2015 dan 2017. Kita ada dua tahun, kalau kita sekarang nak rancang ataupun nak buat, masih sempat, kerana ini dapat (2) mempromosi, dan ini akan menjadi salah satu sumber pendapatan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya minta EXCO Pelancongan semasa penggulungan boleh menceritakan sedikit, kita boleh duduk bersama merancang, membincang kerana beca adalah salah satu keunikan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih. *Thank you.*

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Jawi. Memang penarik beca terdapat persatuan. So, mungkin Yang Berhormat, EXCO *Tourism* akan menjawab soalan Yang Berhormat Jawi. Nampaknya, penarik beca tiada tempat hentian yang sesuai dan tertumpu pada masa ini. Beca-beca berselerak di sekitar George Town, dan juga yang bermalam di lorong-lorong belakang disekitar George Town, dan juga yang bermalam di tepi jalan di ruang-ruang yang terbiar. Jadi, adalah diperlukan menempatkan semua beca di tempat khas sebagai pusat hentian beca. Usaha juga mesti diambil oleh pihak yang berkuasa untuk menaik taraf atau menyelenggara serta memperelokkan beca yang ada masih daif dan buruk bagi memastikan setiap beca berada dalam keadaan yang baik. Bengkel khas boleh di lantik untuk membekalkan kerja-kerja penyelenggaraan. Penarik beca yang terlibat di sektor pelancongan, sedikit sebanyak akan menjadi panduan pelancong semasa membawa pelancong kesini, sana.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri boleh membantu mereka dengan memberi latihan khas sebagai Pemandu Pelancong bagi memberi khidmat terbaik kepada pelancong. Ini boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan penarik beca di samping meningkatkan rezeki mereka. Dalam era dunia tanpa sempadan ini, semua maklumat hanyalah diujung jari. Pelancong boleh mencari maklumat seperti gambar, dan komen dengan mudah melalui pelbagai gajet canggih yang boleh mengakses internet. Jadi, penampilan beca amat penting sebagai satu imej pelancongan. Kerajaan Negeri boleh membantu dari segi penampilan beca agar ia dapat menjadi promosi percuma dan pantas serta berleluasan melalui internet.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan KOMTAR. Terima kasih di atas perkara yang dibawakan oleh Yang Berhormat KOMTAR. Saya juga pernah sebelum ini membuat kajian tentang penarik beca ini. Biasanya beca ini dikaitkan dengan dua (2) perkara, kemiskinan dan penagih dadah. So, imej ini harus ditukar. Kajian yang saya buat dululah, banyak tahun dah, pendapatan mereka hanya sekitar RM15.00 ke RM25.00 ataupun RM30.00 sahaja. Sekarang dah naik sikit, mungkin RM30.00 atau RM40.00. Tapi tak mencukupi sebenarnya Yang Berhormat, Dato' Speaker, untuk menampung perbelanjaan mereka, kerana ramai di kalangan mereka ini tidur dalam beca. Sampai hari ini masih tidur dalam beca lagi dan kebanyakan mereka tak berkahwin kerana tiada pekerjaan tetap untuk menampung isteri ataupun anak-anak mereka. Maka, kalau apa yang diutarakan oleh KOMTAR itu satu cadangan yang baik.

Sampai masa sebenarnya kita nak buat, kita nak majukan *tourism* warisan kita, masukkan sekali yang ini. Hentian-hentian supaya mereka mempunyai tempat untuk berehat. Mereka mempunyai tempat untuk tidur, untuk mandi dan sebagainya. So, ini perkara yang baik dan saya minta pihak Kerajaan Negeri mengambil pandangan KOMTAR kerana saya yakin bahawasanya nasib beca daripada dulu tak berubah, tak berubah, so, mungkin perlu pelan drastik termasuklah kalau boleh, memberi mereka sedikit bantuan tambahan bulanan, *top up*, kan, *top up*, boleh diberi buat top up. Supaya menambah mereka agar mendapat pendapatan mereka dalam satu hari agar ini dapat mengubah nasib mereka. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Pulau Betong, Yang Berhormat Pulau Betong. Memang saya setuju apa yang dihadapi yang dihadapi oleh penarik beca dan mereka akan bermandi dekat *public toilet* di Kampung Kolam, juga di kawasan saya, *public toilet* itu disediakan oleh MPPP, dan sana ada tempat untuk mandi. So kebanyakan penarik beca akan bermandi di sana. Dengan ini, saya turut bercadang agar Kerajaan menyediakan pakaian seragam yang selaras kepada penarik beca dan juga mempelbagaikan perhiasan beca. Hiasan-hiasan ini dapat menarik pelancong untuk menggunakan khidmat penarik beca dan kemudiannya menaiki nama Negeri Pulau Pinang sebagai satu tempat pelancongan yang unik. Kegiatan beca setanding konsep berbasikal yang selaras dengan Konsep Hijau, yang sentiasa dipupuk oleh Kerajaan Negeri. Jadi isu-isu penarik beca harus diselesaikan. Saya berharap bahawa beca sebagai pengangkutan pelancongan tidak akan menjadi tinggalan sejarah pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, selepas George Town dianugerahi sebagai tapak warisan dunia, Pulau Pinang yang sememangnya yang merupakan sebuah destinasi menarik dan *popular*, telah berjaya meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri kami. Perangkaan *tourism* Malaysia mendedahkan bahawa 4.7 juta dan jangka meningkat kepada 5.5 juta pelancong berkunjung ke Pulau Pinang, menunjukkan peningkatan yang amat membanggakan dan angka ini telah meningkat dengan lebih pesat lagi pada tahun yang akan datang. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang bercadang menganjurkan Tahun Melawat Pulau Pinang pada tahun 2015 hingga 2017. Dengan kepesatan pembangunan pelancongan, banyak kemudahan penginapan sederhana dan murah telah tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan sejak kebelakangan ini, untuk mengisi keperluan pasaran.

Dengan ini banyak bangunan warisan di tapak warisan telah menukar menjadi premis penginapan yang dinamakan *homestay*, atau rumah inap desa. Seperti di Lebuh Kimberly, Lebuh Muntri, Lebuh Chulia, dan lain-lain tempat. Tidak dapat dinafikan bahawa *homestay* tersebut merupakan satu minihaj untuk memajukan industri pelancongan desa di negara atau negeri kita dan menjadi daya tarikan utama kepada pelancong asing dan pelancongan tempatan untuk beraktiviti. Hal ini telah menarik minat warga tempatan terutamanya warga muda untuk menceburi bidang perniagaan ini. Hasilnya amat memberansangkan dan secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan kepada warga tempatan terutamanya golongan muda. Walaupun, sektor ini mendapat sambutan yang memberansangkan dari pelancong, namun sedikit kekangan dihadapi oleh

pengendali *homestay* dalam mendapatkan kelulusan beroperasi. Nama *homestay* sepatutnya tidak boleh dipakai sewenang-wenangnya sebab pendaftaran *homestay* adalah tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Antara garis panduan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Harus mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) buah rumah bagi setiap hasta *homestay* dan lebih melibatkan aktiviti-aktiviti masyarakat desa seperti menoreh getah, sawah padi, melibatkan permainan sukan tradisional dan kebudayaan dan lain-lain syarat.

Di sebaliknya jika penginapan yang baru ini dikategori dalam kategori hotel atau rumah tumpangan. Pengusaha tidak mampu mengeluarkan modal permulaan yang tinggi dan juga tidak dapat memenuhi syarat keselamatan yang ditetapkan. Jadi kumpulan penginapan pengusaha penginapan tersebut terperangkap di tengah-tengah. Daripada jawapan pihak pengusaha tempatan proses pemutihan hotel masih diteruskan dan jumlah hotel yang tidak berlesen yang terlibat adalah sebanyak 149 hotel. Pemberian permit sementara kepada pengusaha hotel untuk tempoh setahun iaitu mulai 1 November 2014 hingga ke 21 Oktober 2015 bagi hotel yang beroperasi dalam kawasan perniagaan. Dalam tempoh pegangan permit sementara, pengusaha boleh mengemukakan permohonan dan memenuhi syarat-syarat pengendalian.

Walau bagaimanapun permit sementara hanya satu penyelesaian secara jangka pendek. Pengurusan *homestay* masih tidak diperakui dan tidak sesuai dipakai di tapak warisan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri harus melakukan cara-cara proaktif untuk menyelesaikan kekeliruan ini sama ada mengubahsuai dasar sedia ada dengan memberi kategori nama kepada kategori yang baru ini contohnya. Saya cadangkan *Heritage Homestay* bagi jenis-jenis penginapan di tapak warisan bagi memudahkan pengusaha masa hadapan. Masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha hotel ialah kegagalan tukar guna bangunan sama ada dari kegunaan kediaman kepada hotel atau pun kegunaan perniagaan kepada hotel. Proses tukar guna mengambil masa yang panjang sebab ia melibatkan kerja-kerja seperti mengubah arkitek yang bertauliah. Menyediakan *Heritage Impact Assessment* (HIA) dan menyerah pelan kebenaran merancang dan juga ke semua proses permohonan ini mengambil kos yang tinggi iaitu mungkin melebihi RM100,000 termasuk memberi sumbangan tapak letak kereta, jika gagal menyediakan tempat letak kereta. Bagi seorang pengusaha kecil mereka akan berasa beban dan menjadi halangan bagi mereka membuat permohonan tukar guna.

Oleh itu saya ingin mencadang Kerajaan Negeri membantu kumpulan pengusaha tersebut dari segi mengabaikan pengemukaan plan kebenaran merancang dengan hanya mengemukakan plan bangunan, jika pengusaha tidak melibatkan kerja-kerja penambahan ruang. Saya diberitahu daripada jawapan soalan bertulis bahawa cadangan tersebut tidak diterima. Jadi saya ingin merayu sekali lagi di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri mengkaji semula kemungkinan cadangan tersebut dan permohonan tersebut bukan sahaja untuk pengusaha hotel tetapi untuk pengusaha-pengusaha lain yang ingin tukar guna kegunaan bangunan dari kediaman kepada perniagaan di Tapak Warisan George Town yang sememangnya kegunaan pada asal tanahnya adalah komersial.

Selain itu saya turut mencadangkan bahawa pembayaran secara ansuran diberi kepada pengusaha yang diminta bayar sumbangan tempat letak kereta selama lima (5) tahun atau sama dengan 60 bulan. Sebagai contoh pengusaha yang perlu membayar jumlah RM50,000 bagi dua (2) tempat letak kereta boleh membayar secara ansuran di mana setiap tahun RM10,000 atau setiap bulan RM834.00. Cara ini dapat mengurangkan beban pengusaha dari segi dana permulaan perniagaan. Walau bagaimanapun, selain dari kelonggaran yang dicadangkan atas pada pendapat saya aspek-aspek dari segi keselamatan tidak boleh dikompromi terutamanya laluan kecemasan mesti disediakan. Pengusaha juga harus mematuhi dan memenuhi syarat dan kehendak keselamatan Jabatan Bomba Malaysia. Saya juga berharap bahawa Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menghadkan kuota bilangan premis penginapan di tapak warisan agar pembekalan tidak terlampau sehingga membawa *impact* yang negatif kepada tapak warisan dunia George Town.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, menurut maklumat dari GTWHI 77% atau 3,853 buah dari jumlah bangunan di Tapak Warisan Dunia George Town adalah bangunan warisan. Syabas diucapkan bahawa catatan bilangan bangunan usang telah menurun dari 105 unit ke 59 unit tahun ini berbanding dengan tahun lepas. Di mana 25 unit bangunan dalam zon teras dan dalam 34 unit dalam zon penampakan. Walau bagaimanapun, kebanyakan bangunan usang yang sedia ada masih berada dalam keadaan yang sangat bahaya seperti bumbung runtuh, rumput rumpai tumbuh, berbau busuk menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes, memang menjejaskan kehidupan penduduk sekitar. Penyesuaian semula adalah sebahagian daripada proses pemuliharaan. Ia adalah satu langkah bijak bagi memastikan sesebuah bangunan sama ada bangunan warisan atau bersejarah dipulihara, diberikan nafas baru dan dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Di sini Kerajaan Negeri telah menunjukkan contoh yang baik di mana memberi balik bangunan warisan yang terbiar di tapak warisan dan menyesuaikan kegunaan lain seperti salah satu premis di Lebuh Victoria yang akan dijadikan sebagai *Creative Animation Triggers* (CAT) yang dapat menjana peluang pekerjaan dan memupuk bakat tempatan seperti yang disebut dalam ucapan Bajet 2015 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya berharap usaha Kerajaan Negeri dapat diteruskan lagi sebab masih ada bangunan usang yang bahaya tertinggal di tapak warisan atau di luar tapak warisan yang akan membawa kesusahan kepada jiran sekeliling dan juga mengancam keselamatan orang awam.

Di sini saya ingin membangkitkan satu isu yang baru sahaja berlaku di KADUN saya iaitu di Jalan Irving Pusat Khidmat saya mendapat aduan bahawa sebuah bangunan usang yang telah ditinggalkan lebih daripada sepuluh (10) tahun pernah runtuh sebanyak dua (2) kali. Malahan pokok besar yang condong tumbuh keluar dari bangunan tersebut yang hampir tumbang pada bila-bila masa. Seperti gambar ini...(tunjuk gambar). So, bangunan itu telah runtuh, so pokok. Ini adalah gambar lebih sebulan yang dulu. Lalu iaitu jiran yang tinggal ditepi bangunan tersebut berasa terancam seterusnya membuat aduan. Pusat Khidmat saya juga melaporkan aduan tersebut kepada pihak MPPP, bukan sekali tetapi berulang kali, namun ditolak bertindak oleh MPPP sehingga penangguhan hampir sebulan. Baru kerja pembersihan dan kerja pembuangan sisa-sisa pokok dan ranting dibuat. Tetapi

MPPP masih belum menjalankan kerja-kerja memasang pagar keselamatan (*hoarding*). Alasan yang diberi oleh pihak MPPP ialah pengeluaran notis harus diberi kepada tuan punya premis dan mendapatkan kebenaran daripada tuan punya premis, baru boleh memulakan kerja pembersihan.

Saya difahamkan bahawa, pihak Majlis mempunyai cara pengendalian sendiri. Mereka pernah berhadapan dengan kes yang sama akibatnya dituduh di mahkamah. Jadi mereka adalah lebih berhati-hati mengendali kes sebeginilah. Mengapa di *charge* ke mahkamah kerana masuk ke bangunan orang dan buat pembersihan. Sepatutnya, buat baiklah tetapi orang tuduh *council* lah. Akan tetapi dalam keadaan ini Pihak Berkuasa Tempatan haruslah mempunyai tindakan pencegahan bagi kes-kes kecemasan atau kes-kes yang khas, bayangkan berapa lama masa yang perlu diambil oleh MPPP untuk menghubungi pemilik premis jika berlaku kemalangan dalam tempoh itu, siapa akan bertanggungjawab. Sebaliknya saya juga ingin mengutuk pemilik-pemilik yang tidak bertanggungjawab ke atas premis mereka sendiri seperti kes ini. Bukan sahaja menjejaskan penampilan bandar tetapi membahayakan keselamatan orang awam. Kerajaan harus mengkaji.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta laluan KOMTAR, terima kasih. Saya cuma tertarik dengan hujahan KOMTAR tadi berkenaan MPPP telah dibawa ke mahkamah kerana mencerobohi masuk ke harta kita, hak milik *private* swasta dan tetapi masuk ke harta hak milik adalah bertujuan ingin membersihkan kawasan yang telah menimbulkan kacau ganggu kepada pihak jiran. Saya nak tahu sama ada kes mahkamah itu, siapa yang menang dan adakah memang Kerajaan Tempatan telah mengalami kesulitan yang begitu teruk sekali sehingga disaman oleh pemilik. Kacau ganggu yang akan mengancam keselamatan jiran atau orang awam itu pun Kerajaan Tempatan tidak boleh mengambil tindakan. Misalnya sekiranya keadaan yang telah diterangkan oleh KOMTAR itu, tidak diambil tindakan oleh pihak Majlis, pihak Kerajaan Tempatan, siapa lagi yang boleh ambil tindakan ke atas tuan rumah atau tuan tanah yang tidak bertanggungjawab ini. Saya nak tahu sedikit ada perkembangan yang terkini tentang kes mahkamah tersebut.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk, sebenarnya saya dimaklumkan oleh pegawai MPPP tentang kes tersebut dan saya tidak mempunyai maklumat selanjutnya dan kes ini, telah kita bangkit dan mengaku banyak kali selepas satu (1) bulan hanya barulah *Council* pergi *clear the side lane*.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan, saya nak bangkitkan perkara ini sebab saya rasa kadang kala ini telah menjadi satu alasan untuk Kerajaan Tempatan tidak mengambil tindakan yang segera. Kita perlu mengetahui sama ada keadaan itu sudah bahaya maka tak boleh tunggu-tunggu lagi nak tunggu nak hantar notis pun kena cepat, tak boleh tunggu sampai pokok itu tumbang jatuh ke rumah orang lain atau kereta orang lain dan siapa yang akan bertanggungjawab? Walaupun itu bukan tanggungjawab

Kerajaan. Kita boleh minta tuan rumah yang jiran dia pergi mendakwa tuan tanah yang disebelah tetapi sekiranya berlakunya kematian atau macam mana. Namun demikian kadang kala kebanyakan kali Kerajaan juga yang akan dipersalahkan.

### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk, memang betul saya dimarah atau dimarah dan dikejar banyak kali oleh jiran dia kerana *they feel fed up so*, apa-apa berlaku nanti akan *effected*. Sekarang *in this* bangunan tersebut yang usang dan jatuh tidak kena sesiapa dan *property* orang lain tetapi ada pokok di dalam jika pokok itu jatuh akan kena rumah dia adalah bahagian rumah dia mereka mandi dan masak. So, oleh itu saya pun banyak kali berhubung dengan pegawai MPPP dan pegawai MPPP hanya memberi alasan kerana kekangan yang dihadapi, mereka perlu hantar notis dan maklumkan kepada pemilik sebelum masuk ke premis tersebutlah. So, saya pun nak ingin membuat cadangan di sini supaya untuk menangani kes-kes yang ini pada masa depan. Kerajaan harus mengkaji semula atau mengubah peraturan yang berkaitan untuk membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan seperti berhak pengambilalihan premis tersebut dan menjalankan kerja-kerja pemulihan dengan menggunakan tabung khas jika pemilik premis enggan mengambil tindakan dengan sewajarnya dalam tempoh masa yang ditentukan. Namun begitu, semua pihak baik Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan mahupun rakyat tempatan harus berganding bahu bagi menjaga warisan sejarah yang terdapat di bandar George Town. Semua harus memainkan peranan masing-masing dan harus bertanggungjawab untuk memastikan warisan dan khazanah negara terus terpelihara dan terjamin keasliannya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan beberapa isu mengenai bangunan KOMTAR di sini. Merujuk kepada *Sin Chew Daily Northern Edition Headline* pada hari ini. 36.6% CCTV tidak beroperasi di KOMTAR termasuk koridor Pejabat Ketua Menteri. Dan sistem penggera kebakaran tingkat 5 hingga 16 tidak dapat berfungsi secara biasa dan 91 alat pemadam api berusia lebih daripada 10 tahun tidak diganti baru, perkara ini telah dilaporkan dalam Laporan Audit Negara siri ketiga baru-baru ini. Sebenarnya saya juga hanya dapat tahu perkara ini pada bulan lepas, semasa membuat lawatan bersama Timbalan Pengurus Besar PDC Dato' Rahim. PDC Setia Urus telah berjanji akan menyelesaikan masalah ini pada masa yang terdekat dan selepas saya nampak keratan akhbar ini, saya ada berhubung dengan pegawai PDC Setia Urus dan dimaklumkan alat pemadam api yang lama itu telah diganti baru. Dan semua CCTV itu telah berfungsi semula. Hanya tinggal sistem penggera kebakaran, mereka telah buat, masih dalam auditlah.

Tetapi saya berharap pihak PDC atau PDC Setia Urus patut lebih proaktif untuk menangani masalah-masalah sebegini dan bukan tunggu sampai ditegur oleh Jabatan Audit Negara. Seperti yang saya sedia maklum selepas PDC mengambil alih bangunan tempat letak kenderaan bertingkat di KOMTAR pada Januari 2014, PDC telah mengambil tindakan menambahbaik fasiliti bangunan seperti pemasangan CCTV, pembaikan dan penukaran kunci pintu, penukaran meter TNB dan sebagainya. PDC juga telah menawarkan kadar baru yang lebih kompetitif mulai 1 Mei 2014 iaitu bagi tempat letak kereta. Kadar yang lama RM1.20 per jam kepada kadar baru RM1.00 per jam. Manakala untuk pas bulanan kadar lama ialah

RM127.20 sebulan kepada kadar baru RM100.00 sebulan. Memandangkan purata kadar penggunaannya pada waktu pagi adalah 80% penuh dan mencatat hampir 100% pada waktu petang. Maka saya ingin meminta PDC mempercepatkan tindakan membaik pulih lif-lif dalam bangunan tersebut agar tempat letak kereta boleh beroperasi sepenuhnya dengan lebih tingkat yang mana sekarang hanya beroperasi dari tingkat 1 hingga tingkat 5. Dengan jumlah 288 petak tempat letak kereta dan 180 tempat letak motosikal tersedia.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu isu yang telah lama berlaku dan belum diselesaikan iaitu pemilik-pemilik premis di KOMTAR telah berhutang jumlah tunggakan cas perkhidmatan sebanyak RM15.5 juta setakat 31 Ogos 2014 yang melibatkan 389 unit. Ini adalah satu kerugian yang besar bagi pihak PDC dan harus mengutip balik tunggakan tersebut dengan segera dan efektif. Saya difahamkan bahawa pemilik-pemilik menghadapi masalah membayar hutang yang banyak ini kerana premis mereka tidak dapat disewakan atau dijual. Jadi pihak harus mencari jalan penyelesaian yang terbaik dengan pemilik bagi menyelesaikan tunggakan tersebut. Selain daripada itu. Masalah premis-premis KOMTAR yang kekurangan pengurusan dan sambutan pengunjung ke KOMTAR semakin merosot dan kehilangan keceriaan pada masa dahulu. Saya difahami bahawa Kerajaan dan PDC mempunyai 64.4% unit-unit komersial dan pejabat di KOMTAR. Pihak Kerajaan memiliki sejumlah 18.88% manakala PDC memiliki 45.52% dan baki 35.6% dimiliki oleh sektor swasta.

Dalam keadaan ini Kerajaan tidak mempunyai penguasaan dalam keseluruhan dan susah bagi Kerajaan atau PDC untuk membangunkan semula atau membuat revitalisasi malah kehadiran warga asing yang menjalankan perniagaan di KOMTAR sukar ditangani oleh Kerajaan. Statistik yang dibeli oleh PDC terdapat 43 unit disewakan kepada warga asing untuk menjalankan perniagaan. Daripada jawapan soalan bertulis dan soalan lisan yang saya diterima. Saya difahamkan oleh Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk mengambil alih semua unit milikan swasta bagi menjalankan projek revitalisasi merujuk kepada laporan tahunan PDC. PDC mempunyai sebanyak RM1.4 *billion reserve*, saya percaya PDC berkemampuan untuk membeli balik premis-premis swasta tersebut. Oleh itu sekali lagi saya ingin menegaskan lagi. Haraplah Kerajaan Negeri menimbangkan semula untuk membeli balik semula premis yang di miliki oleh pihak swasta sebagai satu usaha untuk membolehkan tindakan pemulihan dijalankan di bawah projek *New KOMTAR*. Dengan ini saya memohon menyokong. Sekian. Terima kasih.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Permatang Berangan.

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

*Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2015 oleh Y.A.B Ketua Menteri. Sebagai wakil rakyat yang di pilih oleh rakyat DUN Permatang Berangan dan seterusnya sudah tentulah isu perumahan menjadi keutamaan saya. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, menurut

Pelembagaan Malaysia yang merupakan undang-undang Negara Malaysia iaitu di bahagian dua (2) berkaitan hak asasi, artikel 13 Perlembagaan telah jelas-jelas menyatakan hak kebebasan warga negara untuk memiliki harta dan hak ini tak dapat disangkal atau dinafikan langsung oleh mana-mana pihak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini. Salah satu agensi Kerajaan yang sangat aktif menyediakan harta yang berbentuk kediaman dan perumahan ini adalah PERDA sama ada PERDA menjalankan sendiri skim perumahan atau melalui anak syarikat yang diwujudkan. Terdapat beberapa skim yang telah berjaya dilaksanakan oleh PERDA contohnya bandar PERDA yang seluas 456 ekar. Terletak di Seberang Perai Tengah (SPT). Taman Ara Indah yang terletak di kawasan YB. Permatang Pasir, Kawasan Permatang Ara, Sungai Pinang, Telok Bahang, Indera Timbalan, Sungai Acheh, Pinang Tunggal dan Ekor Kucing. Kesemua ini adalah merupakan rumah-rumah kos rendah atau rumah-rumah mampu milik yang dibina oleh PERDA dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Tahniah kepada PERDA atas usaha ini. Semua projek perumahan ini telah berjaya dilaksanakan semasa Barisan Nasional memerintah Negeri Pulau Pinang. Satu lagi projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional adalah Taman Seri Chempedak, dekat dengan rumah saya. Lebih kurang 500 meter daripada rumah saya dan projek ini siap pada tahun 2008 bukan projek di bawah Kerajaan Negeri sekarang. Cumanya program ataupun penyerahan kunci diserahkan pada tahun 2008 selepas pilihan raya. Siap sebelum itu jadi Kerajaan Pakatan Rakyat janganlah ambil kredit daripada projek ini kerana 435 unit dibina oleh Kerajaan terdahulu. Ambil kredit bila ada untung Pakatan Rakyat, bila tak ada untung persalahkan Kerajaan Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Sigh Deo A/L Karpal Sigh):**

Saya minta laluan, boleh?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Boleh.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Sigh Deo A/L Karpal Sigh):**

Mesti boleh. Soalan yang dibangkitkan oleh pada hari Jumaat adalah sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri tak bina apa-apa rumah mampu milik, kos rendah, kos sederhana rendah. Tiada unit-unit ini dibina di Negeri Pulau Pinang itu soalan. Soalan yang khusus pada tahun 2008. Jadi jawapan yang diberikan ialah pada 2008 seperti mana diberi dimaklumkan oleh YB. Permatang Berangan memang selepas pilihan raya penyerahan kunci dibuat untuk Taman Chempedak tetapi kita telah menjadi Kerajaan pada waktu itu. Jadi penyerahan kunci adalah pada waktu kita merupakan pentadbir Kerajaan Negeri menjawab kepada soalan berkenaan 2008. *That is the answer.* Kita tak ada masalah untuk mengakui dibina, mula dibina sebelum 2008. Tapi akhirnya 2008 kita yang serahkan kunci, jadi saya jawab soalan yang ditanya, iaitu 2008. Itu soalan yang di tanya.

Satu (1) perkara saya ingin tekankan di sini kepada kawan saya di Permatang Berangan kata bangkitkan tadi yang begitu penting. Iaitu berkenaan artikel yang di baca tadi artikel berapa itu tadi, artikel berapa itu? Tiga belas (13) betul. *In fact*



artikel tiga belas (13) ingin saya nyatakan apa yang sebenarnya akan artikel tiga belas (13) tersebut. Kerana ini penting untuk Dewan. Artikel 13 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan *No person shall be deprived of property save in accordance with law . I think that it* yang di rujuk pada oleh rakan saya dan apa yang penting juga adalah yang 13(2) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan *No law shall provide for the compulsory acquisition and use of property without compensation*. Jadi ini perlembagaan yang di peringkat perlembagaan sudah di sentuh di dalam kes mana orang perseorangan itu yang mempunyai *indivisible right to hold property*. *Title to Hold Property Article 13(1) tadi absence articles 13(2) iaitu pengambilan tanah. Article 13(1) is the first*, semua orang ada hak untuk mempunyai memiliki hartanah. hak yang tidak boleh di ganggu. *I think every lawyer in this Dewan will agree with me. Then article 13(2) come in* yang menyatakan bahawa *No law shall provide for the compulsory acquisition or use of property without adequate compensation*. Dan ini merujuk kepada Akta Pengambilan Tanah 1960, *The Land Acquisition Act*. Adakah rakan saya daripada Permatang Berangan sedar bahawa kebanyakan tanah-tanah yang dimiliki oleh JKP dan PERDA yang mana hendak dibangunkan projek-projek yang dikatakan mampu milik ini, yang dikatakan tanah, adalah tanah yang telah dimiliki oleh pengambilan tanah. *You setuju dengan saya? That is the fact thing that so I can continue* hujah saya.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Sebahagian. Sebahagian.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Sigh Deo A/L Karpal Sigh):**

Sebahagian besar. *Substantial part*. Jadi ini yang penting kalau sesuatu tanah itu dimiliki oleh pengambilan tanah dan kalau kita baca bersama Perlembagaan Persekutuan artikel 13(1) dan (2) yang saya sebut tadi. Mesti ada tujuan awam. Di dalam skim akta pengambilan tanah secara amnya sesuatu pengambilan tanah itu adalah untuk awam dan ada banyak kes yang memperincikan apa itu tujuan awam. Banyak jenis, *housing is one of them, route is one of them, educational institution is one of them, hospital and so forth the list goes on*. Jadi untuk sesuatu projek yang mana ada pengambilan tanah dan pengambilan tanah itu di dalam projek itu di atas tanah itu disebut atau dirancangkan hendak dibangunkan perumahan. Perumahan adalah yang berkonsepkan tujuan awam ialah perumahan kos rendah, kos sederhana rendah ataupun mampu milik. *That is the law*. Ada undang-undang. Ada kes. Saya ada kes kerana berkenaan Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan. Ada banyak kes yang sampai ke mahkamah yang tertinggi di Malaysia iaitu di Mahkamah Persekutuan yang telah mengiktiraf atau pun yang telah di interpretasikan. Apa maksud artikel 13(1) dan (2) dan apa maksud *public purpose* sekiranya sesuatu pengambilan tanah diambil *which is an exception to our indivisible right own property*. Dan saya baca satu kes iaitu kes *S. Kulasinggam and another versus commissioner of land of the federal territory land others 1992*. di mana ia telah diputuskan seperti sedemikian. *A justification for the in route and rational...* (dengan izin) *in the clause to with is article 13(2) federal Constitution its should be found in the doctrine of Salus Populi Suprema Lex, a Latin definition which means the interests*.

Dato' Yang di-Pertua *of the public and the private interest may in some circumstances be subordinated to the higher interest of the public, when the state thing proper to do so.* Itu satu perundangan *I think most lawyers here would agree, that this is a Latin maxim that is used* jadi dalam penterjemahan *public purpose*, Mahkamah Persekutuan dalam kes Kulasinggam tersebut juga telah memutuskan. saya baca ...(dengan izin) *"It is best to employ a simple common sense test to see whether the purpose serves the general interest of the community. Many cases have considered the meaning of the interest of public purpose and has ruled amongst others, the instances of education, roads, highway and causeways, hospitals and low cost housing as public purposes."* Not even low medium cost ataupun affordable, low cost sahaja. Kalau kita lihat pada penterjemahan yang wujud sekarang, tapi kita sebagai Kerajaan yang hendak maju ke hadapan kita faham, *we want to open up more units not only low cost but low medium cost also now the new species called affordable housing.*

Yang mana bukan Kerajaan Negeri seperti mana semua rakan saya sebelah sana kata kita nak jadi wira perumahan, mahupun di Persekutuan mahupun di bahagian Negeri. Tapi *at the end of the day* kita nak maju ke hadapan maka kita dapat mempertimbangkan sekiranya JKP dan juga PERDA membina juga *low cost, medium cost* dan juga *affordable housing*. Itulah yang saya sebut tadi apabila kita sebut di Article 13 Perlembagaan Persekutuan yang betul tepat itu. Saya ucapkan terima kasih kerana buat rujukan, tapi kalau merujuk kepada undang-undang jangan lupa itu undang-undang bukan *does not stand alone* ia mesti dibaca bersama *subsection-subsection* yang ada Article 13(2) yang saya sebut. Akta pengambilan tanah yang saya sebut. Dan a *plethora of cases* yang menterjemahkan apa itu *public purpose* dalam skim pengambilan balik sesuatu tanah tersebut.

Jadi saya tanya di sini, JKP dan PERDA memiliki tanah melalui pengambilan tanah dan ada rumah-rumah yang dibina mencecah RM1.85 juta di bahagian Pulau. Dan RM575 ribu di sebelah Seberang Perai. *Yes, we have discussed this in the last two days but in context from my friend from Permatang Berangan* kata *we have to be careful because the law is the law* mana kita boleh sebut *RM1.85 million on the island and RM575 thousand on the main land* is the mampu milik. *Low cost and low medium cost is definitely out but* mampu milik. Saya rujuk kepada bench marking Kerajaan Pusat sendiri di bawah program PRIMA, *the ceiling is RM400 thousand and here is beyond the ceiling even your own ceiling.* Ini untuk mengaut keuntungan RM149 juta. *So RM150 million* diakui oleh Penyelaras Majlis Tindakan Persekutuan sendiri dalam surat dia dibawah tangan dia sendiri.

Ini adalah satu projek di mana keuntungan dipaut. Jadi janganlah kita nak rujuk pada Artikel 13 dan kata PERDA dan JKP telah buat banyak rumah dan sebagainya dan sentuh kepada isu Telok Chempedak tersebut di mana 400 unit di mana saya sebut ialah 2008. *Yes, I don't have issue but don't forget* Telok Cempedak saya telah beri perincian berapa banyak berapa ribu-ribuan unit kos rendah, kos sederhana rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri mahupun melalui Kerajaan Negeri sendiri, PDC ataupun melalui kuota 30% melalui swasta. Yang mana dibuat sebelum ini oleh Kerajaan Barisan Nasional juga. Jangan kata itu swasta yang buat, bukan Kerajaan Negeri bukan. Dulupun macam itu, *that is because we don't have land bank.* Kita bukan negara-negara lain yang memiliki banyak

tanah. Itu lain, Negeri Pulau Pinang itu hakikat dia. *So the fact is don't run away from the fact*, bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membina banyak ribuan rumah kos rendah, kos sederhana rendah, mampu milik dan akan terus bina dia kerana kalau you nak *run away from the fact*, you pun mengalami atau menghadapi penyakit sindrom penafian, *denial syndrome*...(gangguan). Dialami oleh kebanyakan rakan saya di sebelah sana, bukan semua, tetapi saya terkejut walaupun saya telah beri butiran Permatang Berangan bangun dan membuat insiniasi negeri tidak bina rumah mampu milik.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya nak minta penjelasan sikit sahaja tentang apa yang dikatakan oleh *my learned friend* Datok Keramat. Ada tak tanah PDC yang diambil melalui *acquisition*. Adatak tanah PDC yang diambil melalui *acquisition* tapi dibuat dengan rumah yang bukan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Ada tak?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Ayooob bin Hussain Shah):**

Saya nak tambah sikit. Boleh Yang Berhormat jawab sekali. Saya tengok isu PERDA dan JKP ini, yang saya tertanya-tanya pertama sekali Kerajaan Negeri *denial* kelulusan ataupun melambatkan kelulusan itu adakah dari asas teknikal. Yang kedua adakah Kerajaan Negeri ada dasar dan kalau ada dasar adakah dasar ini diguna pakai oleh agensi anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PDC. So kalau tanah yang ditebus guna dengan duit orang ramai, boleh tak kita jual. Kalau kita cakap pasal kepentingan so kita kena beri satu definasi yang merangkumi semua, kita tidak boleh *pick and choose*. Kalau ada dasar itu jelaskan dasar itu. Kalau kata ini hanya untuk PERDA, untuk JKP bagaimana dengan anak syarikat PDC. Untuk maklumat yang *detail* saya perlu *clear* benda ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Berkenaan isu pertama yang saya dapati daripada rakan saya daripada Pulau Betong yang saya sebut tadi adalah 12 projek PDC yang adalah untuk 100% rumah rendah, rumah kos sederhana rendah dan mampu milik. Dan isu sama ada pengambilan tanah dibuat untuk projek mewah dan komersial tak sama sekali timbul. Kerana saya fokus tentang 12 projek yang saya sebut, saya ulang sudah berapa hari, dua hari sebelum ini. *I think you are aware of the 12 projects*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Adakah ada tanah PDC yang diambil melalui *acquisition* tapi diguna untuk tujuan selain dari rumah kos rendah. Ada tak berlaku itu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya boleh dapatkan maklumat kerana PDC bukan baru-baru ini ditubuhkan. PDC ada di sini sebelum kita ambil alih, jadi soalan itu mesti jaga-jaga. *I will get the information and present it through the Chief Minister, who is the Pengerusi PDC. No problem. I as Pengerusi Perumahan, I am here to* apa ni menjamin rakyat Negeri

Pulau Pinang mendapat akses kepada Perumahan. Saya akur Pulau Pinang berbanding dengan banyak negeri lain di Malaysia, harga pasaran hartanah telah naik. *In fact we are the fourth after Selangor, Kuala Lumpur and Johor. In Malaysia we are the fourth, but this is not the phenomena just here in Penang but...* (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Datok Keramat soalan dah habis, tolong jawab dalam penggulungan. Teruskan dengan Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya belum jawab, bagi saya peluang saya belum habis. Saya akan golong sekejap lagi. So memang itu yang saya di sini sebagai EXCO Perumahan nak jawab 12 projek PDC yang disebut tadi dikelima-lima daerah Pulau Pinang merangkumi 100% kos rendah, kos sederhana rendah dan kos mampu milik. *That is* hakikatnya yang akan melihat mula sudah dua (2) projek di Telok Kumbar dan di Batu Kawan, Bandar Cassia Fasa 1. 22,545 unit rumah akan dibina daripada 36 bulan *commencement of work* tiap-tiap projek tersebut. Saya datang kepada rakan saya daripada Telok Bahang, yang mana satu soalan yang bernas dan begitu tepat kita tidak mahu pilih kasih atau pun tengok sekiranya Persekutuan kita nak bagi susah untuk Agensi Persekutuan, jawapannya tidak. Ada polisi yang begitu jelas sahaja iaitu semua permohonan untuk kelulusan projek perumahan di Negeri Pulau Pinang mesti mendapat kelulusan semua jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan sepertimana yang dinyatakan. Dan ini termasuk agensi bukan sahaja Persekutuan dan agensi negeri seperti PDC dan juga swasta. Kita tidak pilih bulu *because this is important*. Dari segi teknikal ini semua mesti dipatuhi dan juga kita ada polisi iaitu pematuhan polisi sosio-ekonomi.

Itu bermaksud Dato' Speaker, sosio-ekonomi bahawa Negeri Pulau Pinang ada polisi di mana kita jaga penduduk-penduduk di atas tanah yang bakal hendak dimajukan iaitu setinggan-setinggan. *We have the strict policies* sehingga pemaju tidak selesaikan isu setinggan kita tidak akan beri kelulusan dan didalam kes JKP dan PERDA ada antara 15 atau 16 projek yang mempunyai masalah setinggan ini, memang ada mempunyai masalah setinggan ini. *In fact* saya hairan mengapa kawan-kawan saya di sebelah sana tak tahukah JKP ada satu projek di Pisang Awak *next to* Jelutong Expressway.  *Holding* semua sudah naik *you can see* projek JKP. Itu projek kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik, 100%. Yang kita dah luluskan pada tahun 2009 kita tak pilih kasih tetap nak dendam dan sebagainya, kita sudah luluskan 100%. *And do you know that I personally and sitting down with your JKP man in Penang who comes to my office to try to settle issue of setinggan. Because that is our policy, do you know that* tapi di sini kita dipersalahkan dengan secara sengaja kita *delay*, kita tak lulus dan sebagainya projek JKP dan PERDA. Ada banyak isu yang mesti rakan-rakan kita di situ yang mesti ditangani.

*We have to look into these issues that why on 27 November Im having the meeting with him. I'm having issues which are real issues, real time issues. We have to go through it so don't just persalahkan and suddenly say I'm taking credit, I'm don't want to take credit, but that does not mean we are not doing you ask me a*

*question on 08 and that is the answer. We are going to continue to do and mind you 22,545 yang saya sebut tadi Penang and PDC. I also stated the exact number 20,000 plus unit kos rendah dan kos sederhana rendah daripada swasta. So we already have about 40,000 build in the last six, seven years in Penang or to be build in the last six, seven years. Let me be, kita mesti jelas berkenaan perkara ini. Jangan just pick up in a thin air one small fact and perbesarkan dia dan everybody doesn't know the actual truth. Sekian, terima kasih.*

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dengan izin.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan ( YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Oleh itu pada hari ini saya memohon semua Ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini untuk berlapang dada dan biarlah akal yang waras mengatasi emosi agar masalah perumahan bagi semua rakyat seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan dapat dilaksanakan seterusnya kita sebagai wakil rakyat, masalah rumah dapat dilaksanakan, rakyat-rakyat perlu rumah dapat dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua, sebagai wadah untuk menyediakan perumahan terutama kepada golongan berpendapatan rendah seharusnya kita sedaya upaya menyediakan rumah mampu milik kos rendah PERDA juga pada masa yang sama juga menyediakan rumah yang berharga mahal kerana terdapatnya golongan-golongan yang berpendapatan tinggi sebab itulah PERDA akan menyediakan juga rumah yang mahal. Rumah-rumah yang mahal ini dikatakan RM1.85 juta ini adalah dicadangkan didirikan di kawasan Telok Kumbar. Di Telok Kumbar itu kawasan yang diambil pengambilan balik tanah adalah seluas 20 ekar dan kawasan itu dijadikan tujuan awam dan kemudian telah di *convert* untuk tujuan komersial, perumahan bercampur, dan lain-lain. *Conversion* itu telah dibayar sebanyak RM3.8 juta telah dibayar kepada Kerajaan Negeri dan di sinilah terletaklah rumah yang dikatakan berharga RM1.85 juta itu, jadi PERDA merancang mendirikan rumah-rumah itu hanya dalam perancangan sahaja belum lagi pelan-pelan dimasukkan. Kalaulah Ahli Yang Berhormat Datok Keramat ingin mencelah, saya harap kita dapat berjumpa atau berhubung dengan pihak yang PERDA atau pihak Datok Zainal.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*To cut short the story, memandangkan semalam you dah bagitahu rancangan, rancangan itu the plan. That is your plan. You keep saying the plan, cut the whole story short, memandangkan apa saya dapati daripada Permatang Berangan ia mungkin tidak akan berlaku kerana ia rancangan sahaja. Jadi di Dewan ini... (gangguan), ini di Berangan sahaja. So memandangkan itu kita terus terang di sini direct pada 27 November ini I have a meeting, minta Dato' Zainal datang setuju semua kos rendah, kos sederhana rendah kita akan luluskan. Okey boleh. Dewan sila rakamkan. Bahawa memutuskan bahawa mereka setuju...(gangguan).*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Boleh datang dan berbincang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Memutuskan bahawa mereka setuju...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Datang dan untuk berbincang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Bolehkan, Sudah, sudah setuju tidak boleh tarik balik sekarang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Tidak boleh. Hanya datang untuk berbincang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*No. no. Tadi you...(gangguan) you kata bolehkan....(gangguan). Agensi Persekutuan semua agensi Persekutuan di situ. Are you agen-agen bukan agent double zero seven. Semua agen Persekutuan. Maka Dewan diminitkan dalam hansard bahawa telah dipersetujui supaya...(gangguan).*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Saya tidak bersetuju....(gangguan). Saya setuju datang untuk berbincang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Maka Dewan diminitkan didalam hansard bahawa telah dipersetujui .... (gangguan), So / boleh bagi tahu Dato' Zainal semua rancangan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Dia datang berbincang dengan YB. Datok Keramat. *Not fair.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Rancangan tak payah kita panjangkan. *On that day come with* pelan yang sudah pinda dengan pelan kos rendah dan kos sederhana rendah, kita akan cop lulus.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta laluan mungkin.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Usaha murni PERDA ini walau bagaimanapun telah dimanipulasi oleh pihak yang berkepentingan dengan dakwaan dan tuduhan bahawa PERDA hanya menyediakan rumah yang berharga ratusan ribu ringgit menyebabkan niat asal membina rumah kos rendah tak dapat dilaksanakan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Permatang Berangan, tadi ada satu usul yang cukup serius yang telah dibawa oleh Datok Keramat, kepada pihak yang *not ready* ....(dengan izin) bukan sebahagian daripada pihak yang membuat keputusan. Jadi kalau kita nak minta persetujuan hendaklah kepada pihak-pihak yang membuat keputusan. Saya difahamkan bahawa YB. Datok Keramat telah diturunkan kuasa oleh MMK Negeri Pulau Pinang, berjumpa berbincang dengan Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Persekutuan. Itulah pihak-pihak yang berkenaan, untuk meletakkan syarat, *to impose* ...(dengan izin) kepada YB. Permatang Berangan untuk membuat persetujuan adalah tidak *proper*....(dengan izin). Saya rasa perkara ini bukanlah diputuskan dalam Dewan ini. Kita faham tentang kepentingan awam, perumahan keperluan rakyat, kedua-dua pihak ada kehendak dan niat yang murni yang baik untuk tujuan itu dan saya rasa kita perlu menggunakan landasan yang sama ini, sebagai satu titik tolak persamaan kepada jalan penyelesaian yang baik, mudah-mudahan dengan kerjasama kedua pihak untuk kepentingan rakyat akan dipenuhi dan tercapai. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Terima kasih Telok Ayer Tawar, kalau tak cakap berkenaan isu rumah saya tak cakaplah sebab banyak lagi isu-isu rumah yang saya akan bangkitkan tetapi oleh kerana telah diminta untuk tidak bercakap tentang isu rumah ini. Saya *cut short*. Kita bincang di meja bulat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya jemput Permatang Berangan untuk mesyuarat pada 27 ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Boleh, saya boleh datang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Kerana telah memberi kesimpulan bahawa kita setuju kos rendah dan kos sederhana rendah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Kita bincang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*No, no, tadi setuju.....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

*Kita bincang....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Mereka belum setuju, but your views can be taken. You can sit with me...*  
(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

*Okey. I will give my views. My views can be taken.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*You can sit with and you can give them you views with is circular ...*  
(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

*Okay I tell them.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*So you be sit with me...(gangguan), boleh.*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

*Boleh, boleh, saya datang sebagai mantan CEO PERDA, backbenchers dan juga sebagai Ahli Lembaga Pengarah PERDA Benches Incorporated. Saya datang bukan sebagai parti untuk meminta kebenaran atau minta kelulusan pelan.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Jikalau mantan then dia memang ada hak untuk beri pendapatnya...*  
(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

*Pendapat akan dibincang.....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Berpendapat mantan ini, berpendapat mantan PERDA ini....(gangguan).*



**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Sebagai mantan tidak semestinya, saya menerima semua pendapat itu. (gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Setuju dengan kos rendah dan kos sederhana saya suka mantan ini.... (ketawa) di jantan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Mantan, tak semestinya saya menerima pendapat itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*No problem.*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Pendapat itu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Anytime you are welcome to my office.*

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Okey, meja bulat. Isu penjualan tanah oleh Kerajaan Negeri kepada pemilik rumah. Saya pohon penjelasan Kerajaan Negeri berkaitan dengan seorang pesara Kerajaan iaitu seorang berbangsa Cina, Kerajaan Negeri tidak telus dalam penjualan tanah 2.1 meter kali 21.3 meter di Jalan Solok Samagagah, Permatang Pauh bagi tujuan untuk menambah struktur rumahnya. Mohon pencerahan daripada pihak Kerajaan Negeri sama ada ini memang benar menjadi amalan Kerajaan Negeri untuk menjual tanah bagi tujuan tuan rumah menambah struktur rumah, jika ini dibenarkan apakah kriteria yang perlu dipenuhi dan bagaimana harga rumah tersebut itu ditentukan. Saya mohon pencerahan juga mengenai rungutan penduduk-penduduk Kampung Baru, Taman Koskam dalam kawasan saya, Tasek Gelugor kata mereka tuan tanah PLB Engineering ingin membina banglo 2½ tingkat diatas zon penampungan atau *buffer zone* 100 kaki di sepanjang terusan PBA Sungai Dua berdekatan perumahan kampung mereka. Apakah ini dibenarkan dan benarkan kenyataan ini diharap penjelasan kedua-dua daripada MPSP dapat *respond* kepada kedua-dua perkara ini? Dan ketiga tanah rezab Melayu. Pada ketika ini banyak isu berkaitan tanah rezab Melayu dibangkitkan oleh NGO dan parti politik. Dan yang terbaru cadangan daripada PAS yang mengemukakan cadangan diwujudkan kembali tanah rezab Melayu. Mohon satu pencerahan, penjelasan yang jelas daripada pihak Kerajaan Negeri sama ada untuk menimbang permohonan ini atau tidak bersetuju. Keempat isu perumahan kos rendah....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan. Di sini kami dengar *Malay Reserve Land* di Pulau Pinang. Bolehkah beri lot nombor. Lot nombor yang mana sebab dalam pengetahuan saya ada tanah wakaf, ada tanah Baitulmal, tetapi saya tak biasa dengar *Malay Reserve Land* di Negeri Pulau Pinang.

### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Memang tidak ada. Pihak PAS mencadangkan untuk diwujudkan tanah Melayu. Apakah pendirian pihak Kerajaan Negeri dalam perkara ini. Yang mencadang ialah pihak PAS. Isu perumahan kos rendah yang tidak mencukupi dan ada sekumpulan golongan yang tidak layak memiliki rumah kos rendah. Di Pulau Pinang masalah tawaran rumah kos rendah adalah merupakan yang hangat diperbualkan pada masa kini. Didapati 40,000 senarai pemohon-pemohon yang mendaftar di Pejabat Perumahan Kerajaan Negeri yang masih menunggu bagi memiliki rumah kos rendah mahupun kos sederhana rendah di Pulau Pinang. Pada masa kini tanggungjawab untuk menyediakan rumah kos rendah bukan sahaja ditujukan kepada sektor awam malah sektor swasta juga turut memainkan peranan utama dalam menyediakan bekalan rumah yang mencukupi bagi menampung permintaan penduduk.

Di Pulau Pinang peranan untuk menyediakan rumah kos rendah adalah tertumpu kepada agensi Kerajaan seperti Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan UDA. Bagi pihak swasta sambutan penyediaan rumah kos rendah tidak begitu menggalakkan. Secara amnya keadaan ini terdapat pelbagai masalah yang wujud terutama untuk melaksanakan pembangunan perumahan kos rumah rendah di Pulau Pinang. Namun demikian, boleh dikatakan masalah-masalah menyediakan perumahan kos rendah bukan sahaja dihadapi bukan sahaja di sektor swasta malah pihak Kerajaan, agensi Kerajaan dan juga terpaksa berdepan dengan masalah-masalah seperti kos perolehan tanah yang tinggi, bayaran premium yang tinggi, kadar cukai harta yang tinggi, tempoh kelulusan yang lama. Harga bahan binaan yang tinggi dan sebagainya.

Setelah keseluruhan masalah tersebut dikenal pasti, maka seharusnya Kerajaan Negeri menyediakan satu kajian untuk menentukan masalah-masalah utama mengikut keutamaan berdasarkan kepada keseluruhan masalah tersebut. Hasil kajian yang diperolehi ini akan dapat mewujudkan gambaran kedudukan sebenar masalah-masalah yang wujud dalam menyediakan rumah kos rendah. Masalah-masalah ini adalah merupakan punca utama yang menjadi faktor penghalang kepada agensi Kerajaan dan pihak pemaju swasta menyediakan rumah kos rendah yang mencukupi. Seterusnya dilema kepada rakyat untuk memiliki rumah kos rendah pada masa yang sama tidak layak juga mengikut keupayaan bank untuk memiliki rumah kos sederhana rendah. Bagi golongan yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 mereka layak memiliki rumah kos rendah, tetapi bagaimana pula rakyat yang berpendapatan isi rumah melebihi RM2,500 dan pada masa yang sama dimiliki rumah kos sederhana rendah yang bernilai RM72,500. Walaupun tidak banyak pemaju-pemaju swasta membangunkan rumah kos sederhana rendah, mereka ini tidak layak untuk membuat pinjaman sebanyak

RM72,500 kerana gaji sekadar RM3,000 sebulan. Jadi di manakah golongan ini akan tinggal, pohon Kerajaan Negeri memberikan perhatian khusus kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketidaksamaan purata pendapatan dan purata harga rumah. Pohon Kerajaan Negeri untuk *respond*, pada kajian yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi Negeri Pulau Pinang iaitu PReCISE. Berdasarkan Kajian Sosio Ekonomi Negeri Pulau Pinang mendapati purata harga rumah di Pulau Pinang dua (2) tahun yang lalu ialah RM540,000 seunit. Lapan kali ganda lebih tinggi daripada purata pendapatan tahunan isu rumah di sekitar RM67,500. Malah purata harga rumah di negara ini adalah kira-kira 27% lebih tinggi berbanding dengan Kuala Lumpur yang berharga RM390,000 seunit. Penyelidik PReCISE berkata kemampuan rakyat isu rumah terutama di kawasan kegiatan ekonomi dan pentadbiran terhalang akibat harga tanah terlampau tinggi. Di Daerah Timur Laut harga sekaki tanah antara RM210.00 hingga RM250.00 berbanding dengan RM35.00 hingga RM40.00 di Balik Pulau. Harga tanah yang tinggi memberi impak kepada harga seunit rumah.

Isu pemaju menyembunyikan lot khas kepada Bumiputera. Terdapat banyak rungutan berkenaan kuota Bumiputera yang masih disimpan oleh pemaju dengan alasan tidak ditempah oleh pembeli Bumiputera yang lain. Pemaju sekadar menyimpan unit tersebut agar selepas enam (6) bulan untuk membolehkan pemaju jual kepada bukan Bumiputera dengan harga yang lebih tinggi. Apakah tindakan Kerajaan untuk membendung gejala penipuan oleh pemaju seperti ini? Seterusnya adalah masalah trafik jem apabila perumahan mula diduduki. Apakah pihak PBT tidak mengambil kisah atau sengaja membiarkan contohnya Jalan Sungai Dua Utama. Jem hingga ke Tol Juru pada waktu puncak. Tiap-tiap hari dan teruk sekali pada hari minggu.

Isu air sungai yang dicemari dengan najis khinzir. Pohon penjelasan Kerajaan Negeri apakah langkah-langkah awal ataupun tindakan awal untuk mengatasi pencemaran iaitu najis khinzir dialirkan ke Sungai Kerek di Tasik Gelugor yang mana sumber air diguna oleh pesawah dan petani yang merosakkan tanaman mereka serta terjejas pendapatan mereka. Tidakkah Kerajaan Negeri ingin membantu kawasan tanaman padi mereka. Satu lagi tanah pertanian yang ditambun berleluasa di kawasan sawah di Seberang Perai. Adakah MPSP tengok dan lihat sahaja. Dan adakah mereka memohon kelulusan untuk menambun tanah. Apakah status tanah mereka dan apakah status tanah mereka apabila tanah mereka ditambun?

Isu bantuan kewangan untuk memasuki universiti dan yang terakhir. Kerajaan Negeri memberi sumbangan kepada pelajar-pelajar yang berjaya memasuki universiti atau pusat pengajian tinggi melalui Pejabat Daerah. Tapi saya difahamkan hanya universiti tertentu sahaja yang layak menerima sumbangan pendidikan ini tetapi pelajar-pelajar yang memasuki Politeknik umpamanya untuk pengajian Diploma tidak layak sedangkan pelajar Diploma di IPTS layak menerima bantuan kewangan. Dato' Yang di-Pertua saya pohon menyokong.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Penaga, silakan.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad):**

Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang saya muliakan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, kerana memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan Usul Anggaran Pembangunan 2015. Saya ada beberapa isu yang ingin saya bangkitkan mengenai Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Isu pertama yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA), Penaga di dalam KADUN Penaga, di mana sekali lagi disebut dalam Bajet 2015. Untuk makluman, Projek ZIA telah pun di sebut dalam Bajet 2014 pada tahun yang lalu. Kalau tidak salah saya pada 29 November 2014 di mana di sebut bahawa Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Penaga adalah penting bagi Negeri Pulau Pinang dari segi pengeluaran makanan, agro makanan untuk negara dan jika diizinkan saya ingin menceritakan sedikit mengenai projek ini. Di mana sebenarnya projek ini telah diilhamkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum 2008, kalau tidak salah saya bermula mencari tapak pada tahun 2005 dan pada tahun 2007, sebuah tapak atau pun satu kawasan tanah telah dikenal pasti dan jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan yang terdiri daripada wakil-wakil daripada jabatan-jabatan Kerajaan. Tapak yang dikenal pasti ialah dalam DUN Penaga dan ia bermula daripada Pantai Pasir Gebu sehingga Pantai Kuala Bekah, seluas lebih kurang 277.6 hektar atau pun 684.4 ekar.

Kerajaan Negeri sekarang di bawah Pakatan Rakyat hanya meneruskan projek yang telah dimulakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bagi saya ini adalah satu projek yang baik kerana ia dapat mengeluarkan makanan untuk negara dan melalui projek ini juga ia boleh menjadi satu tarikan pelancong untuk kawasan saya, hanya yang saya bimbang ialah dan juga keluhan dan pendapat daripada para nelayan di kawasan saya ialah mereka bimbang sekiranya projek ini dilaksanakan kemungkinan besar pendapatan mereka sebagai nelayan mungkin terjejas sekiranya tidak dilakukan dengan betul. Saya telah bertanya soalan kepada Kerajaan Negeri sama ada laporan EIA telah diperoleh atau pun tidak? Mengikut jawapan yang saya terima tidak jelas sama ada telah diterima atau pun tidak kerana ia menyatakan bahawa pelantikan *consultant* untuk laporan EIA telah dibuat oleh Persatuan Akuakultur Pulau Pinang (Penkua) iaitu satu persatuan

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan Penaga. Boleh? Terima kasih kepada Yang Berhormat Penaga atas *concern* atau ambil peduli beliau atas Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Penaga. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini bahawa projek ini adalah projek yang pertama di dalam negara ini Malaysia di rancang dengan kerjasama Jabatan Perikanan dan juga pihak Penkua. Projek yang pertama melibatkan proses EIA yang telah diluluskan atau diminta Jabatan Alam Sekitar dan juga dipersetujui oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri pada mesyuarat *rezoning* yang telah kita lakukan. Dalam mesyuarat SPC tahun ini telah luluskan *rezoning* untuk kawasan ini dan untuk makluman Yang Berhormat Penaga, proses EIA baru sahaja

hendak bermula, jadi tidak ada lagi laporan yang akan dikeluarkan yang belum diterima lagi buat masa sekarang cuma *concern* atau keresahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penaga mengenai isu nelayan di kawasan itu akan kita perhalusi dan juga kesan melalui proses EIA yang akan kita mulakan ini. Dijangka enam (6) bulan dalam tempoh enam bulan proses ini akan berlangsung.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan. Tadi kami telah mendengar bahawa Ahli Yang Berhormat Penaga kata sebelum ini 2005 Barisan Nasional telah mencadang dan usaha dan hanya Kerajaan Negeri yang baru hendak *implement*, nasib baik Barisan Nasional kalah, kalau tidak sudah *implement* tanpa ambil kira alam sekitar, hanya baru tukar syarat. Apabila mereka mencadangkan cara macam mana untuk ternak udang saya tolak. Saya tolak kerana ia tidak ada rawatan air dan lain-lain kepentingan di sana mesti di utamakan. Oleh demikian, projek yang pertama di mana kami hendak mereka EIA, kalau Barisan Nasional EIA pun tidak ada. Itu realitinya.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih atas penjelasan oleh Seberang Jaya dan Sungai Puyu tetapi saya tidak boleh bersetuju dengan pendapat Sungai Puyu itu sebab saya tidak tahu cerita sebenarnya, hanya yang saya tahu saya dapat laporan mengatakan bahawa projek itu diilhamkan sebelum 2008. Itu saja yang saya hendak cerita dan apa pun bagi saya, kalau kita kalau Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat hendak meneruskan dengan projek ini saya minta supaya mengkaji betul-betul, bukan makna saya tidak setuju, bagi saya itu adalah satu perkara yang kalau boleh dibuat dengan elok dan untuk kebaikan rakyat bagi saya, saya bersetuju tetapi dengan syarat bahawa pendapatan para nelayan di kawasan itu tidak terjejas. Itu saya rasa kita kena ambil kira.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Ahli Kawasan Penaga. Saya hendak merujuk kepada ucapan Sungai Puyu. Saya rasa sesiapa pun sama ada Kerajaan BN, Kerajaan PKR, Kerajaan DAP apabila kita hendak masuk projek kalau ia disyaratkan untuk mememuhi keperluan EIA kita kena buat. Tentu agensi-agensi yang terlibat seperti LKIM dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) ambil pandangan mereka dan kita akan mendengar pandangan mereka kita akan buat EIA juga so benda ini kemungkinan jikalau berlaku bagi saya rasa benda ini adalah benda itu hendak buat dan minta diperhalusi itu sahaja. So tidak timbul sama ada Kerajaan BN buat BN menang tidak timbul isu yang macam itu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

15 minit

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

15 minit? *I try to finish*. Itu isu pertama dan saya rasa saya sudah jelaskan berkaitan dengan kebimbangan

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tambah sikit Yang Berhormat. Saya hendak tanya projek yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagai contoh NFC apa kajian yang dibuat mengenai NFC, sebab itu projek yang, kita hendak tahu juga pengalaman daripada kegagalan projek-projek barisan nasional supaya kita tidak ulang dan buat sebagai Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya rasa kalau Seberang Jaya ini ingin membincangkan perkara itu saya rasa mungkin dalam penggulungan boleh. Saya pun tidak dapat memberikan apa-apa komen sebab saya bukan Menteri di Putrajaya untuk menjawab soalan begitu. Jadi saya akan teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

15 minit lagi.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Ya, 15 minit lagi. Isu yang kedua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dalam bajet juga disebut tentang bantuan pukot pantai kepada 2,981 orang nelayan yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh Pulau Pinang. Jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan ialah sebanyak RM1.6 juta. Sebenarnya saya ada dua (2) ucapan bajet ini, satu (1) yang tahun sudah dan satu (1) lagi yang tahun ini. Apa yang saya dapati di dalam kedua-dua bajet jumlahnya sama RM1.6 juta ini bajet tahun sudah. Di sebut sini RM1.6 juta bagi tahun 2014 dan dalam bajet sekarang pada tahun ini 2015 di sebut juga RM1.6 juta akan disediakan pada tahun 2015. Muka surat 14 dan bajet yang lepas pada muka surat 19. Apa yang menjadi kemusykilan bagi saya mungkin saya kurang faham di sini dalam bajet sekarang 2015 di sebut bagi menjamin agar nelayan-nelayan di negeri ini hidup dengan lebih sempurna dan tidak

terbeban, maka Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian bantuan pukut pantai dua (2) kali setahun kepada 2,981 nelayan yang berdaftar. Sehubungan itu, sejumlah RM1.6 juta yang disediakan. Dalam bajet 2014 jumlah macam saya sebut tadi sama, bilangan nelayan pun sama, tetapi yang saya kurang faham di sini, disebut dua (2) kali setahun, ini sekali. Jumlah sama *exactly, exactly the same the figure, the number ...*(minta maaf). Bilangan nelayan pun sama, jumlah pun sama.... (gangguan). Saya tak tahu sama ada di mana kesilapannya. Yang saya kata ini kurang faham ini, disebut dalam Bajet 2015 ini dua (2) kali setahun. Kalau bagi bagi saya dua (2) kali, kemungkinan besar harga pukut itu dah turun jumlah yang sama. Apa itu, saya tak pasti mungkin ada kesilapan di sini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Baradin):**

Saya tidak ada teks itu sekarang, yang tahun lepas punya saya tak boleh nak sahkan cuma, untuk maklumat YB. Penaga, memang daripada tahun, semenjak daripada 2013, lepas Pilihan Raya Umum Ketiga Belas, manifesto Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ketika itu adalah memberikan bantuan pukut sebanyak dua (2) kali setahun. Dua (2) kali setahun ya, betul saya sebut dua (2) kali setahun kepada semua nelayan-nelayan yang berdaftar di bawah LKIM. Tahun lepas, kita telah berikan sekali selepas pilihan raya 2013 kerana kita dah setengah tahun. Jadi kita bagi sekali pada tahun lepas. Tahun ini kita bagi dua (2) kali. Kita akan bagi dua (2) kali tahun ini, awal tahun hari itu, dan hujung tahun ini kita akan bagi sekali lagi. Tahun hadapan kita akan bagi dua (2) kali, sebab penggal ini kita baru setahun setengah. Tak ada masalah salah kirakah, apa, tak. Cuma satu (1) sahaja yang saya bangkitkan. Masalah yang kita hadapi adalah 2981 orang nelayan ini, jumlahnya memang tak bertambah. Dia akan bertambah bila lesen nelayan diberi waktu pilihan raya, itu sahaja. Ianya akan bertambah. Jadi kita tunggu *term* akan datang, LKIM buat program bagi lesen barulah bertambahnya nelayan. Setakat sekarang ini, kita tak dengar lagi tambahan kepada jumlahnya. Betul Yang Berhormat memang betul.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Diminta penjelasan. Memang di dalam soalan bertulis saya, memang jawapannya disebut, saya tanya berapakah peruntukan bantuan pukut kepada nelayan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 hingga 2014. Jadi kalau jawapan di sini itu, saya nampak tak, 2013 sekali, 2014 sekali. Tetapi Bajet yang saya rujuk itu Bajet 2014. Tak apa yang ini saya serahkan kepada Seberang Jaya untuk menggulungkannya, menjawab soalan saya tadi untuk menjawab soalan saya tadi. Saya orang kata apa, saya pun kurang faham dan itu sebab ingin tahu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Afif Bin Baradin):**

Nanti hantar surat jemputan kepada YB. Penang. Memang nak bagi pun berapa minggu lagi, kita akan hantar surat jemputan kepada Penaga untuk datang.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih. Macam saya katakan tadi....(gangguan). Memanglah saya dari kawasan di mana ramai nelayan jadi penduduk dan saya memang selalu ataupun boleh katakan berjumpa dengan mereka selalu, dan saya akan ambil berat tentang

apa yang mereka hadapi dan bantuan sedikit, ini pun daripada Kerajaan Negeri saya amat berterima kasih. Tetapi walau bagaimanapun saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Pusat. Dalam Bajet 2015, Kerajaan Pusat telah memberi orang kata apa, menaikkan elaun sara hidup kepada RM250.00 pun ada, RM350.00 pun ada bergantung kepada A, B, C. Zon A, B, C selain daripada subsidi diesel, tak kira. Selain daripada insentif tangkapan ikan, selain daripada BRIM. Jadi banyak lagi sebenarnya daripada LKIM diberi kemudahan untuk menaiktarafkan rumah dan sebagainya. Saya dulu sebenarnya bukan nelayan, tetapi sejak jadi Wakil Rakyat di Zon di DUN Penaga, saya terpaksa berkawan dengan nelayan dan saya tahun cerita nelayan. Berkawan dengan nelayan *and I like it*. Sebenarnya saya *enjoy*, saya suka....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Seberang Jaya tak ada nelayan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Seberang Jaya tak ada nelayan. Walaupun dia EXCO menjaga nelayan, tetapi dia tak tahu cerita nelayan. Tetapi kalau nak belajar pasal nelayan, mai jumpa saya....(ketawa). Okey, jadi itu pun kita rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga Malaysia, seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana memberi peluang membantu, banyak bantuan kepada nelayan kerana sebenarnya nelayan hidup mereka bukanlah senang sangat. Ada masanya mereka boleh pergi ke laut dan dapat ikan. Ada masanya tak dapat apa.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

YB. Penaga, minta laluan. Terima kasih. Tadi saya tertarik apa yang diucapkan oleh YB. Penaga untuk terima kasih kepada Kerajaan Pusat. Tetapi saya juga ada buat satu soalan bertulis kepada sesi DUN kali ini. Apakah manfaat yang dinikmati oleh Negeri Pulau Pinang dari segi Infrastruktur dalam Bajet 2015 yang baru diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Jawapan yang diterima adalah tidak ada sebarang projek pembangunan untuk Pulau Pinang yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Bajet 2015. So, ini adalah jawapan yang kita dapatlah.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu yang tak betul itu. Seberang Jaya kena buat *homework*, siapa yang menjawab itu.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta Laluan itu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya hendak tahu siapa yang jawab soalan itu.



**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

YB. Bagan Jermal menjawab bagi pihak Y.A.B. Ketua Menteri.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Soalannya tentang infrastruktur. Minta Laluan. Tetapi saya nak tanya ..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta Laluan. Kalau dah ada Pulau Pinang akui tidak ada sebarang peruntukan, tak payah bagilah. Tak payah bagi dah lah 2015 nanti.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Masalahnya YB. daripada KOMTAR, dia mengemukakan soalan sebelum Bajet oleh Y.A.B. Perdana Menteri.....(ketawa), (gangguan). Dia tanya adakah sebarang projek yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada masa itu. Jadi pada masa itu, belum umum lagi. *That is why* tak ada projeklah.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya rasa Timbalan Speaker, saya rasa nasib baik kita timbulkan isu ini. Sekiranya tidak YB. KOMTAR akan berpandangan rendah terhadap Kerajaan Pusat dan tidak membantu rakyat Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta Laluan. YB. Penaga. Tetapi saya ingin tanya tadi sumbangan RM200.00, RM300.00 sebulan, yang itu sebenarnya mencukupi tak untuk kehidupan dan tahukah Yang Berhormat-Yang Berhormat semua tentang agenda ekonomi saksama Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebenarnya mereka yang tidak mencukupi pendapat sebulan, kita ada *'top-up'* agar ianya mencukupi.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan YB. Penaga buat penggulungan. Boleh sambung malam nanti..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya ada satu lagi isu iaitu saya ada bertanya melalui soalan lisan yang dijawab secara bertulis. Soalannya berbunyi begini, berkaitan Projek Perumahan Sejahtera di Penaga, Projek PPRT. "Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kerosakan kepada rumah-rumah di bawah projek perumahan rakyat termiskin di PPRT di perumahan Taman Sejahtera, Penaga. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan membina rumah-rumah PPRT di Pulau Pinang termasuk di Zon Penaga?." Jawapan yang diberikan kepada saya, pertama.

"Pejabat Daerah Seberang Perai Utara, telah menerima peruntukan khas daripada Kerajaan Negeri untuk tujuan memperbaiki kerosakan rumah-rumah di Taman Sejahtera, Penaga sebanyak RM3,945.00 pada tahun 2012. Kerosakan rumah-rumah di Taman Sejahtera, Penaga pada ketika ini, agak bermasalah maka Pejabat Daerah Seberang Perai Utara telah membuat permohonan bajet pembangunan untuk tahun 2015 sebanyak RM200 ribu bagi tujuan pembaikan tambahan."

Sebenarnya saya tanya soalan ini, bukan apa, sebab saya dapat tahu bahawa projek rumah ini perlu diselenggarakan oleh Pejabat Tanah dan bukannya PERDA. PERDA membina rumah tersebut tetapi diselenggarakan oleh Pejabat Tanah dan saya ingin maklumkan di sini bahawa saya menerima banyak aduan daripada penduduk di Taman ini, kerana rumah-rumah yang dibina dahulu kini agak uzur dan perlu dinaik taraf dan masalah ini pun sebenarnya dibawa sendiri oleh penduduk-penduduk itu ke pihak yang berwajib. Tetapi tindakan tidak diambil. Jadi disebabkan selalu aduan sampai kepada saya dan itulah sebab saya, itulah sebabnya saya mengemukakan soalan ini. Dan saya berharap benar supaya Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Taman Sejahtera ini.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Penaga boleh kita tangguhkan dahulu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Boleh Ahli-ahli YB. Dewan tangguh dan akan disambung semula pada jam 8.00 malam. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***

***Dewan bersidang semula pada jam 8.00 malam.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima YB. Dato' Speaker, Dato' Speaker saya ingin meneruskan, terima kasih. Baru-baru ini kita sering mendengar atau membaca surat khabar banyak kampung-kampung tradisional terlibat dengan tindakan pengusiran ataupun *Division Notices Act* telah dikemukakan ke atas penduduk-penduduk di kampung tradisional, contohnya di kampung Tanjong Tokong, Kampung Batu Uban, Kampung Mutiara di Telok Bahang, Kampung Selut di Sungai Pinang, Kampung Siam di Pulau Tikus, mengikut surat khabar yang saya baca tanah yang mereka duduki bukanlah diduduki baru, sebenarnya mereka telah menduduki tanah itu selama lima (5) generasi dan jika tindakan pengusiran diambil terhadap mereka maka mereka akan mengalami kesusahan dan terpaksa berpindah daripada tempat mereka selama beberapa lama yang, beberapa jenerasi yang lalu.

Jadi persoalan saya pada Kerajaan Negeri sama ada Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menempatkan atau membantu penduduk-penduduk terlibat dalam isu pengusiran oleh pemaju-pemaju dan saya percaya Kerajaan Pakatan Rakyat yang lalu mendakwa sangat prihatin khususnya sahabat saya dari Seri Delima selalu mengatakan bahawa prihatin kepada rakyat. Jadi saya ingin mendapat penjelasan semasa penggugungan nanti apakah tindakan yang dapat buat yang boleh diberi oleh Kerajaan Negeri kepada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan, kawan saya dari Penaga, YB. Penaga saya juga menyanjung tinggi sahabat saya Penaga, kalau Penaga dulu kita lawan, tetapi Penaga sekarang kita sama-sama kawan. Atas isu ini saya cuma tetapi saya minta Yang Berhormat untuk satu penjelasan juga walau kita ambil maklum tentang kampung-kampung yang telah dinyatakan tadi, tapi saya percaya langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan sekarang untuk memastikan bahawa pengusiran-pengusiran tersebut tidak berlaku, jika berlaku pun disebabkan oleh perjanjian antara tuan punya tanah merupakan pemilih persendirian bersama-sama dengan pemaju, Kerajaan Negeri cuba menyelesaikan masalah, Seri Delima adalah pengalaman unik, saya merujuk kepada kes khusus iaitu Kampung Buah Pala di mana kampung itu adalah kampung tradisional orang India di mana sebelum 2008 walaupun Kerajaan dulu telah menjualkannya, Pakaan Rakyat selepas mengambil alih telah pun berjaya mencapai satu penyelesaian kepada masalah tersebut dengan pemaju dengan mendirikan rumah-rumah bagi orang-orang yang tinggal dari kampung tersebut. Tapi saya minta YB. Penaga memberi pandangan.

Berkenaan dengan kampung-kampung tradisional yang berada persekitaran dengan tentera, tapak Tentera UJdara Malaysia di Telok Ayer Tawar kerana saya difahamkan walaupun Yang Berhormat daripada Telok Ayer telah memberi penjelasan bahawa kampung-kampung tersebut, kampung-kampung tradisional orang Melayu, tidak secara langsung terlibat dalam kerja-kerja ataupun projek pembangunan, saya difahamkan kalau projek pembangunan itu dilaksanakan seperti yang dirancang memang memberi kesan secara tidak langsung kepada kampung-kampung tersebut. Jadi adakah Yang Berhormat. Apakah pandangan Yang Berhormat, Adakah Yang Berhormat di sini turut menentang projek pembangunan di situ yang dirancang, saya difahamkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan satu gerombolan tapak TUDM ditempatkan. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih, saya tak tahu tentang sama ada ada kampung atau tidak di kawasan YB. Jahara, jadi saya tak boleh jawab soalan itu, okey. Jadi saya ingin teruskan.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan. Saya hendak minta penjelasan daripada apa ini, Penaga, kalau tidak pun dari apa ini, dari Datok Keramat atau Padang Kota. Dalam perbahasan pada hari pertama, semalam, disebut dengan jelas bahawasanya Kerajaan Negeri tidak akan memberi kebenaran pelan merancang untuk meneruskan pembangunan jika sekiranya pemaju tidak menyelesaikan masalah setingan, betul? Persoalannya apabila kita melepaskan tanggungjawab ini kepada pemaju mereka akan menggunakan ejen ataupun broker pergi berjumpa orang kampung membuat penawaran yang tidak munasabah, contohnya RM5,000, RM10,000, RM20,000 dan sebagainya. Mereka ini pergi jumpa orang kampung mereka tak mahu jumpa ramai-ramai, mereka jumpa seorang, seorang, seorang sebab senang memujuk, saya cakap dulu, ini berlaku Yang Berhormat Seri Delima, tak payah tangan-tangan...(gangguan), ini berlaku, ini betul. Dalam sekelip mereka mahu berjumpa secara berkelompok, kalau berkelompok sekali mereka senang berbincang, berbagai cara, macam-macam, so mereka berjumpa minta itu untuk ditandatangani persetujuan, persetujuan dan benda inilah yang mereka akan pergi bawa kepada Kerajaan Negeri, sebenarnya persetujuan itu ialah persetujuan secara terpaksa pujuk rayu oleh pemaju untuk membeli tanah, hasilnya dengan jumlah yang mereka terima mereka tak mampu untuk membeli rumah baru dan sebagainya.

Seterusnya saya minta kepada Kerajaan Negeri, mungkin Yang Berhormat Penaga, supaya pihak Kerajaan Negeri menetapkan satu jumlah tepat bagi setiap pampasan minimum contohnya kalau di pekan berapa jumlahnya, kalau dikampung berapa jumlahnya supaya membolehkan tidak ada lagi *poor liver station* di antara pembeli tanah dengan penduduk jadi ia bayar banyak itu jadi mereka boleh nampak satu pembangunan, contohnya jumlah yang munasabah, jumlah yang boleh mereka membeli sebiji rumah kos rendah sama ada RM42,000 ataupun RM70,000 di kawasan primary dan ini digalakkan hanya selepas itu barulah pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat Perumahan menyediakan rumah khas untuk mereka ini sebab itu dah ada dah dan Kerajaan Negeri meluluskan senarai mereka untuk memberi rumah itu dan mereka akan dapat terus, dapat duit dan Kerajaan Negeri akan memberi rumah, itu lebih selamat dan lebih selesa dan lebih murah untuk orang ramai, orang kampung terutamanya untuk memastikan mereka akan mendapat tempat tinggal seterusnya Yang Berhormat dari Penaga.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih, saya hendak jawab ini dulu, terima kasih Pulau Betong, saya setuju dengan pandangan Pulau Betong, sebab saya ada satu keratan akhbar di sini yang melibatkan satu kes Kampung Sungai Nyior, Butterworth di mana di sini, ya surat khabat...(ketawa) Star, *The Peoples Paper*. Soalan yang dibangkitkan oleh Pulau Betong memang kena dengan jawapan yang ada di sini, jawapan saya kes *semi miler* itu *what happened where a we to go resident spacing fiction unhappy low compression amount...*(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanashekaran A/L Autherapady):**

YB. Dato' Speaker, biar saya jawab, kawasan saya.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

*Let me finished it*, dak saya nak bagi tahu.....(gangguan). Saya hendak bagi tahu *compression* nya yang ditawarkan kepada ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanashekaran A/L Autherapady):**

Saya akan jawab.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Bagi saya jawab dulu, lepas itu *you* jawab. Saya tahu Yang Berhormat yang... (gangguan), saya nampak nama Yang Berhormat....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti bagi Bagan Dalam. Penaga dulu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Jadi saya sebut di sini, bahawa *compensation* yang ditawarkan ada yang setakat RM2,000.00 sahaja. Ini salah seorang yang merayu di sini namanya M. Ramayie 68 tahun, *say her husband past away let and she was sharing in the village with two children, what can I do two thousand dollars, two thousand ringgit this is what she said and where can I go now*, mengikut laporan di sini *the villagers the expect a compensation of between fifteen thousand and twenty thousand from the developer but work it still open RM2,000* dan inilah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Inilah satu contoh yang dibangkitkan oleh Pulau Betong tadi dan saya... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat. Sebelum *you* pergi, sikit lagi, tadi saya nak tambah sikit lagi tadi ini, selain daripada beri pampasan kepada pemilik rumah juga memberi pampasan yang munasabah kepada penyewa-penyewa rumah di sini, so ada dua (2) kategori Yang Berhormat Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya setuju dengan pandangan Pulau Betong dan saya rasa memanglah dalam kes *Division notice* ini biasanya masalahnya di antara tuan tanah dan pemaju, status-status *sometimes*, jadi apa pun kadang-kadang mereka hendak tinggal lama di situ jadi satu penyelesaian dibuat.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan, minta laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagan Dalam dululah.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanashekaran A/L Autherapady):**

Baik ini perkara yang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk di situ, penyewa di situlah, penyewa, betul pada mulanya pemilik tanah hanya buat tawaran RM2,000, selepas saya campur tangan, perkara ini sudah selesai, kelmarin malam sudah selesai dan semua *tenant-tenant*, penyewa-penyewa pun *satisfied* lah dengan tawaran yang telah dibuat dan mereka sanggup keluar selepas menerima tawaran yang dijanji wang pampasan akan diberi dalam satu (1) dua (2) minggu, *so have be settle*. Satu *acerbically dissatisfied your* itu selepas kita campurtangan dan buat *negotiation*, tetapi kalau *you* tengok *paper* hari ini ada *demonstration* dibuat by MCA . Ini MCA dia orang tak ada kerja, MCA tak ada kerja, tak ada orang di Dewan pergi buat demonstrasi, jadi dia pandai buat demonstrasi saja. Kami melalui *negotiation* selesai perkara kita.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah selesailah perkara yang sama.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Sudah selesai, perkara saya belum selesai. Sedarkah dalam Dewan yang mulia ini, pada masa itu adalah pihak Pembangkang dan di Dewan yang mulia ini saya telah bangkit satu isu *to repeal of the rent control act*. Ia itu *repeal of the rent control act*, kami ada kata di Pulau Pinang kami belum siap sedia untuk menghadapi *repeal of the rent control act*. Kedua apakah pendiriannya bahawa di Permatang Sintok, Sekolah Sin Chong dan di sana, selesai memang selesai, tetapi apakah pendiriannya, apakah semua tidak dibayar apa-apa pampasan di sana termasuk sekolah di sana, di mana haknya bukan bayar pampasan tetapi pemaju juga minta pampasan daripada penduduk-penduduk di sana, satu sen pun tak bayar di mana kawasan Bertam, kawasan Bertam itu di mana, Kepala Batas, Kepala Batas itu di mana Parlimen Perdana Menteri pada masa itu....(gangguan), dah lama, tetapi

sejarah, apabila sejarah bila berlaku sendiri punya kawasan *you* sengap saya tak nampak UMNO sesiapa pergi sana buat lagi, saya masih ingat di Dewan ini UMNO kata saya akan berdiri di sana jika *bulldozer* datang saya akan tahan, tetapi bila saya pergi sana tak nampak ADUN kawasan. Saya berkem di sana beberapa hari kerana Pemaju hendak roboh sebuah sekolah Cina di sana, tanya orang lama di sana, tanya Yang Berhormat daripada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Kami tak tahu, orang baru.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Tak tahu, oleh yang demikian saya bagi tahu hari inilah. Tetapi yang lain tahu ialah Ketua Pembangkang EXCO di ada di sini dia buat pura-pura tak tahu atau tak mahu ambil tahu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey Penaga, sila sambung.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Puyu itu, pertama ia bukan dalam kawasan saya, yang kedua saya belum menjadi wakil rakyat lagipun sebenarnya, jadi saya rasa itu bukan isu lah, *its not issue* tidak ada kena mengena dengan saya dan saya akan teruskan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya nak teruskan Yang Amat Berhormat Dato' Speaker. Kalau saya nak baca apa yang ditulis dalam *paper* ini, panjang cerita dia lagi. Jadi saya ingin cadangkan supaya diseragamkan dan pampasan itu hendaklah dalam jumlah yang munasabah sama ada dalam bentuk rumah ataupun wang.

**Ahli Kawasasn Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta laluan sikit saja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Nak habis dah, lapan lebih dah saya nak perhabis. Okey satu lagi isu yang saya ingin saya bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan apa yang saya nampak dalam surat khabar baru-baru ini ....(gangguan), *your paper* ....(gangguan, ketawa). Surat khabar bertarikh 5 November, berkaitan dengan satu kebimbangan oleh *Consumer Association of Penang*, kalau boleh saya baca Yang Berhormat Dato'

Speaker. "Visual clutter it's said here, consumer association of Penang is unhappy with the increasing number of outdoor advertisement in the state saying the post and risk distraction to motorists." Jadi gambar yang ditunjuk itu jelas sekali di mana dalam bentuk *advertisement, banners, billboard at .....*(gangguan), *along roads has eyesores back driver.....*(gangguan), dan ini.....(gangguan). Dato' Speaker, mengikut CAP boleh mendatangkan bahaya kepada *motorists* jadi .....

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan, YB. Penaga penjelasan, sikit saja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Jadi perkara ini saya rasa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kawan saya sikit saja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya rasa Kerajaan Negeri sepatutnya memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bagaimana dengan, Pejelasan Yang Berhormat. Penjelasan. Soalan saya Yang Berhormat, sikit saja. Bagaimana dengan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Lagi satu YB. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Iklan-iklan 1Malaysia semasa pilihan raya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Biar Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya ada lagi satu isu. Yang Berhormat Dato' Speaker, *I want finish it.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bila orang berucap, orang lain jangan ganggu.



**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

*Last issue* Dato' Speaker, *last issue* berkaitan dengan *rental high*. Salah satu tempatnya adalah *market* di Seberang Perai, Kepala Batas baru belaku semalam juga di Penaga pun dinaikan *market*, semua *market* di bawah MPSP dan kenaikannya adakalanya *double, hundred percent*, jadi ini amat menimbulkan masalah kepada peniaga-peniaga kecil yang sentiasa bekerja keras tetapi pendapatan pun tidak cukup dan itulah rayuan mereka kepada kami semua, supaya membawa isu ini ke dalam Dewan. Terima kasih. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya minta laluan dari YB. Penaga, belum habis....(gangguan),

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

YB. Dato' Speaker, saya minta laluan daripada Penaga, tadi saya dengar perkataan *banner* apa yang Yang Berhormat maksudkan dengan *banner* yang Penaga sentuh tadi? I tak berapa faham.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Sekejap lagi *I pass this to you this one*, senang nanti *you* baca sendiri *don't waste time*. ..(gangguan). Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Kerajaan yang telah banyak membantu saya semasa bertugas dan juga kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang menjaga keamanan dan memberi peluang kepada kita untuk berbahas di dalam Dewan ini dan dengan itu saya menyokong, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Ahli Kawasan Sungai Dua, walaupun sekarang kita berada dalam sesi malam, tapi walaupun saya mengizinkan sedikit gangguan tapi juga minta ikut peraturan juga, walaupun sesi malam silakan Ahli Kawasan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

*Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh*, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia, ketua jabatan dan tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian. Ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan pada Sungai Dua untuk turut serta menyertai Perbahasan Rang

Undang-undang Perbekalan 2015 dan Usul Anggaran Pembangunan 2015. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Air Puteh yang telah membentangkan bajet kali yang ketujuh untuk Kerajaan Pakatan Rakyat. Bajet 2015 yang dibentangkan tidak begitu banyak perkara-perkara baharu, tidak banyak bezanya dengan bajet-bajet yang lalu tidak banyak cadangan-cadangan baharu untuk kepentingan faedah rakyat Negeri Pulau Pinang khususnya dalam sektor pertanian dan pembangunan luar bandar.

Bajet yang difisit setiap tahun tetapi setiap hujung tahun terdapat *surplus* ataupun lebih ini mungkin disusun, mungki, saya kata mungkin jangan Ahli Kawasan Seri Delima marah pula, ini mungkin disusun dan diatur untuk menampakan betapa hebatnya pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan mungkin ada yang tersirat yang telah disusun, mungkin saya kata mungkin dan ada tiga (3) kemungkinan apabila beradanya *surplus* ataupun lebih pertama, mungkin kehebatan pengurusan kewangan pandai berjimat cermat dan sebagainya.

Kedua, mungkin terdapat pendapatan ataupun hasil yang tidak dijangka yang diperolehi dan ketiga, mungkin dan ini kemungkinan yang besarlah iaitu kelemahan menyediakan bajet. Jika berlaku satu (1) atau dua (2) tahun yang pertama daripada bajet difisit menjadi *surplus* kita mungkin boleh terimalah ini daripada tahun 2008 hingga tahun 2013 berlaku lebih *surplus* tahun 2008 dan 2009 okey, kita tidak tahu lagi hendak buat bajet mungkin tidak nampak lagi ini 2013 dah sampai enam (6) kali dah masih lagi *surplus*, itu kita tidak tahulah apa yang disusun dan tapi jika berlaku setiap tahun, macam tadi saya kata nampak kelemahan dalam penyediaan bajet jadi kebiasaannya bajet yang baik pencapaiannya adalah dalam *range*, ...(dengan izin) 10% hingga ke 15% kekurangan ataupun lebih ini sampai 300% peratus pencapai 200%, 300% ini adalah satu pencapaian yang agak luar biasa yang mungkin menunjukkan dari segi kelemahan.

Saya lihat dari segi Buku Penyata Kewangan 2013 muka surat 11 dan 12, ini yang menunjukkan bahawa hasil bukan cukai anggaran tahun 2013, RM158 juta yang sebenarnya dicapai RM511 juta, 323.86 *percent*, hebat cukup jauh pencapaiannya. 2012, 286 *percent*, pencapaian 2014 ini saya tidak tahu lagilah jadi kita kena lihat ini lah kalau kita hendak buat bajet satu kaedah yang mudah, kita lihat pencapaian yang lepas untuk kita jadikan sebagai kerangka ataupun asas untuk kita buat bajet. Saya kerja di Pertubuhan Peladang dahulu setiap tahun kena buat bajet jadi dalam mesyuarat agung akan dipertikaikan kalau bajet itu terlampau luar biasa.

Yang Amat Berhormat Dato' Speaker, bajet yang dibentangkan juga amat tinggi perbelanjaan mengurusnya iaitu RM887.24 juta hampir separuh daripada bajet keseluruhan mengurus Negeri Sarawak, Negeri Sarawak mengurusnya RM1.6 bilion, ini RM887.24 juta, Sarawak lebih besar daripada Pulau Pinang penduduknya lebih ramai tapi bajet mengurusnya cuma RM1.6 bilion kawasan pun lebih luas. Ini meskipun Bajet Kerajaan Negeri 2015...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan, sikit saja, terima kasih. Saya akan bagi pandangan saya, kalau kita buat perbandingan dengan Negeri Sarawak yang terhormat bersetuju dengan saya di Sarawak banyak juga sumber asli dan juga faktor bahawa terdapat banyak

tohman-tohman yang dibuat terhadap Ketua Menteri yang dahulu mengenai ketirisan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya dan juga terdapat kenyataankenyataan dimana Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Barisan Nasional telah dikatakan dikaitkan dengan macam-macam penyalahgunaan kuasa rasuah dan sebagainya berbanding dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ..... (gangguan). Apa pandangan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey, saya tak nak komen benda itu, kerana ia di Sarawak.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kerana Yang Berhormat membuat perbandingan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Kena jadi ADUN di Sarawak.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukan, sebab itu kita bincang tentang Sarawak, maksudnya jangan membuat perbezaan dengan Sarawak, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Seterusnya, tentang Bajet Kerajaan Negeri 2015 meramalkan bahawa KDNK Negeri Pulau Pinang akan meningkat dengan berpandukan projek dan aktiviti yang telah dilaksanakan tetapi Perbelanjaan Mengurus Negeri Pulau Pinang, sepatutnya dikurangkan melalui perbelanjaan perbekalan dan juga perkhidmatan yang seterusnya terdedah kepada pembaziran. Perbelanjaan mengurus adalah dilihat terlalu tinggi RM887.24 juta pencapaian RM832 juta yang saya cadangkan dari sini dikurangkan kepada RM840 juta, boleh cadanglah. Manakala perbelanjaan pembangunan sepatutnya ditambah untuk menjana lebih banyak projek pembangunan ekonomi malangnya pada Bajet Negeri Pulau Pulau Pinang 2014 sebanyak RM239 juta telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan tetapi dikurangkan pada tahun 2015 Bajet Kerajaan Negeri hanyalah sebanyak RM225 juta, penyusutan sebanyak 5% pada tahun 2014. Itu tentang bajet.

Seterusnya, teguran tentang bajet yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada muka surat 10 dalam menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana. Terdapat tiga (3) cadangan oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu mewujudkan Pusat Penasihat Sumber dan Latihan IKS, Pusat IKS Pulau Pinang dan juga perkampungan IKS Pulau Pinang. Apa yang saya hendak persoalkan di sini adalah apakah bidang Industri Kecil dan Sederhana yang diberi penekanan ini adakah termasuk IKS dalam sektor pertanian. Itu yang saya persoalkan.

Bagi muka surat 12, meningkatkan potensi industri pelancongan dan warisan, langkah Kerajaan Negeri untuk melarang pekerja asing daripada menjadi tukang masak, saya bersetuju dan saya ada soalan tentang restoran tomyam, soalan bertulis ya. Restoran Tomyam yang tumbuh macam cendawan di kawasan Sungai Dua, di kawasan Seberang Perai dan seluruh Negeri Pulau Pinang. Apa yang saya nampak semuanya adalah pekerja-pekerja asing, daripada Thailand yang sering kena balik pergi cap, lepas cap baru balik mai. Makanan tak tahulah sedap atau tidak. Saya dah kurang makan tomyam sekarang, makan nasi kandar pun saya sudah kurang makan, sebab saya tengok semua pekerja-pekerja daripada negara luar yang saya rasa mungkin akan menjejaskan dari segi kesihatan dan sebagainya kerana yang saya dapati pekerja-pekerja asing ini tidak diberi suntikan. Yang buat tomyam, dia yang masak tetapi tidak dapat suntikan daripada pihak.....(gangguan), suntikan daripada PBT. Ini saya rasa perlu diberi penekanan. Jadi saya minta pihak PBT dan MPSP melihat balik setiap pekerja-pekerja tomyam, pekerja nasi kandar yang masak gulai ayam kampung yang katanya sedap sangat itu, sampai hirup kuah punya sedap. Jadi perkara ini perlu diberi penguatkuasaan yang ketat kerana kadang-kadang isu tomyam ini pun, minta maaf, kerana ia kebanyakannya membeli bahan-bahan mentah daripada Thailand, sosnya datang daripada Thailand, ini merupakan strategi Kerajaan Thailand untuk mempertingkatkan IKS mereka, mereka wujudkan banyak restoran-restoran makan di serata dunia, tetapi sos mesti daripada Thailand, ikan masin pun ini pun diambil daripada Thailand. Tidak perlu ikan masin daripada Sungai Acheh,.....(gangguan), (ketawa).... untuk buat nasi goreng ikan masin, mesti ambil daripada Thailand, cuma dia ambil sayur, telur ayam dan sebagainya, itu yang dapat lokal, kita berilah penekanan sedikit.

Di muka surat 12, Pembangunan Projek Bukit Bendera dan Muzium Kolonial dari segi pelancongan, terdapat perhatian dan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk projek ini. Jadi kita harap pihak Kerajaan Negeri melihat dari segi peruntukan yang dibawa ini untuk meningkatkan dari segi membangunkan Bukit Bendera dan Muzium Kolonial, tetapi saya nasihatkan kalau boleh jangan jadi seperti projek Taman Botanical, macam yang dibangkitkan oleh Bertam Taman Teratai Gergasi, teratai layu di tasik madu, itu tajuk lagu, lebih kurang macam ini lah. Jadi kita pastikanlah peruntukan yang diperolehi daripada Kerajaan Pusat, digunakan sebaik mungkin dan dipantau, dibuat pengurusan yang terbaik bagi memastikan projek ini berjaya. Kita hendak sama-sama berjaya, kita tidak mahu kita bagi tetapi akhirnya projek itu gagal. Jadi kita bagi peruntukan, *insya-Allah* kita sama-sama pastikan dapat bantu masyarakat di Negeri Pulau Pinang.

Dari segi Muzium Kolonial ini, terdapat banyak bangunan-bangunan warisan Melayu, Islam dan juga bangsa-bangsa lain, Cina dan sebagainya di Negeri Pulau Pinang. Apa yang saya lihat, bangunan kolonial atau bangunan warisan Inggeris lebih diberi keutamaan untuk dibaik pulih, dipilih untuk menjadi bangunan warisan. Bangunan-bangunan Melayu, Islam, Cina dan sebagainya, kadang-kadang dipandang sepi tidak diberi perhatian. Kita takut nanti dalam Muzium Kolonial mungkin banyak barang pameran kolonial, bahan-bahan daripada British daripada Inggeris, kita tidak mahu, India pun ada, penempatan orang India dulu mai, saya tengok, ingat India tidak ada rupayanya India pun ada. Dulu Pulau Pinang semua bangsa ada yang sampai sini. Jadi kita kena kekalkan sejarah, kita kena lihat dari segi pengekal dan muzium ini kalau boleh masukkan semua sekali, jangan dirobohkan bangunan kolonial Melayu, Islam, Cina dan India yang menunjukkan sejarah Pulau Pinang ini.

Seterusnya tentang muka surat 13, tentang pertanian. Ini agak banyak sedikit saya nak sebut di sini. Bagi Bajet Tahun 2014, tema pertanian pada masa itu menyuburkan sektor pertanian, TKPM, Juru, ZIA di Penaga akan dibangunkan sepenuhnya untuk menjadi jaguh dalam pengeluaran agro makanan negara. Hasil akuakultur akan dihasilkan sebanyak 50,000 tan dengan jumlah RM640 juta. Saya hendak persoalkan di sini.

"Berapakah yang telah dibelanjakan dan berapa puluh ribu tan hasil akuakultur yang dihasilkan hingga kini."

Harap dapat jawapan daripada YB. Ahli Kawasan Seberang Jaya nanti. Pemberian tukun tiruan sebanyak 180 unit di kawasan Pulau Aman, di kawasan Sungai Udang, kawasan Sungai Acheh dan Penaga akan dilaksanakan untuk menjana pendapatan nelayan. Hendak tanya YB. Ahli Kawasan Sungai Acheh dan YB. Ahli Kawasan Penaga, tukun-tukun ini sudah *ready* atau belum? yang saya dapat maklumat daripada Jabatan Perikanan, sebiji tukun pun belum ada lagi. Ini dah bulan sebelas (11), tak tahu bila akan dibelanjakan untuk pembinaan tukun, tukun ini dibuat untuk dilepaskan di laut untuk tujuan pembiakan untuk ikan itu membiak dan memperbanyakkan bilangan ikan di dalam kawasan tersebut, tetapi masih belum dibelanjakan dan tolong balik bagi tahu kepada nelayan kawasan Sungai Udang, Pulau Aman dan Penaga, beritahu mereka, hampa tunggulah tukun, sampai bila pun tak sampai. Tunggulah, berjanji tukun tetapi tidak sampai-sampai lagi. Jadi saya harap diberi perhatian dari segi tukun ini. Kalau orang India cakap illek...(dengan izin), "illek pochik"...(dengan izin)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya bagi penjelasan, 'illek' itu maksudnya tidak ada, tidak akan sampai itu maksudnya lain, akan sampai itu maksudnya 'varum', maksudnya ia akan sampai 'illek' maksudnya memang lansung tidak ada.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya harap dia 'varum',.....(ketawa), jadi kalau orang Cina cakap, orang Cina kata 'bo, bo liau.'

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Ini saya jelaskan pula.....(ketawa) 'bo' maksudnya macam 'illek'.....(ketawa), sepatutnya 'aboi.'

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

'Varok' dan 'aboi'....(ketawa).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua balik ke tajuk nanti saya bagi.

## Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Seterusnya tentang konseversi penyu di Pantai Kerachut. Ini masuk dalam bajet tahun 2014 akan disokong oleh Kerajaan Negeri dan membiayai pelbagai program untuk konservasi penyu. Kerajaan Pusat telah buat di bawah Taman Negara .....(gangguan), sudah buat konservasi, jadi pihak Kerajaan Negeri akan menyokong tetapi sampai sekarang saya nampak tidak buat lagi. Tidak disokong lagi oleh Kerajaan Negeri, saya harap Kerajaan Negeri laksanakanlah, tingkatkan, tidak mahu nanti penyu tidak banyak, yang banyak peserta bogel itu di Teluk Kampi, ini penyu lain.....(ketawa).

Okey, bagi tahun 2015, tema yang diberikan dalam bajet "Pertanian Adalah Perniagaan." Oh hebat, tak ada nama lain nak bagi. Ini tema Kerajaan Persekutuan, tema Kerajaan Persekutuan "Pertanian Adalah Perniagaan," setuju. Kadang-kadang saya tengok Hari Merdeka pun tema lain, tapi yang ini kira okeylah, kira cukup okey. Pertanian adalah perniagaan, jadi baguslah *Alhamdulillah*. Bajet 2015, baru Kerajaan Negeri sedar yang kita sudah kurang tanah, sebut dalam bajet, kurang tanah pertanian, untuk penyediaan makanan, jadi tumpuan akan diberikan kepada herba, rempah ratus, roselle dan cendawan. Dalam empat (4) benda ini yang makanan cuma cendawan sahaja. Roselle minuman buat jus, makan pun boleh, boleh buat halwa, buat jem, dia bukan makanan asasi, dia makanan sampingan, cendawan, jadi laratkah kita hendak makan cendawan hari-hari? Jadi kena lihat balikkah. Fokus Kerajaan Negeri dalam membekalkan makanan kepada negeri, jadi kita tengok, bukan tidak boleh rempah ratus, herba, bagus, saya pun suka makan herba, itu yang kuat hari-hari itu.....(ketawa), boleh pasang dua.

Seterusnya langkah pelaksanaan, Program Usahawan Tani Muda. Bagi pinjaman RM5 ribu, kalau kita buat cendawan RM5 ribu ini tuan puan, Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, kita boleh dapat 1,000 bongkah sekali dengan rumahnya dengan raknya dengan bongkahnya dengan benihnya dan sebagainya, kita dapat semua, termasuk kos tetap, semuanya seperti bangsal dan sebagainya. 1,000 ini kita baru dapat RM4,800.00 pendapatan kasar, satu bongkah boleh keluarkan 600 gram dalam enam (6) bulan RM4,800.00. Jadi saya rasa tidak mencukupi dengan pinjaman RM5 ribu, jadi saya minta tambah, tambahlah sedikit bagi kita nak *create* usahawan tani muda ini, nanti dia tidak boleh bayar hutang, dia lari, kita akan rugilah, kita tidak boleh *create* usahawan tani muda, jadi kita tambah lah, cadangkan tambahkan pinjaman kepada RM10 ribu setiap usahawan baru ekonomik, baru dia boleh mula usahawan tani, kalau RM5 ribu tidak cukup. Dalam bajet tahun 2015 juga masih dimasukkan tukun dan projek ZIA, tak akan dalam tempoh hampir setahun, baru boleh siap dari segi tukun, tukun ini belum siap lagi untuk tahun 2014 (tahun ini), "varok," ....(dengan izin).....(ketawa). Kerajaan Negeri masukkan lagi tahun depan projek ini.

Bagi ZIA, saya dah dengar ZIA ini semasa saya di Penaga lagi, ZIA ini sudah nak *start* buat pada tahun 2010 dan 2012 dah pilih *company*, pilih pengusaha tahun 2012, 2013, 2014, sudah 2 tahun masih tidak boleh dilaksanakan lagi dan kalau boleh "varoklah," kena buatlah, akan buat, kita harap boleh percepatkan.

Saya juga hendak mencadangkan satu lagi berkaitan pertanian, supaya kita memperkembangkan projek tanaman padi bagi makanan asasi. Walaupun di Pulau Pinang terdapat 10,000 hektar kawasan Jelapang Padi dengan termasuk di luar Jelapang, saya rasa melebihi 15,000 hektar tetapi masih lagi hasilnya agak rendah, walaupun kalau kita bandingkan dengan Selangor kita rendah, kalau bandingkan dengan Kelantan kita tinggi. 5.6 tan perhektar, untuk 2.5 ekar kita dapat 5.6 tan agak tinggi dan kita mencapai 80 peratus *Self Services Level* (SSL) untuk tanaman padi, ...(dengan izin). Cuma kalau boleh kita fokuskan, kalau boleh Kerajaan Pusat kita fokuskan untuk tanaman padi, kita buat infra, baiki infrastruktur, kita juga menyediakan projek-projek di bawah *National Key Economic Area* (NKEA)...(dengan izin) dan juga EPP 11, kita buat NKEA. Kita sudah buat, target kita untuk buat 5,000 hektar sehingga tahun 2020, dan juga di bawah Program NLIA kita fokuskan kepada tanaman padi. Kita harap Kerajaan Negeri juga memberi fokus yang lebih kepada tanaman padi yang mana banyak pengusaha- pengusahanya terdiri daripada petani-petani luar bandar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan. Dalam usaha untuk memberi fokus yang diusulkan atau dicadangkan oleh Ahli Kawasan Sungai Dua. Adakah perlu Kerajaan Negeri menghadkan ataupun *embargo* ataupun untuk mengekalkan kawasan padi ini dan juga mata pencarian penduduk di kawasan-kawasan luar bandar yang terlibat, supaya tidak akan ditukar syarat, tukar guna kawasan-kawasan padi ini untuk tujuan-tujuan lain, kerana kita boleh lihat tadi bukan sahaja kampung-kampung sudah terancam dengan pembangunan yang begitu pesat di Negeri Pulau Pinang, tetapi juga kawasan-kawasan pertanian sekarang ini terancam dengan pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Setiap inci tanah di Negeri Pulau Pinang telah menjadi begitu berharga sekali dan untuk itu YB. Ahli Kawasan Sungai Dua sama ada bersetuju supaya disarankan kepada Kerajaan Negeri untuk tidak menukar syarat sebarang kawasan-kawasan padi di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar, saya memang memperjuangkan supaya tanah-tanah pertanian terutama padi ini supaya tidak ditukarkan. Kebanyakan tanah-tanah ini ditukarkan kepada lot-lot perumahan, sarang burung dan juga kawasan pembinaan rumah. Jadi kita memang mengharapkan, saya pun sudah banyak kali meminta Pihak PPK dan Pemimpin Petani membuat surat kepada pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan tanah-tanah pertanian terutama sawah ini tidak ditukarkan. Pemaju ini, atau pun pembuat lot ini kadang-kadang dia datang buat lot hari Ahad, hari cuti hari Ahad dia akan datang untuk tambak, sedangkan dia belum dapat kelulusan lagi, dia cuma dapat surat daripada MPSP yang tidak memberi sebarang halangan daripada MPSP, ya surat MPSP, yang menyatakan tiada halangan, itu sahaja suratnya. Dia gunakan surat itu untuk menambak kawasan-kawasan pengairan kawasan padi yang kita dah belanjakan cukup banyak, ratusan juta kita sudah belanjakan untuk pembinaan kawasan sawah padi ini dari segi, infrastruktur, jadi kita kena kekalkan bagi memastikan bekalan makanan tidak berkurang, kawasan padi tidak berkurang, saya sokong, saya memang setuju. Saya ingat itu saja pertanian yang membantu petani-petani luar bandar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Mohamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebelum, sebelum YB. Ahli Kawasan Sungai Dua meninggalkan isu ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya disebabkan kita ini kekurangan tanah, *ex gratia* tanah, tanah tidak cukup, sudahlah tanah hari ini mahal dan sempit dan sebagainya kenapa tidak diberi penumpuan kepada pertanian berimpak tinggi, pertanian moden yang mendatangkan berhasil nilai yang lebih tinggi, selain hanya *concentrate* kepada pertanian-pertanian yang makan masa yang panjang dan sebagainya, ini mungkin lebih baik sebab kita ramai penduduk, kita kurang tanah, tanah kita mahal dan sebagainya, jadi apa pandangan YB. Ahli Kawasan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih, YB. Ahli Kawasan Pulau Betong. Pertanian yang berimpak tinggi ini maksudnya pertanian yang tidak menggunakan kawasan yang luas seperti *farmgasi* (tanaman-tanaman di bawah bumbung) dan saya rasa ini perlu juga diberi penekanan, memang kalau kawasan kita tidak cukup TKPM pun tidak luas mana, jadi kita kena cari alternatif lain untuk kita buat tanaman atau pun pengeluaran makanan yang berimpak tinggi yang boleh ditanam di kawasan yang tidak memerlukan kawasan yang luas, saya setuju.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan Yang Berhormat, berkenaan dengan penambahan sawah-sawah padi yang dijadikan lot-lot saya dapati dua (2) ke tiga (3) tahun kebelakangan ini, ini telah menjadi satu *trend*, di Kepala Batas terutamanya, di Penaga, di Bertam dan juga di mana-mana tempat, sawah-sawah padi yang berhadapan dengan jalan raya akan ditambak dan dijadikan lot dan kita perasan, kita boleh perasan bahawa *signboard* yang diletakkan membawa nama yang sama, tanah lot untuk dijual sila hubungi si "A", pergi ke Bertam pun macam itu, pergi ke Penaga pun macam itu. Ini menunjukkan bahawa ini adalah merupakan satu *business* yang dibuat oleh satu (1) atau dua (2) broker yang memujuk orang-orang kampung supaya bersetuju untuk *joint venture* untuk memajukan tanah tersebut sebagai lot-lot yang ada tidak bergeran dan ada juga dikatakan cuma lot-lot lidi, dan perkara ini bagi saya amat *repent*, sangat *repent* dalam dua (2) atau tiga (3) tahun kebelakangan ini dan saya minta Pihak Berkuasa Tempatan MPSP supaya memantau perkara ini sebab kalau dibiarkan ini akan menjadi wabak. Setiap orang kampung yang tidak mengusahakan padi diusia tua, maka sawah-sawah itu akan ditukar, ditambak dengan tanah merah dan dipacelkan, dipecahbagagikan dan dijual secara lot. Saya minta sangat supaya benda ini diambil kira kerana kalau dibiarkan saya percaya tidak ada lagi sawah padi di kawasan kita, pastinya ia akan lebih berkurangan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Mohamad Farid bin Saad):**

YB. Ahli Kawasan Sungai Dua, penjelasan ya, hendak tambah sedikit lagi berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh YB. Ahli Kawasan Bertam, sebenarnya isu ini, isu di mana kerja-kerja penambahan yang dibuat di waktu cuti. Ini telah banyak kali kita bangkitkan mungkin sampai masanya hari ini. Bersetujukah



YB. Ahli Kawasan Sungai Dua bahawasanya Kerajaan Negeri harus proaktif iaitu memastikan ada pegawai daripada Pejabat Daerah atau MPPP atau mana-mana badan yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan supaya mereka mulai bekerja Sabtu dan Ahad Sama ada *overtime* atau pun gantian supaya mereka boleh turun ke kawasan-kawasan melihat ada atau tidak kerja-kerja yang berlaku di waktu cuti sebab perkara ini berlaku apabila kita bercuti. Jadi kita mahu supaya diberi pendekatan baru supaya dihari-hari cuti hujung minggu atau cuti umumkah, mesti ada pegawai bertugas untuk keliling kampung, keliling daerah untuk melihat kalau ada kerja-kerja yang dijalankan Sabtu dan Ahad.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Sungai Dua, saya amat bersetuju sekali dengan pandangan YB. Ahli Kawasan Pulau Betong dan juga YB. Ahli Kawasan Bertam mengenai isu ini. Sebenarnya di kawasan saya pun banyak juga aduan yang saya terima, di mana penambakan dibuat pada hari cuti dan itu sebabnya amat susah untuk mengawal kegiatan ini dan saya amat setuju sekali dengan cadangan yang dibuat oleh YB. Ahli Kawasan Pulau Betong supaya pihak yang berwajib mengambil satu inisiatif supaya kerja-kerja kegiatan ini tidak berlaku dalam waktu cuti. Sekian, terima kasih

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Penjelasan, isunya sebenarnya YB. Ahli Kawasan Sungai Dua, kita tidak nafikan kerja-kerja dibuat pada hari cuti tetapi tadi ada isu yang disebut oleh YB. Ahli Kawasan Sungai Dua, mengatakan bahawa mereka menjalankan kerja setelah mendapat kebenaran, surat tiada halangan daripada MPSP, ini yang kita tidak mahu. Kalau kita rasa perkara ini tidak boleh diteruskan, kita tidak boleh keluarkan sebarang surat atau pun kebenaran. Bab nak datang kerja hari Sabtu atau Ahad ini kalau kita datang tengok, boleh tengok sajalah, mereka hendak buat, kita sampai pukul 11.00, pukul 9.00 mereka sudah tambak habis dah, siap. Itu isu saya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya teruskan, cuma tadi apa yang perlu saya tekankan di sini adalah kuasa perlu diberikan secara total kepada pihak Pejabat Daerah bagi memastikan tambakan tanah ini tidak berlaku. Kadang-kadang kita *report* kepada Pejabat Daerah, Pejabat Daerah kata mereka tidak ada kuasa dan sebagainya. Kuasanya setakat menahan sahaja, tidak boleh hendak hentikan kerja-kerja itu. Jadi ini kena diberi *direct* kuasa kepada Pejabat Daerah untuk tahan terus dari segi kerja-kerja penambakan sawah padi kerana Kerajaan Negeri telah keluarkan arahan bahawa tanah pertanian tidak boleh ditambak. Saya dapat surat itu dahulu daripada pihak Pejabat Ketua Menteri, di PPK Penaga dulu kita bangkitkan isu penambakan ini.

Okey, saya teruskan lagi, muka surat 18, saya mengalu-alukan projek ekonomi khas yang memperuntukkan sebanyak RM2.09 juta untuk program pembaikan rumah rakyat termiskin bina baru dan pembaikan. Saya ingin mempersoalkan di sini dari segi apakah syarat dan dasar yang ditentukan dalam memilih peserta-peserta dalam tujuan ini dan adakah digunakan senarai miskin tegar yang sedia ada demi keadilan bersama.

Seterusnya, muka surat 21, meningkatkan infrastruktur dan kemudahan asas, peningkatan infrastruktur dan kemudahan asas di bandar dan luar bandar, perbelanjaannya sebanyak RM32.7 juta disediakan bagi bajet tahun 2015 untuk enam (6) projek pembinaan dan projek menaik taraf jalan. Begitu juga dengan pembaikan kemudahan rakyat, apa yang saya kesalkan di sini daripada 12 projek itu, cuma dua (2) sahaja yang berlaku di kawasan Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional, Tanjung Berembang dan satu lagi di Telok Kumbar untuk membaiki pasar, pembinaan pasar di kampung. Kalau boleh, kita berilah sedikit peruntukan yang menyeluruh kepada seluruh kawasan termasuklah kawasan-kawasan di bawah Barisan Nasional. Muka surat 22, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, Kerajaan Negeri menyediakan RM23.9 juta dalam Bajet 2015 untuk mengatasi isu-isu banjir yang berlaku, yang hangat diperbincangkan. Cuma apa yang hendak saya tambah di sini adalah dari segi peruntukan perlu juga ditambah dan tumpuan juga perlu diberi kepada longkang-longkang, parit di kawasan luar bandar untuk tujuan mengatasi banjir kilat yang berlaku di kampung-kampung. Banjir juga berlaku di kawasan kampung walaupun dalam masa singkat, bila air masuk dalam rumah setakat buku lali pun memang adalah kerosakan dan kena buat pembersihan rumah. Jadi ini berlaku di kampung-kampung juga kerana isu longkang yang tidak sempurna. Saya harap kalau boleh masukkan pihak PBT, pihak JPS dan sebagainya, masukkan juga pembaikan parit, longkang di kawasan luar bandar untuk mengalirkan air keluar daripada kawasan kampung.

Seterusnya dari segi penjelasan soalan bertulis, soalan bertulis saya adalah berkaitan dengan lesen kafe siber dan syarat-syaratnya. Jawapan yang diterima dari segi syarat dan sebagainya cuma apa yang saya nak bangkitkan di sini dari segi penguatkuasaan tahap pelanggaran syarat yang ditetapkan. Banyak *cyber cafe* ... (dengan izin), beroperasi dengan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Ada budak sekolah masuk dengan pakaian seragam, beroperasi sampai lebih daripada 12:00 malam. Tak beroperasi di tingkat bawah, sepatutnya beroperasi di tingkat bawah. Kadang-kadang buat di atas. Umur mungkin kurang daripada 18 tahun dan ada juga unsur-unsur judi di *cyber cafe*. Ini berlaku di Sungai Dua. Sekolah dekat iaitu Sekolah Ahmad Said, budak budaknya pergi di situ. Ini merupakan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian selain daripada syarat-syarat yang kita bagi, kita juga kena buat penguatkuasaan yang ketat bagi memastikan *cyber cafe* ini beroperasi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Kedua tentang ternakan khinzir di Pongsu Seribu. Saya dah buat lawatan dulu dengan pihak jabatan dan kawasan itu masih lagi beroperasi sehingga ke hari ini walaupun YB. Sungai Puyu bangkitkan siapa dulu. Khinzir dulu atau rumah dulu. Jadi kalau ternakan itu sudah lama mungkin ada masalah kita hendak atasi atau sebagainya. Saya cuma nak minta belas ihsan, kalau boleh kita ambil tindakan kerana kawasan itu terlalu hampir dengan rumah, dekat sangat walaupun dah buat lama ternakan khinzir. Tapi dah terlalu hampir dengan perumahan UDA, dengan kampung dan sebagainya. Dan ini menimbulkan satu masalah kepada penduduk di situ. Rumah saya pun dekat di situ. Pagi-pagi bila hujan, tak tahan. Malam pun timbullah masalah pencemaran, malam-malam hilang *mood*.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan, pendek kata, Sungai Dua kata tutup sahaja. Betul atau tidak? Cadangan Sungai Dua adalah tutup jangan benarkan mereka bela khinzir. Apa keadaan untuk *food security*? Tadi saya sudah bagi penjelasan, jika tutup langsung habis, saya soal tanya pada dia, dia kata tutup...(gangguan), baik nak tutup sama dia tak? *You* sendiri sudah faham. Pada dulunya mereka ada di sana, apabila mereka membina rumah, buat kemajuan sudah berdekatan, *you* sudah tahu, bukan *you* tak tahu, *you* tahu keadaannya, betul tak? Jika tutup habis semua ladang-ladang khinzir tetapi juga menghadapi satu masalah....(gangguan). Khinzir tak ada, lembu tak ada, nak makan apa?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey teruskan. Kita angkat untuk nasihat Batu Maung.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya cuma minta kalau dipertimbangkan atau pun satu kaedah untuk diselesaikan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya tanya satu soalan saja, tadi saya tanya kena tutupkah, dia kata ya tutup. Bukan nak bincang, kalau nak bincang, kami sentiasa bincang kerana sekarang nak bercakap kepentingan satu pihak sahaja, betul tak? Bersetuju tak?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey, kita bincang supaya tidak timbul masalah kepada penduduk di kawasan itu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Bukan terus panggil tutup.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya dah bincang dulu tapi tak jadi. Ini kena bincang lagi sekalilah.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Tadi ada kata tutup, saya tanya nak kena tutup atau tidak.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Kita bincang balik, ambil tindakan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

laitu kata tadi kata itu kena tarik baliklah sekarang, bincanglah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Nanti takut jadi isu lain. Takut masyarakat marah jadi perkara lain, susah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila sambung.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey, ketiganya tentang soalan berkaitan tanah wakaf di Negeri Pulau Pinang, mengenai keluasan tanah wakaf. Terdapat 1,837 ekar tanah wakaf di Negeri Pulau Pinang. Soalan saya adakah sebarang bentuk perancangan pembangunan untuk tanah wakaf ini oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP) bagi tanah wakaf yang boleh dibangunkan? Saya faham ada wakaf khusus, ada wakaf umum, am dan sebagainya. Jadi apa yang boleh dibangunkan ini, apa yang boleh dirancangkan oleh peringkat MAIPP untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

Soalan keempat khinzir lagi. Keluaran daging khinzir dan nilai jualan di Pulau Pinang. Jawapan yang diberikan terdapat 203 ladang khinzir, 330,840 ekor dan diakui jumlah keluaran 31,457 metrik tan dengan nilai RM226.5 juta. Dan diakui dalam jawapan ini diedarkan bagi keperluan di lain-lain negeri. Maksudnya bukan semua ini digunakan untuk tempatan. Jadi mungkin ada ruang untuk kita bincangkan balik atau pun kita *close down* sebahagian, bincang baliklah. Mungkin dilihat cukup untuk keperluan *state* banyak mana. Untuk domestik banyak mana, lebihan kita fikirkan baliklah macam mana cara, terlampau lebih ini, lebih daripada yang diperlukan, okey.

Satu lagi soalan bertulis Dewan adalah berkaitan Perbelanjaan Mengurus KADUN dan juga Pejabat Ketua Menteri. Jawapan yang saya terima, jawapan Y.A.B. Ketua Menteri berkaitan bilangan anggota di dalam Pejabat Ketua Menteri dan penerangan yang mana dijawab daripada sebahagian Pejabat Ketua Menteri menunjukkan keperluan kos sebulan adalah RM151,458 dan penerangan adalah RM623.200, bermakna jumlah Pejabat Ketua Menteri dengan hampir 60 anggota menelan belanja RM213,778 sebulan. Manakala peruntukan untuk semua KADUN termasuk penyelaras KADUN, Pakatan Rakyat, dalam kawasan Barisan Nasional adalah RM15 juta untuk tahun 2012 dan RM14.7 juta untuk tahun 2013. Kita tiada maklumat untuk tahun 2014. Ini bermakna secara purata setiap ADUN dan penyelaras Pakatan Rakyat menerima sejumlah RM350,000 setiap tahun. Adakah peruntukan ini untuk projek kecil dan bekalan atau untuk perbelanjaan pusat khidmat masing-masing? Itu soalan saya. Peruntukan sedemikian amat besar kerana tidak wujud dalam zaman pentadbiran BN kerana peruntukan dahulu adalah RM80,000 untuk projek kecil dan RM60,000 untuk bekalan. Ini bermakna setiap ADUN dan penyelaras dalam Pakatan Rakyat menerima hampir RM30,000 sebulan. Bagi Y.A.B. Ketua Menteri, jumlah perbelanjaannya hampir RM240,000 sebulan dengan mencampurkan kos diatas kalau silap tolong betulkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tolong ulangi kenyataan itu, RM30,000, ulangi jawapan kami nak dengar sekali lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

RM350,000 itu setiap tahun dibahagilah dengan 12. Lebih kurang RM30,000 *average*. Untuk peruntukan bulanan dan tahunan KADUN, ini saya ambil jawapan. Bagi Y.A.B. Ketua Menteri, jumlah perbelanjaannya ini saya hampir RM240,000 sebulan. Tadi RM213,000 campur dengan RM30,000 untuk ADUN. Semua perbelanjaan anggota di Pejabat Ketua Menteri dan pusat khidmat. Jadi inilah kemungkinan mengapa bajet agak tinggi perbelanjaannya. Jadi itu jawapannya dan kalau boleh jelaskan dalam penggulangan nanti. Dan seterusnya isu-isu ada sedikit sahaja isu. Saya minta pertamanya isu kenaikan sewa gerai seperti mana sahabat-sahabat saya dari Bertam, Penaga dan Machang Bubuk bangkitkan. Kalau boleh, saya minta pihak MPSP mengkaji semula. Orang jual di *market*, pasar ini kadang-kadang bukan senang sangat. Pendapatan harian agak kecil, kena beli barang untuk dijual dan sebagainya. Kalau boleh dikaji semula perkara ini. Keduanya isu pinjaman 'Along.' Kalau boleh pihak MPSP dipohon untuk menurunkan *banner*, *banner* 'Along' yang terlampau banyak di kampung-kampung, di pekan-pekan. 'Along' merata-rata, jadi kalau boleh diturunkan. Naik sahaja, turun. Jangan bagi dia naik, nanti dengan saya, saya pi kat 'Along.' susah....(ketawa).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta maaf Sungai Dua. Memang saya setuju apa yang dikatakan oleh Sungai Dua di mana *banner-banner* yang haram, bukan sahaja di Sungai Dua, di kawasan saya pun sama. Ini telah mencerminkan bahawa secara tidak langsung menggalakkan pinjaman-pinjaman kepada penduduk-penduduk terutama mereka akan fokus di taman-taman dan selain daripada itu, mereka juga akan merosakkan papan tanda MPSP, *stop logo* dan pokok. Semasa saya jadi Ahli Majlis, saya memang tekankan supaya memperkuatkuasa untuk ambil tindakan. Dan di sini saya hendak ambil tindakan Yang Berhormat Sungai Dua, saya mahu tanya Kerajaan Tempatan mahu pun di MPPP dan MPSP, berapa pekerja *team* untuk menguruskan, turunkan *banner-banner* yang haram tersebut. Kalau boleh, agihkan ikut daerah, kalau boleh ikutlah syif dan seperti tadi yang Sungai Dua katakan, hari Sabtu dan Ahad. Memang susah hari Sabtu dan Ahad kita nak panggil pegawai dan saya setuju panggil pekerja-pekerja supaya kadang-kadang yang mereka nak buat haram, mereka akan ambil kesempatan. Mereka tahulah Sabtu dan Ahad tidak kerja, seperti dalam ucapan saya semalam. Jabatan Alam Sekitar pun sama, mereka selepas *working hour* tidak ada pekerja untuk sesiapa buat aduan tentang pembakaran sampah terbuka. Sama dengan isu ini, saya lihat agensi-agensi Kerajaan, jabatan-jabatan mahu pun pejabat tanah, kalau boleh kita atur semula supaya untuk menjalankan kerja-kerja dan mempercepatkan kerja-kerja penguatkuasaan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih Jawi kerana menyokong. Seterusnya isu tanah tapak perkuburan Islam. Saya nampak di kawasan Sungai Dua semakin sempit dan kurang, hari hari ada orang mati. Jadi kalau boleh pihak Majlis Agama Islam melihat isu ini dan cuba untuk mencari satu kaedah dan jalan untuk ditambahkan dan diwujudkan wakaf untuk tanah perkuburan supaya terdapat kawasan yang lebih luas bagi tanah perkuburan di semua kawasan di Negeri Pulau Pinang ini. Dan seterusnya tentang pencemaran sungai, jarak dan Sungai Prai, terdapat 205 orang nelayan sungai yang menjalankan aktiviti nelayan sekurang-kurangnya 30% daripada aktiviti hariannya. Jadi mereka ini menjadikan sungai sebagai tapak tempat untuk mencari rezeki, mencarai udang galah, ikan dan sebagainya. *Alhamdulillah*, pada tahun depan, nelayan su ngai ini akan dapat bantuan sara hidup sebanyak RM200.00 bagi setiap seorang nelayan sungai. Dan sungai ini telah tercemar dan terdapat ikan-ikan dan udang-udang yang telah mati, benih-benih udang yang dilepaskan pun kebanyakannya mati. Dan tak boleh *survive*, terdapat juga banyak ikan-ikan keli dalam itu selain daripada pencemaran. Keli ini boleh hidup dalam kawasan air yang teruk pun, tapi dia makan habis anak-anak ikan dan anak-anak udang. Jadi harap Kerajaan Negeri dan jabatan di bawahnya dapat melakukan sesuatu untuk memulihkan keadaan sungai. Dan kita sudah sediakan jeti di kawasan tersebut, di Jeti Tasek Gelugor, di Jeti Lebuh Banting dan juga di Pengkalan Machang. Dan satu lagi harapan saya, nelayan ini telah mendapat surat notis daripada pihak pejabat tentang TOL, saya harap kalau boleh kita pertimbangkan untuk kegunaan di kawasan, bukan untuk kegunaan orang lain. Notis saya dapat mungkin ada orang yang protes dan buat bantahan. Jadi dah dikeluarkan notis dan *insya-Allah* kita akan buat rayuan untuk dapatkan milikan TOL kepada Persatuan Nelayan ini.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan. Saya nak tanya YB. Sungai Dua. Pasal yang nelayan itu, saya nak tahu ada tak nelayan di kawasan membuat *complaint* mengenai kalau dia nak lalu pi Sungai Prai itu, kan pintu air Ampang Jajar itu nelayan hanya boleh lepas selepas air itu surut. Jadi ada tak Kerajaan Persekutuan, JKR ke akan membuat jambatan supaya bot-bot nelayan itu boleh lalu, walaupun bukan dalam keadaan surut.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Baiklah benda ini saya akan bincang dengan Penanti untuk kita buat proposal yang baik. Dan yang terakhir tentang isu PPS. Maaf, bukan isu...(gangguan) PPS...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Netaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Bukan isu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Belum lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

PPS kalau boleh kita seselasikan dengan cara yang terbaik, kita daftar dan sebagainya. Cuma saya nak sentuh sikit di sini kalau boleh PPS....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Netaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya cadang Sungai Dua jadi Menteri Dalam Negeri...(ketawa). Saya sokong.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey, terima kasih. PPS jalankankan tugas yang betul seperti sukarela, *guard* dan sebagainya. Jangan PPS pi kutip bayaran, ada saya dengar di Sungai Dua, PPS kutip bayaran. Ada saya dengar di Sungai Dua, PPS pi kutip bayaran.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, inilah saya sebagai kawan mintalah, itu adalah tuduhan tidak berasas langsung.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Ini saya dengar.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Secara kawan, saya sokong dia jadi Menteri Dalam Negeri, bagi dia peluang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Belum habis lagi. *You* nak bagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit sahaja, terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma, saya minta kalau boleh buktikan, okey saya minta kalau boleh betul, saya minta buktikan tuduhan tersebut kerana setahu saya memang perkara ini langsung tidak berlaku. Kalau betul saya minta buktikan tuduhan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Itu saya dengar daripada orang Kampung Desa Murni, orang yang terlibat dengan rumah dan rumah kedai. Orang Sungai Dua, Taman Desa Murni, ada PPS di situ. Jadi kalau ada bukti saya akan bagi bukti. Kalau tak betul, saya minta maaf. Cuma saya buat teguran untuk kebaikan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Sedikit sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Tak apalah, nanti *you* gulunglah. Saya nak habis dah, satu saja *last*.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya nak beritahu....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya ingat itu sahaja, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Di sini saya hendak bagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Tak bagi, tak bagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dia tak bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Tak okey...(ketawa). Okey duduk...(ketawa).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kena jawab.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Memang, sedikit saja. Memang kami tidak menerima dari sesiapaupun.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya ingi itu sajalah.



**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Bukan-bukan ini kalau *keep and run* itu salah, faham tak.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey, okey.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

YB. Sungai Dua, kalau betul betul *accident, accident*, kalau sudah betul-betul *accident*, sudah cakap....(gangguan), itu salah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih banyak kepada semua jabatan yang memberi sokongan kepada saya selama setahun lebih ini. Saya rasa sokongan cukup baik, Jabatan Negeri baik, Jabatan Persekutuan baik, sokongan cukup baik, kerja saya senang, kerja saya mudah, panggil saya turun, saya turun untuk perjumpaan. Terima kasih banyak dan dengan itu saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya. YB. Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2015 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Bajet 2015 yang bertemakan Melabur Dalam Pendidikan, Menjana Kemajuan Demi Memenangi Masa Depan dan Kesejahteraan Rakyat merupakan satu tema yang baik dan sepatutnya diadaptasikan dalam bentuk pelaksanaan berupa *research and development*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Bajet 2015 kali ini dilihat lebih menumpukan dalam bidang pendidikan seperti usaha membawa sistem pendidikan vokasional dari Jerman bagi melatih pelajar yang bakal diserapkan ke dalam syarikat mereka. Walaupun usaha ini masih di dalam proses perbincangan, namun diharapkan ia akan berjaya dan berjalan dengan lancarnya. Dengan itu, peluang pekerjaan dan pendidikan bergerak seiring dengan matlamat Kerajaan Negeri seperti mana yang direncanakan melalui tiga (3) strategi utama bajet, tetapi hanya dua (2) sahaja saya petik di sini untuk rujukan. Iaitu Memperkukuhkan Kewangan Negeri dan Mempertingkatkan Daya Saing Negeri dan Memperkasakan Pembangunan Modal Insan Dengan Mengukuhkan Pendidikan dan Penguasaan Ilmu Pengetahuan.

Bagi merealisasikan dua (2) strategi ini, maka diwujudkan beberapa modul dan pusat pendidikan seperti *Esteem*, STEM, Pusat Animasi, Pusat IKS Pulau Pinang, Pusat Penasihat Pasaran Sumber dan Latihan IKS Pulau Pinang, *Penang Science Cafe*, *Penang Tech Dome* dan *Penang Learning Centre*. Dengan tertubuhnya tempat-tempat pembelajaran seperti ini, bakal merealisasikan matlamat menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah negeri maju, pintar dan bertaraf antarabangsa menjelang 2015. Berikutan pengucupan kadar pengangguran di Pulau Pinang, sebanyak 1.7% berbanding kadar purata nasional 3.2% pada tahun 2013, adalah diharapkan dengan pelaksanaan program-program ini, dapat memberi lebih banyak peluang pekerjaan dan penurunan kadar pengangguran di Pulau Pinang kepada keparas minimum pada tahun hadapan. Adalah juga diharapkan dengan penubuhan Pusat Penasihat Pasaran Sumber dan Latihan IKS Pulau Pinang, *Penang SME Centre*, tidak hanya tertumpu kepada kawasan luar bandar sahaja, kawasan separa bandar juga berpotensi bagi merealisasikan impian ini. Begitu juga dengan terlaksananya hub *Business Process Outsourcing (BPO)* adalah diharapkan peluang pekerjaan yang dijangkakan sebanyak 30,000 penjawatan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat tempatan khususnya beliawanis dan ibu tunggal, sekali gus dapat membantu golongan ini berikutan kekangan hidup akibat daripada kenaikan kos sara hidup.

Suka saya bangkitkan di dalam Dewan ini agar peranan dan peluang diberikan terhadap beliawanis di Pulau Pinang ini agar lebih berdaya saing dan menceburi bidang-bidang yang dimonopoli oleh golongan lelaki seperti Industri Pembuatan dan Mekanikal. Dengan itu saya berharap Kerajaan Negeri dapat mewujudkan pusat-pusat latihan khusus untuk beliawanis dalam sektor industri pembuatan dan perkhidmatan agar kebergantungan mereka ini terhadap sektor perkilangan (operator) dapat dikurangkan. Begitu juga belia yang lain di mana keperluan mewujudkan satu alternatif baru dalam menempatkan mereka ini di dalam sektor-sektor perkhidmatan dan pembuatan amatlah dialu-alukan.

Sebagai ADUN Sungai Pinang, saya amat berbesar hati dan mengalu-alukan seandainya kawasan Sungai Pinang dijadikan *hub* untuk melatih dan menempatkan pusat-pusat latihan memandangkan Sungai Pinang merupakan sebuah tempat yang pesat dibangunkan dalam sektor perkhidmatan pembaikan jentera motor sejak dahulu lagi. Di antara yang juga perlu diberi perhatian Kerajaan adalah pembangunan modal insan di kalangan belia muda di mana kita sekarang ini risaukan dengan pelbagai insiden salah laku dan pelbagai lagi yang melibatkan golongan belia. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan untuk mewujudkan pusat-pusat latihan, kursus-kursus kesedaran berkenaan kesedaran sivik dan tatanegara.

Kerajaan Negeri dalam bajet yang lepas pernah dicadangkan satu Program Pemerkasaan Kendiri Belia seperti *Smart Camp*, bagi membentuk atau menilai tahap pemikiran dan penerimaan belia terhadap masalah sosial terkini. Apakah sudah ada perancangan dari pihak Kerajaan untuk memulakannya atau ada lain-lain perancangan seumpamanya? Tujuan mewujudkan program sebegini adalah untuk mendidik pemuda-pemudi agar lebih prihatin dalam isu sosial, peranan dalam masyarakat dan hala tuju mereka sebagai bakal pemimpin pelapis. Adalah kewajaran program ini dikaji akan keperluannya oleh EXCO berkaitan dan saya

mengharapkan satu keputusan yang baik di pihak Kerajaan Negeri bagi merealisasikannya. Dengan ini, saya ingin mencadangkan *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) dan *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) ....(dengan izin) diberikan ruang yang secukupnya dalam merencanakan program-program yang melibatkan kepentingan masyarakat khususnya belia. Sebagai contoh, PWDC telah berjaya di dalam projek usaha sama yang melibatkan MPPP melalui Program GRPB seperti Kontrak Pembersihan Komuniti PPR Jalan Sungai, yang kini dikendalikan oleh Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai iaitu PKPJS.

Untuk pengetahuan Ahli Dewan sekalian, dahulunya kontrak pembersihan diberikan kepada kontraktor luar. Selepas penubuhan Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai, melalui Proses Pilihanraya Demokrasi, kerja-kerja pembersihan diberi terus kepada mereka. Ini sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di sana dan ternyata ia berjaya mengubah keadaan persekitaran yang bersih berbanding dahulu dan tanggapan masyarakat luar kepada penduduk PPR di sana juga berubah ke arah lebih positif. Ternyata kontrak komuniti ini membawa manfaat kepada komuniti tempatan. Dengan secara langsung, penduduk-penduduk tempatan memperolehi pekerjaan dan impak yang penting diperolehi adalah komitmen dan rasa milik oleh pekerja. Pekerja kontrak pembersihan itu adalah yang terdiri daripada penduduk PPR Jalan Sungai. Tahniah diucapkan juga kepada MPPP dan MPSP kerana dianugerahkan *The International Observatory on Participatory Democracy Award*, iaitu '*Special Mention Award for Best Practise In Citizen Participation*' di Canoas, Brazil dan MPSP juga menerima pengiktirafan sebagai *Best Cities Award and best Cities Manager Award* daripada *Europe Business Assembly*. Semua ini adalah hasil usaha gigih MPPP dan MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Langkah usaha sebeginilah yang sepatutnya dijalankan di antara agensi-agensi Kerajaan bagi mendapatkan satu keputusan yang cemerlang. Bukan sahaja selalu aduan-aduan terhadap MPPP atau MPSP sahaja, malah mereka dapat *award*, PWDC juga. Tahniah diucapkan, tepuklah sikit.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan. Kita lihat juga, saya juga ingin menyumbangkan buah fikiran saya. Kita harus memberi kredit kepada MPPP dan MPSP kerana kedua-dua PBT ini diketuai oleh wanita, betul? Jadi saya rasa itu merupakan faktor, bagilah tepukan sikit....(tepu). Saya sokong wanita ini, tapi kita lihat, bila kita di Pakatan Rakyat, cuba meningkatkan lagi penglibatan kaum wanita dalam PBT, ia telah secara tidak langsung memberi kesan di mana kita lihat telah memperkasakan lagi kaum wanita tapi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh dua (2) pihak PBT. Dan walaupun ada pihak-pihak daripada pihak Barisan Nasional yang ada di sini, kita lihat mereka tidak begitu menggalakkan penglibatan kaum wanita dalam bidang politik. Kalau kita lihat berbalik kepada krisis politik di Selangor, di mana pihak Barisan Nasional saya rasa telah sedikit sebanyak cuba menghalang pelantikan kawan atau Dato' Seri Wan Azizah untuk menyandang jawatan Menteri Besar. Ini adalah perbezaan buah fikiran saya, perbezaan di antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional di mana, kita memberi peluang kepada kaum wanita di mana melibatkan diri dalam PBT, politik dan juga cuba memperkasakan kaum wanita berbanding dengan pihak Barisan Nasinal, ini pandangan saya.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya rasa UMNO tak berminat untuk nak masuk campur dalam urusan rumah tangga Selangor. Lebih-lebih lagi kita di Dewan Pulau Pinang ini langsung tak berminat, so tak payah nak bawa kami ke sanalah. Cukup di Pulau Pinang, cukup. Tak payah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat salah, tapi YB. Pulau Betong menyatakan ini adalah isu rumah tangga, tapi kita lihat ini bukan isu rumah tangga. Ini adalah isu berkenaan dengan penglibatan kaum wanita, memperkasakan wanita.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Seri Delima, saya pernah buat....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak minta laluan daripada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan, minta laluan. Macam YB. Sungai Puyu, ya, selamat malam. YB. Seri Delima, selamat malam, *wake up*. Seri Delima kata kita tak memperkasakan wanita, tidak menyokong wanita. Menggalakkan wanita dalam politik, yang depan saya ni siapa? Ketua Pembangkang dalam Dewan ini pun perempuan, perempuan. Jadi soal di Selangor tu, soal luar daripada kita, selamat malam, selamat malam. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Pinang sila buat sambung yang lain duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih. Kita membincang untuk pencapaian 30%. Jawapan daripada soalan bertulis saya, memang penyertaan kaum wanita dalam pelbagai sektor semakin meningkat. Jawatan yang diketuai oleh wanita di semua jabatan bawah Kerajaan Negeri seramai 8 orang pegawai wanita iaitu bersamaan dengan 30% berbanding dengan 10% daripada barisan di sebelah sana. Okey, terima kasih.

YB. Dato' Speaker, apabila kita berbicara tentang kebersihan, maka perkara yang akan dikaitkan bersama adalah kesihatan, makanya kesedaran dalam menjaga kebersihan dan menghargai bumi ini sebagai tempat tinggal bersama adalah amat perlu oleh semua peringkat. Dengan ini, saya mengharap EXCO yang berkait

rapat dengan kesihatan melihat perkara ini dengan lebih serius dan diharapkan satu gandingan mantap di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Kementerian Kesihatan dapat diterjemahkan sebaik mungkin dalam menjaga kepentingan awam.

Untuk pengetahuan semua, di kawasan saya terdapat banyak projek pembangunan yang melibatkan sektor swasta. Tapak pembangunan dan tanah terbiar adalah penyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes jikalau tiada pemantauan yang ketat oleh agensi berkaitan. Saya menyeru perkara ini dapat perhatian dan kerjasama dari semua pihak supaya membantu mengurangkan jumlah kes jangkitan denggi di kawasan saya. Justeru dengan pelaksanaan projek perintis pemasangan *mosquito magnet* ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan pemantauan yang lebih serius dalam masa enam (6) bulan pelaksanaan. Jangan jadikan ia hanya retorik semata-mata. Begitu juga program-program gotong-royong, pameran kesedaran, kesihatan membabitkan agensi Kerajaan Negeri dan Pusat perlulah diseragamkan serta perlu dipastikan juga pengurangan jurang birokrasi di antara agensi-agensi terbabit.

Persekitaran yang baik dan sihat melambangkan kejayaan sesuatu Kerajaan atau komuniti masyarakat dalam membentuk tahap kesedaran yang tinggi tentang kebersihan dan menghargai alam sekitar. Sehubungan dengan itu, peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh agensi-agensi yang berkaitan adalah amat penting sekali. Dengan itu, satu modul baru dalam memupuk kesedaran terhadap kepentingan menghargai alam sekitar amatlah diharapkan. Bersetujukan kita, apabila alam ini dihargai dan diuruskan dengan baik oleh manusia sejagat, maka percayalah bahawa bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh, hakisan pantai mungkin dapat dikurangkan ke tahap terendah sekali. Melalui Kerajaan Tempatan adalah diharapkan sebarang pemajuan yang bakal merugikan generasi akan datang terhadap alam sekitar perlulah disedari dari awal lagi. Perkara ini sepatutnya dirancang dengan teliti dan bertanggungjawab kerana alam ini hak kita bersama dan akan diwarisi kepada generasi akan datang. Seharusnya kita di sini mewariskan perkara dan keadaan yang baik agar apa yang diwariskan dapat disambung legasinya kepada yang lain.

Pendekatan dan modul baru perlu diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dalam memimpin rakyat terhadap tahap kesedaran menjaga kebersihan dan kesihatan. Jangan disebabkan kurangnya kesedaran ini, pihak yang tidak berdosa menjadi mangsanya. Sebagai contohnya, penyumbang kepada pencemaran Sungai Pinang adalah disebabkan aliran dari sungai-sungai kecil, mungkin sekarang ini lebih sesuai didefinisikan sebagai longkang, sisa-sisa kumbahan perumahan lama yang mengalir melalui sungai-sungai tersebut seterusnya ke Sungai Pinang dan laut. Saya nak ambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Kerajaan Tempatan dan Tebatan Banjir, YB. Padang Kota kerana prihatin dalam menangani masalah ini dengan pelaksanaan IQPR bagi menangani masalah pencemaran sungai. Perlu juga Dewan ini maklum akan pelaksanaan program ini adalah kesinambungan daripada program-program pemulihan sungai terdahulu.

Kembali semula kepada isu pencemaran Sungai Pinang terdahulu, telah memberi impak yang tidak baik kepada nelayan-nelayan pantai di kawasan saya. Beberapa pertemuan dengan wakil-wakil nelayan pantai ini telah disuarakan

berkenaan penambahan kos minyak iaitu petrol yang terpaksa ditanggung oleh mereka kerana dipesisir pantai Sungai Pinang cetek, berselut akibat dari pengaliran air dan sisa enapan dari Sungai Pinang. Akibat daripada situasi sebegini, jumlah tangkapan ikan juga susut dan banyak nelayan yang umpama 'Hidup segan mati tak mahu'. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan saya agar pihak Kerajaan melihat isu ini dan memperuntukkan kepada agensi yang berkaitan agar dapat membantu nelayan-nelayan ini.

Bantuan seperti menaik tarap Pusat Pendaratan Ikan di Sungai Pinang seperti membina jambatan baru bagi menempatkan nelayan-nelayan, mendalamkan laluan air bagi memudahkan aktiviti keluar masuk bot-bot, bangsal-bangsal yang lebih selesa untuk menyimpan barang adalah jalan terbaik. *One Stop Centre* mungkin boleh diadaptasikan di sana bagi sektor perikanan berikutan kewujudan kompleks makanan dan pasar bersebelahan dengan tempat tersebut. Ini bakal memberi peluang kepada nelayan-nelayan dalam memasarkan terus hasil tangkapan mereka. Dengan ini, adalah dicadangkan perkara ini dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan dan kerjasama agensi berkaitan industri perikanan dapat diterjemahkan dengan pelaksanaan yang lebih efisien dan pro aktif.

YB. Dato' Speaker yang dihormati, mendidik adalah sukar berbanding mengajar, dengan itu pendidikan pra sekolah adalah perkara yang selalu dibangkitkan tetapi pendidikan untuk golongan miskin seperti pusat tuisyen amatlah kurang diketengahkan. Peningkatan kos sara hidup adalah antara faktor kurang penumpuan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak di rumah disebabkan kesibukan ibu bapa bekerja. Disebabkan perkara-perkara tersebut ibu bapa ini untuk menghantar anak-anak ke kelas tuisyen diibaratkan seperti "di luah mati emak, ditelan mati bapa," tersepit di antara tanggungjawab dan keperluan. Justeru itu, dengan rendah hati dan berbesar hati, saya berharap pihak Kerajaan lebih prihatin dalam isu ini. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri mengkaji untuk membuka seumpama pusat tuisyen komuniti dengan sumber kewangan hasil lebihan penjimatan. Keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mensifarkan miskin tegar amatlah dialu-alukan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih diucapkan. Tetapi dalam mengurus dan mengenal pasti golongan sasaran ini bukanlah kerja yang mudah.

Seperti mana yang sedia maklum, kerja-kerja ini dilakukan oleh Penghulu atau Pegawai Seranta Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras dan dibantu juga oleh JKKK. Oleh yang demikian, dengan kekangan kerja adalah dirasakan ada keperluan diwujudkan atau ditambah pegawai khusus bagi mengurus terus dalam erti kata lain penumpuan penuh pentadbiran bagi merealisasikan agenda miskin sifar dalam bentuk bantuan dan pendidikan supaya golongan ini boleh dikeluarkan terus dari kemiskinan. Program Emas Kerajaan Negeri adalah amat baik dari segi membantu rakyat walau pun jumlahnya tidak seberapa, tetapi bantuan atau sumbangan untuk kematian bagi warga emas, masuk ke Pusat Pengajian Awam IPTA sebanyak RM1,000.00 perlu diperluaskan lagi kepada golongan muda yang mendirikan rumah tangga di bawah umur 35 tahun. Golongan ini adalah antara yang paling terkesan dalam memulakan kehidupan baru. Dengan peningkatan kos perkahwinan, hutang PTPTN, sewa rumah, pinjaman kenderaan dan sebagainya adalah dicadangkan Kerajaan Negeri memberi sumbangan *one off* kepada golongan ini sebagai tanda prihatin Kerajaan Negeri....(gangguan). Tahniah kepada YB. Jawi....(gangguan). Saya cadangkan supaya kita bagi sumbangan kepada golongan muda yang akan mendirikan rumah tangga di bawah 35 tahun.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Cakap tentang kahwin ini saya pun..... (gangguan), saya sudah kahwin tapi yang saya ingin tanya apakah cadangan Yang Berhormat ini adalah orang yang kahwin kali pertama atau pun yang kahwin kali kedua, kali ketiga ataupun kali keempat atau satu sahaja, itu adalah pertanyaan saya yang pertama Yang Berhormat. Saya cadangkan ia boleh diberi terma kahwin mas, pemberian wang kahwin mas. Maksudnya kalau kahwin 30 tahun ke bawah kali pertama, kita beri sumbangan RM100.00, tapi kali kedua kita boleh pertimbangkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih YB. Seri Delima. Ini kita biar Kerajaan Negeri membuat kajian bahawa, saya rasa kahwin pertamalah, tapi.....(gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan salah faham, Yang Berhormat. Saya minta laluan, sikit. Jangan salah faham. Yang beragama Islam boleh berkahwin empat (4) kali jadi itu sebab saya tanya kalau yang beragama Islam ia nak memohon kita boleh beri empat kali. Tapi yang bukan beragama Islam kalau syaratnya hanya berkahwin sekali saja, boleh diberi sekali. Tapi kadang kala kalau jodoh itu tak ada, bercerai mungkin kahwin kali kedua boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Kita memberi apa-apa insentif itu untuk menggalakkan apakah kita nak menggalakkan, apa tujuannya. Orang akan kahwin sama ada awak bagi insentif atau tidak, jadi itu saya rasa tak perlulah. Tapi memang ada rancangan bahawa kita nak berikan kursus pra kahwin kursus untuk mereka menyemak sama ada harapan atau *expectation* ada sama atau tidak, kerana itu *expectation* yang tidak sama akan menyebabkan masalah perkahwinan dan keluarga. Jadi untuk mereka yang boleh kahwin dengan pakej, mereka ada pakej, jadi mungkin saya ada rancangan nak bekerjasama dengan syarikat seperti ini. Pakej perkahwinan itu termasuk juga satu kursus praperkahwinan. Untuk mereka yang tak dapat menyertai seperti ini, mereka akan kahwin ada sedikit masalah dengan kewangan itu kita boleh *sponsor*. Itulah cadangan supaya kita ada tujuan supaya mengurangkan masalah perkahwinan, itulah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat saya tambah sikit.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Cadangan untuk buat pra perkahwinan, ini yang belum kahwin, tapi yang banyak bagi masalah selepas kahwin, sudah kahwin timbul masalah, tak persefahaman, masalah *family with you mother law* dan sebagainya. Ini kita kena juga buat *program post, post* perkahwinan, buat *parenthood capacity building*, bagi yang dah kahwin 20 tahun ke bawah kita hantar, tengok kesesuaian, tengok masalah untuk penambahbaikan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Memang itu ada *point* juga ya, tapi kalau ada kursus pra kahwin kita sudah beritahu mereka apa perkara *you go aspect mean a marriage then how you won to communicate with you mother in law or father in law* jadi itu semua sekalilah kita sediakan dia supaya dia ada persediaan, dia tahu *what aspect in a marriage* tapi untuk *parenting* kita pun memang ada rancangan akan atasi kursus *parenting* kerana mereka yang, *young parent* pertama kali menjadi ahli ibu bapa, mereka memerlukan seperti ini juga jadi kita akan jalankan ini juga terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan, sikit saja, saya kurang bersetuju daripada Yang Berhormat daripada Padang Lalang kerana mengatakan bahawa orang-orang akan berkahwin juga dan kalau kita lihat di Singapura tanpa insentif di Singapura, kita lihat banyak sangat yang tidak mahu berkahwin hanya mengejar *career* dan keria dan tidak mahu berkahwin *be caught out phenomena* ini sedikit sebanyak telah mula menular sehingga ke Pulau Pinang. Saya punya banyak rakan-rakan yang adalah Peguam, Jurutera yang memang berjaya dalam kerjaya mereka tetapi takut sangat hendak kahwin, takut sangat hendak kahwin sebab mungkin jodoh tidak ada atau mungkin takut atau mungkin ada presepsi lain tentang perkahwinan, jadi mungkin cadangan Yang Berhormat Sungai Pinang ini bagus, cadangan Yang Berhormat Padang Lalang juga bagus, kalau kita terima RM100.00 dan Kerajaan Negeri boleh *sponsor* sedikit saya rasa banyak lagi orang akan kahwin di Pulau Pinang, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih kepada Seri Delima, Padang Lalang dan Sungai Dua isu perkahwinan itu ramai yang berminat, saya rasa bukan sahaja perkahwinan, melahirkan lebih anak juga satu galakkan...(gangguan), tolong meningkatkan populasi Negeri Pulau Pinang kita juga ya.

YB. Dato' Speaker di antara soalan bertulis saya, berkenaan cadangan Pembinaan Masjid di Bandar Baru Jelutong, iaitu kawasan DUN Sungai Pinang. Jawapan daripada EXCO berkaitan menjelaskan bahawa rancangan pembinaan Masjid Bandar Baru Jelutong dijangka bermula pada tahun 2016. Masjid ini akan dibina bersama dengan bangunan pentadbiran Pusat Islam dan Dewan Orang Ramai dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM7 juta.



Persoalannya di sini, sudah berapa lamakah Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP) menyediakan tanah untuk tujuan tersebut dan mengapakah mengambil masa yang begitu lama untuk diluluskan pembinaannya?

Adakah keseluruhan peruntukan untuk pembinaan disediakan oleh Kerajaan Persekutuan? Saya berharap perkara ini dapat disegerakan memandangkan memang ada keperluan bagi masyarakat Islam di sana memiliki sebuah masjid.

Berkenaan projek pembinaan jambatan baru merentasi Sungai Pinang. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri melalui MPPP kerana telah membina sebuah jambatan merentangi Sungai Pinang untuk kegunaan pejalan kaki dan pengguna basikal yang telah siap dibina dengan nilai RM4.2 juta. Tujuan pembinaan jambatan basikal tersebut adalah untuk memudahkan penduduk yang terdiri daripada pengguna basikal dan pejalan kaki di sekitarnya berhubung tanpa perlu menggunakan lebuh raya. Di samping itu juga menggalakkan lebih ramai penduduk tempatan supaya berbasikal ke tempat kerja mereka di kawasan George Town dengan kemudahan yang disediakan seperti kemudahan hub rehat dan transit yang terletak di Gama Supermarket, Jalan Gurdwara, kita akan hubungkan KOMTAR dan juga Pengkalan Kota.

Jambatan basikal itu akan melalui Pengkalan Kota lepas itu sampai ke KOMTAR. Sebelum ini terdapat ramai penunggang basikal dan pejalan kaki mengguna laluan motosikal di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu untuk menyeberang Sungai Pinang sehingga mengakibatkan berlakunya insiden kemalangan di pihak penunggang motosikal mahu pun penunggang basikal. Untuk makluman semua, telah ada satu nyawa terkorban di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu, penunggang motosikal, nyawa penunggang motosikal terkorban akibat kemalangan dengan penunggang basikal, penunggang basikal itu adalah warga pekerja asing dan menunggang bertentangan hala. Jadi kes sedemikian telah berlaku beberapa kali di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu.

Saya harap dengan pembinaan tersebut, jambatan basikal di Sungai Pinang akan menambahkan situasi, sebab kejadian kemalangan ini melibatkan pejalan kaki dan penunggang basikal warga asing dan warga asing itu adalah pekerja-pekerja kilang yang berdekatan. Begitu juga laluan basikal di *prominent* Persiaran Karpal Singh yang sering digunakan oleh penunggang motosikal, tadi ialah penunggang basikal di laluan motosikal, sekarang adalah penunggang motosikal di laluan basikal. Perbuatan ini mengundang pelbagai insiden seperti samun, kemalangan membabitkan pejalan kaki dengan penunggang motosikal dan gangguan kepada pengunjung yang beriadah bersama keluarga di *prominent* Pesiaran Karpal Singh. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mewartakan undang-undang untuk laluan basikal dan pejalan kaki bagi menjamin keselamatan pengguna-pengguna tersebut.

Bantuan Pukat Pantai, Yang Berhormat Dato' Speaker bantuan pukat pantai, dalam Perkara 22, muka surat 14, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan bantuan pukat pantai dua (2) kali setahun kepada 2,981 orang nelayan yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan agensi pelaksana

adalah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia iaitu (LKIM) agensi pelaksana. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM6.36 juta kepada pengurusan 294 JKKK bagi tahun 2015. Persoalannya, mengapakah Kerajaan Negeri tidak melibatkan bersama JKKK bagi menentukan bersama LKIM dalam mengenal pasti dan pengagihan bantuan kepada Nelayan? Begitu juga program-program bantuan lain termasuklah skim mikro Kredit, pertanian dan penternakan perlu ada penglibatan JKKK.

Saya ingin sentuh tentang Projek Ekonomi Khas. Di muka surat 18 di dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggara Pembangunan 2015 ada menyatakan seperti berikut:-

Kerajaan Negeri melalui Projek Ekonomi Khas telah memperuntukkan sebanyak RM2.09 untuk Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin (Bina Baru dan Baiki) dengan nilai siling pembiayaan sebanyak RM35,000 untuk membina rumah baru dan RM11,000 untuk membaiki rumah asal. Atas dasar keprihatinan dan juga mengambil kira kos bahan binaan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan nilai siling bagi projek-projek ini, iaitu daripada RM35,000 kepada RM40,000 bagi tujuan membina rumah baru dan daripada RM11,000 kepada RM15,000 bagi tujuan membaiki rumah asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, apabila Kerajaan Negeri dengan prihatin menaikkan nilai siling bagi membina rumah baru untuk Program Rakyat Termiskin sebanyak RM40,000. Suka saya sentuh sedikit berkenaan pampasan yang ditawarkan oleh sesetengah pemaju kepada penduduk setinggan adalah di bawah nilai yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Rakyat Termiskin untuk membina rumah. Persoalannya, adakah Kerajaan Negeri sedar akan tawaran pampasan yang ditawarkan oleh pemaju kepada tuan rumah adalah di bawah nilai siling yang meletakkan tuan punya rumah setaraf dengan rakyat termiskin. Sedangkan mereka ini adalah penduduk yang mendiami rumah tersebut sekian lama, berhak untuk mendapat pampasan yang lebih baik dan tidak adil rasanya apabila mereka dilayan sedemikian rupa. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal nilai siling pampasan perumahan yang membabitkan Projek Pemajuan Swasta. Umum sedia maklum April 2015 cukai GST akan mula dilaksanakan, sehubungan dengan itu golongan pertengahan dan bawahan adalah yang paling terkesan dengan pelaksanaan ini. Walaupun menurut Kerajaan Pusat barangan keperluan asas tidak akan dikenakan cukai tetapi barang makanan dan keperluan yang berasaskan dari barangan keperluan asas akan dikenakan cukai. Industri makanan, perkhidmatan adalah yang paling banyak terkesan dengan cukai GST, adakah Kerajaan Negeri melihat perkara ini sebagai satu cabaran untuk mengimbangi situasi ini dengan langkah-langkah baru dalam mengurangkan bebanan rakyat?

Keprihatinan Kerajaan Negeri juga ditagih dalam mengimbangi dasar menekan rakyat oleh Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan cukai GST. Pengurangan subsidi minyak dan barangan kawalan. Justeru itu adalah diharapkan Kerajaan Negeri ini untuk tahun hadapan dalam membawa negeri ini terkehadapan dalam mengharungi cabaran akibat pelaksanaan GST ini dengan memberi lebih banyak insentif kepada rakyat tidak kira dari segi bantuan ataupun pengurangan/pemansuhan cukai di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Perbelanjaan berhemah, Kerajaan prihatin, rakyat selesa. Sekian perbincangan saya. Saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada 12 November 2014 hari Rabu jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.05 malam.***